

Jilid I  
Bil. 101



Hari Khamis  
3hb Disember, 1987

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**

*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mesyuarat Dewan Rakyat—Tambahan Hari Persidangan [Ruangan 16517]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 16517]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 16561]

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) [Ruangan 16565]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 16615]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuata Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAJ, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.s.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ' Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULO AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAJ (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S, (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN Au (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit),
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

Yang Berhormat DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P:B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D K, J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- » TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SENG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (**Bintulu**).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 3hb Disember, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pergerusikan Mesyuarat)***PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUA****MESYUARAT DEWAN RAKYAT—  
TAMBAHAN HARI PERSIDANGAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak membuat pengumuman, iaitu setakat ini ada 14 Rang Undang-undang Kerajaan dan Usul-usul Kerajaan yang akan dibahas dan diluluskan oleh Dewan ini. Untuk memberi masa yang lebih bagi membahas dan meluluskan Rang Undang-undang dan Usul-usul yang tersebut itu, maka mengikut Peraturan 11 (2) Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis telah membuat keputusan supaya mesyuarat Dewan Rakyat hendaklah ditambah satu hari lagi, iaitu pada hari Isnin 7-12-1987. Dengan ini saya mengisytiharkan Majlis hendaklah disambung Persidangannya hingga hari Isnin, 7-12-1987 ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Chua Jui Meng tidak hadir).*

**POKOK BESAR/TUA UNTUK  
DITEBANG**

**2. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan** minta Menteri Kerjaraya memberitahu:

- (a) apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil mengenai adanya pokok-pokok yang besar-besar dan sudah tua untuk ditebang kerana ini sangatlah bahaya kepada penduduk-penduduk di waktu hujan lebat dan angin kencang;
- (b) adakah Jabatan berkenaan mempunyai rekod-rekod umur pokok dan masa ditanam sebagaimana yang dibuat di Jepun dan England; dan
- (c) bagaimana pula tentang penjagaan pokok-pokok itu dikendalikan sama ada difikirkan bahaya atau hanya untuk kecantikan sahaja.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pihak Jabatan Kerjaraya memang mengambil berat tentang pokok-pokok besar dan tua yang mungkin membahayakan pengguna jalan raya. Oleh hal yang demikian pihak JKR ada mempunyai program tahunan untuk

menebang atau mencantas mana-mana pokok yang didapati merbahaya. Namun demikian, kerja ini hanya dijalankan bagi pokok-pokok yang terdapat di jalan raya yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaraya sahaja manakala jalan raya yang lain, seperti yang di dalam kawasan Majlis Perbandaran atau Majlis Berkuasa Tempatan adalah di luar bidang kuasa Jabatan Kerja raya;

- (b) Jabatan Kerjaraya sememangnya ada mempunyai rekod bagi pokok-pokok yang baru ditanam di sepanjang jalan raya yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaraya. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerjaraya tidak mempunyai rekod bagi pokok-pokok yang sudah tua dan lama; dan
- (c) pokok-pokok di sepanjang jalan raya yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaraya adalah untuk tujuan mengindahkan jalan raya tersebut dan pokok-pokok tersebut sentiasa diawasi dan dijaga supaya tidak membahayakan pengguna-pengguna jalan raya.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa memanglah Kerajaan sentiasa mengambil berat berkenaan dengan pokok-pokok besar yang tumbuh di jalan-jalan raya. Tetapi saya ingin bertanya mengapakah pihak Jabatan Kerjaraya membiarkan pokok itu membesar dan baru hendak dipotong kerana sepanjang jalan-jalan yang dikendalikan atau diawasi oleh JKR kita dapati banyak pokok-pokok seperti pokok sena tumbuh yang sepatutnya daripada kecil-kecil lagi dibuang tetapi dibiarkan sehingga

membesar, tidak memberi apa guna, malah Kerajaan terpaksa berbelanja yang besar. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengawasi supaya pokok-pokok yang besar ini tidak dibiarkan membesar begitu sahaja?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang ketahui bahawa ada jenis pokok-pokok yang didapati sesuai untuk ditanam dengan tujuan untuk mengindahkan jalan raya. Antara pokok-pokok yang kita dapati sesuai ialah jenis pokok yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi untuk tujuan itu pihak JKR akan sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengawasi pokok-pokok ini supaya tidak menjadi merbahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya.

**Tuan Mohamed bin Haji Isa:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang lebuh raya dan jalan raya yang ada di negara kita ini kita dapati banyak pokok yang ditanam oleh pihak JKR ataupun lain-lain agensi Kerajaan dengan memakan belanja yang begitu banyak kalau dikira dan dihitung keseluruhannya. Saya ingin tahu, yang pertama adakah pihak Kementerian Kerjaraya bercadang ataupun memikirkan mencari satu jalan membuat satu dasar memohon kerjasama daripada agensi-agensinya Kerajaan yang lain, misalnya sepanjang lebuh raya atau jalan melalui kawasan FELDA meminta FELDA menanam pokok-pokok hiasan di tepi jalan atau di tepi jalan di kawasan FELCRA ataupun RISDA di Kelantan ataupun lain-lain agensi dan ladang-ladang, minta kerjasama daripada ladang-ladang untuk menghias sepanjang kawasan yang dipunyai oleh agensi atau ladang itu.

Yang kedua, memandangkan negara kita ini sebagai sebuah negeri yang penuh tumbuh-tumbuhan pokok-pokok kadangkala tempat yang tidak sesuai ditanam pokok itu tidak patut ditanam misalnya di tepi hutan atau

bersempadan dengan kawasan hutan pokok hiasan ini ditanam dan pokok hiasan ini menjadi pandangan yang sama bersekali dengan pokok-pokok hutan itu. Adakah pihak Kementerian akan mengkaji kedudukan ini.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama itu, kita menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan kita akan mengambil tindakan selanjutnya tentang cadangan ini.

Untuk jawapan yang kedua, saya kurang pasti apa yang sebenarnya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana perkara ini mungkin terdapat di kawasan-kawasan yang tertentu, jadi saya akan mengambil tindakan susulan terhadap perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba tengok.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Walaupun soalan ini sentiasa mendapat jawapan tetapi oleh kerana perbincangan-perbincangannya sentiasa meluas, saya minta dijawab lagi. Tuan Yang di-Pertua, soalan Nombor 3.

## PELAN INDUK PELANCONGAN

**3. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan pelan induk pelancongan bagi seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,** Kementerian

Kebudayaan dan Pelancongan telah memulakan kerja-kerja untuk mengadakan pelan induk pelancongan bagi seluruh negara. Sebagai langkah pertama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah mendapat kerjasama dari Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Japan International Cooperation Agency) bagi mengumpulkan segala sumber-sumber dan kemudahan tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini. Usaha ini yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun dijangka selesai pada pertengahan tahun hadapan. Sementara itu beberapa buah negeri sedang berusaha untuk menyediakan pelan induk dan pelan struktur pelancongan negeri masing-masing. Pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia atau TDC sejak 1975 telah menyediakan berbagai kajian bagi menentukan kemajuan industri pelancongan dilaksanakan dengan baik dan teratur. Segala usaha ini akan diselaraskan dan dlsatukan ketak oleh pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk dijadikan satu pelan induk pelancongan kebangsaan.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Negeri Johor adalah satu gateway, dengan izin, kepada Malaysia dari Singapura dan oleh kerana 3 juta pelancong melawat negara Singapura, Negeri Johor dan Negeri Melaka telah mewujudkan usaha bersama untuk menarik pelancong daripada Singapura.

Soalan saya adakah Yang Berhormat bercadang menggalakkan Negeri Johor melanjutkan atau meluaskan usaha bersama itu dengan negeri-negeri lain yang ada tarikan pelancong seperti Negeri Pahang dan Negeri Terengganu supaya mereka akan dapat menikmati spillover daripada negara Singapura dan kalau ya, apakah insentif akan diberi oleh Kementerian Yang Berhormat kepada Negeri Johor untuk melaksanakan usaha itu.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam penyediaan pelan induk pelancongan kebangsaan kita mengambil perhatian mengenai bukan sahaja Negeri Johor tetapi tiap-tiap negeri di dalam Malaysia ini supaya industri pelancongan dapat disebar dengan sebaik-baik mungkin dan tidak ada berlaku pertindihan dan sebagainya dan sebab itulah kita yakin apabila setelah maklumat-maklumat yang diperolehi, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu diambil kira. Ini tidaklah bermakna pula pada masa yang lepas tiada tindakan-tindakan yang telah diambil. Umpamanya bagi Negeri Johor sebagai contoh telah pun diadakan Johor Bahru Structure Plan yang mana ini juga diambil kira di dalam penyelarasan kita untuk menyiapkan pelan induk pelancongan.

Mengenai galakan ataupun insentif seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekarang pun dari segi industri pelancongan berbagai-bagai galakan telah diberikan oleh Kerajaan melalui umpamanya Akta-akta yang telah pun diluluskan oleh Parlimen ini sendiri dan di samping itu kita berharap dengan adanya Kementerian yang baru ini dan juga penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Kementerian semua negeri-negeri telah diberi perhatian ataupun dijemput untuk menduduki jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kementerian bagi memastikan bahawa industri pelancongan berjalan dengan berkesan di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan menimbang dalam pelan induk pelancongan supaya mengisytiharkan satu daripada tahun-tahun yang akan datang sebagai Tahun Pelancongan Malaysia atau Tahun Melawat

Malaysia sepertimana yang dibuat demikian oleh negara jiran kita iaitu Negeri Thai. Ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong luar negeri ke Malaysia dan kalau ya, apakah langkah-langkah atau strategi-strategi yang akan dirangkaikan untuk maksud ini?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, setelah Kementerian ini ditubuhkan dalam bulan Mei yang lepas sudah tentulah berbagai-bagai strategi yang baru kita cuba laksanakan. Ini termasuklah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai salah satu strategi iaitu kita menganjurkan Tahun Melawat Malaysia dan kita sedang di dalam pertimbangan untuk menjadikan Tahun Melawat Malaysia ini pada tahun 1990. Kita akan mengkaji ini dengan seteliti-teliti yang mungkin supaya tahun melawat Malaysia itu akan memberi kesan dan dapat kejayaan dengan sepenuhnya. Dan sudah tentulah apabila kita menjadikan satu tahun itu sebagai tahun melawat sebuah negara maka perkara-perkara yang penting ataupun satu perkara yang boleh dijadikan sebagai tarikan pelancong akan diberi penekanan di dalam tahun yang berkenaan.

#### **PESAKIT LEMAH JANTUNG/ BUAH PINGGANG/KENCING MANIS**

**4. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan Kementerian ini untuk mengurangkan lagi bilangan pesakit-pesakit, seperti di bawah ini:

- (i) lemah jantung;
- (ii) sakit buah pinggang; dan
- (iii) penyakit kencing manis

kerana penyakit-penyakit ini selalunya terlibat kepada orang-orang yang mewah.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan lagi bilangan pesakit-pesakit lemah jantung, sakit buah pinggang dan penyakit kencing manis ialah menerusi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) Pencegahan penyakit-penyakit tersebut adalah sangat penting. Kegiatan pencegahan ini dilakukan dengan cara memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai menerusi media massa seperti radio, televisyen dan sebagainya. Tujuannya ialah memberi kesedaran kepada orang ramai tentang penyakit-penyakit tersebut dan faktor-faktor yang boleh menyebabkan penyakit seperti merokok, minuman keras, makanan yang berlemak, kurang senaman dan lain-lain. Kementerian juga menganjurkan kempen kesihatan melalui syarahan, pameran dan sebagainya di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat. Selain dari itu, maklumat-maklumat ini juga disebarkan melalui risalah, poster dan lain-lain.
- (ii) Pengesanan penyakit di peringkat awal adalah juga penting, iaitu dengan memeriksa dan melakukan ujian-ujian perlu ke atas pesakit-pesakit yang mempunyai risiko, umpamanya berumur lewat 40 tahun, berat badan yang berlebihan dan sebagainya. Di samping itu, Kementerian juga sedang mempertingkatkan lagi perkhidmatan di hospital-hospital dan klinik-kliniknya supaya pengesanan awal dan rawatan sewajarnya dapat diberikan. Perlu dimaklumkan bahawa pada masa ini tidak hanya orang-orang mewah sahaja yang boleh mengidap

penyakit-penyakit yang disebutkan itu. Walaupun, kemewahan dan perubahan cara hidup menyebabkan bertambahnya masalah berat badan berlebihan dan kencing manis, ketiga-tiga penyakit yang disebutkan itu boleh dihadapi oleh semua golongan masyarakat.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut salah satu cara untuk mengurangkan lagi bilangan pesakit-pesakit seperti yang disebutkan dalam soalan asal ini ialah perkhidmatan pengesanan serta rawatan. Pada masa ini misalnya bagi pesakit-pesakit buah pinggang, perkhidmatan untuk pesakit-pesakit buah pinggang ini masih lagi tidak mencukupi. Misalnya sungguhpun Hospital Besar Alor Setar telah dipilih menjadi Pusat Rawatan Buah Pinggang bagi Wilayah Utara Semenanjung, tetapi masih banyak lagi pesakit-pesakit buah pinggang di kawasan negeri Kedah dan Perlis terpaksa pergi ke Pulau Pinang untuk mendapat rawatan, bahkan ada yang terpaksa pergi ke hospital-hospital swasta, seperti Hospital Lam Wah Hee di Pulau Pinang. Jadi saya ingin tahu apakah usaha-usaha dan tindakan selanjutnya oleh pihak Kementerian untuk mengadakan kelengkapan-kelengkapan dan alat-alat yang mencukupi bagi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit buah pinggang?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sudah mewujudkan satu perkhidmatan yang luas untuk memberi rawatan hemodialysis dan Alor Setar termasuk dalam pusat-pusat kawasan (regional centres). Sudah tentu bahawa kita tidak akan boleh mewujudkan mesin-mesin yang cukup untuk merawat semua pesakit yang menghidapi

penyakit buah pinggang, Cadangan dan pemikiran kepakaran doktor adalah bahawa dalam beberapa kes yang mereka dapat melihat lebih baik jika pesakit itu dapat menjalani pemindahan buah pinggang dan untuk itu mereka terpaksa mengesan saudara-mara yang dapat menyumbangkan buah pinggang mereka untuk menentukan bahawa saudara-mara mereka dapat pulih kerana hemodialysis itu adalah satu yang panjang umur dan solusi yang pokok adalah untuk membuat pemindahan buah pinggang (kidney transplant) dan kita sedang menggalak pemindahan seperti itu. Kita juga sedang menggalak sektor swasta mewujudkan perkhidmatan hemodialysis dengan galakan cukai yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Budget yang baru diumumkan itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ada 3 soalan. Yang pertama, di Malaysia kita lihat pada masa sekarang ini apa benda pun kalau dibuat melalui kempen selalunya berjaya—Kempen Makan Ulam pun boleh berjaya, termasuk Minum Air Kelapa. Jadi saya rasa di antara tiga masalah yang kita hadapi ini apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan kempen besar-besaran, seperti Kempen Jangan Merokok untuk tujuan pencegahan?

Yang kedua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengadakan Bahagian Khas untuk Pesakit-pesakit Luar semasa mereka datang untuk mendapat pemeriksaan (check-up), sebab semalam saya terpaksa tunggu 4 jam untuk membuat rawatan bagi ibu saya yang mempunyai penyakit jantung dan pernah pun dimasukkan ke ICU dan sekarang ini membuat pemeriksaan semula. Saya rasa dia akan mendapat penyakit itu semula sebab terpaksa tunggu dengan lama, marah dan sebagainya.

Yang ketiganya, untuk membeli peralatan bagi ketiga-tiga penyakit yang telah disebutkan ini, saya rasa lebih murah daripada kita menghantar satu-satu pesakit tiap-tiap tahun melalui kempen suratkhbar dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat lobi dan seterusnya kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan pusat-pusat pemulihan di negara ini?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, banyak cerita ini. Pertama, untuk kempen secara besar-besaran, memang Kementerian suka jika dapat menjalankan kempen besar-besaran. Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri, ada banyak kempen yang kita memperjuangkan pada masa ini—kempen setia, kempen taat setia, kempen kesihatan, bermacam-macam kempen. Jadi hendak cari tempat dan peluang di media massa pun susah, hendak serapkan mesej kesihatan dalam RTM pun banyak susah, tetapi kita sedang mempergiatkannya. Itu memang satu cadangan yang baik.

Kedua, mengenai Bahagian Khas untuk Pesakit Luar, saya tidak faham apa bahagian khas itu. Adalah luar biasanya jika seseorang terpaksa menunggu 4 jam untuk dapat rawatan "follow-up" dan saya mohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau yang menyatakan beliau terpaksa tunggu 4 jam, kerana kita sentiasa membuat kajian tentang berapa lama, dengan izin, "waiting period" itu di "outpatient clinic" dan sebagainya dan sedang berusaha untuk mengurangkan tempoh masa menunggu.

Ketiga, mengenai peralatan itu, memang kita mempunyai alat-alat dan seperti saya katakan tadi, mungkin tidak akan mencapai satu masa di raana boleh dikatakan kita mencukuni alat. Di England, di Singapura atau di mana-mana pun untuk hemodialysis

tak cukup alat. Seperti saya katakan, apa yang lebih perlu adalah usaha-usaha untuk kita mencegah penyakit, untuk mengelak daripada dihidapi penyakit itu dan usaha untuk kita mengenal atau mengesan lebih awal tentang penyakit itu. Usaha seperti itulah yang mempunyai pulangan yang lebih untuk individu-individu tertentu dan juga untuk Kerajaan yang membelanjakan banyak wang, tetapi kita akan sentiasa menambah kepada alat-alat, membaikinya, meningkatkan teknologi, kesan dan sebagainya di hospital-hospital.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah penyakit jantung, sakit pinggang dan kencing manis, selain daripada penyiaran maklumat kepada rakyat dengan melalui TV, radio dan lain-lain media, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bercadang bagi mengadakan pusat klinik khas di dalam tiap-tiap bandar supaya rakyat yang mendengar pengumuman di dalam TV apa-apa maklumat boleh datang ke pusat atau service clinic itu kalau menghadapi penyakit kencing manis, sakit pinggang atau sakit jantung, sebab clinic centre seperti ini merupakan pusat kesihatan yang sangat mustahak.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, tentang penyakit kencing manis itu, saya rasa itu senang sahaja, mereka boleh pergi ke mana-mana klinik. Dengan kemudahan kesihatan pada masa ini mereka boleh mendapat screening untuk kencing manis. Tetapi untuk kita membuat screening untuk sakit buah pinggang secara luas, saya rasa dari segi perubatan rawatan juga tak bolehlah. Namun begitu, kita sedang memperluaskan alat-alat dan pakar-pakar kita di beberapa hospital yang boleh.

Begitu juga tentang sakit buah pinggang itu, susahlah bagi kita hendak mengadakan alat ultra-sound

atau bermacam-macam alat screening di seluruh tempat secara berleluasa. Tetapi rancangan kita adalah untuk menentukan bahawa kita mempunyai alat-alat yang perlu seperti ini di semua hospital besar dan di beberapa hospital daerah yang boleh.

### **PERSIDANGAN DADAH ANTARABANGSA—PENYERTAAN MALAYSIA**

**5. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam kempen Perdana Menteri hendak merebut jawatan Pengerusi Badan Pencegah Penggunaan dan Pengedaran Najis Dadah yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Dan benarkah Kerajaan telah mengeluarkan perbetanjaan sokongan supaya calon dari Latin Amerika untuk jawatan itu menarik diri.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Perbendaharaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$1,086,400 untuk membiayai penyertaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rombongan di Persidangan Dadah Antarabangsa dari 17hb-26 Jun, 1987 yang lepas. Akan tetapi jumlah perbelanjaan sebenar adalah lebih daripada ini dan tidak mudah diperhitungkan. Ini adalah kerana kempen untuk merebut jawatan Pengerusi Persidangan ini telah dijalankan mulai awal tahun 1986 lagi dengan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada di Wisma Putra.

Kerajaan tidak memberi bayaran apa-apa pun kepada Bolivia supaya calonnya mengundur diri.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan

Menteri memberi keterangan apakah secara langsung ataupun tidak langsung yang telah diperolehi oleh Malaysia setelah Perdana Menteri kita dilantik menjadi Pengerusi Badan Pencegah Penggunaan dan Pengerahan Najis Dadah itu?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mendapat perhatian dan pengenalalan di kalangan dunia antarabangsa, Malaysia dengan polisi yang tegas mengenai dadah, telah dapat menonjolkan dasar kita itu dengan lebih luas lagi untuk mendapat sambutan dan sokongan daripada negara-negara lain. Itu pertamanya.

Yatig keduanya, kita sedar bahawasanya sekiranya setakat Malaysia sahaja yang memben-terasikan dadah ini secara bersendirian tentunya tidak akan mendapat hasil yang menyeluruh. Kita perlukan kerjasama serta bantuan daripada negara-negara antarabangsa, lebih-lebih lagi negara-negara yang berdekatan dengan Malaysia dan juga negara-negara yang menjadi punca pengeluaran dadah-dadah yang tertentu.

Manfaat yang didapati amatlah besar dan banyak sekali dan ini juga pernah dibincangkan dan dijawab di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maaf, sebab saya bertanya soalan ini. Saya ingin bertanya perincian perbelanjaan tersebut, kerana semasa persidangan baru-baru ini, saya lihat terdapat wakil-wakil Malaysia yang hadir melalui badan sukarela yang terpaksa naik tram ataupun yuban untuk ke pusat persidangan tetapi kerani, steno dan juga lain-lain kakitangan Kedutaan dibagi seorang sebuah kereta. Jadi, saya ingin bertanya, apakah wakil-wakil yang hadir secara sukarela termasuk

daripada PEMADAM memang tidak mendapat layanan daripada pihak Wisma Putra?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan terperinci tak dapat saya berikan di sini kerana perlukan notis.

Keduanya, tidak benar anggapan Ahli Yang Berhormat tadi bahawasanya setiap steno, kerani dan sebagainya mendapat sebuah kereta tersendiri untuk pergi-balik daripada hotel ke tempat persidangan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hadir sama, Tuan Yang di-Pertua.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, cuma ketua-ketua rombongan dan pegawai-pegawai tertentu sahaja telah mendapat kenderaan yang diberikan oleh Kerajaan. Tentang wakil-wakil PEMADAM itu adalah wakil daripada badan-badan yang bukan Kerajaan dan tentunya badan yang menghantar mereka sepatutnya bertanggungjawab untuk membiayai perbelanjaan pengangkutan daripada hotel ke tempat persidangan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri bercanggah sekali dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya daripada Arau. Saya difahamkan sahabat saya dan Arau itu adalah seorang perwakilan yang menyertai di dalam persidangan itu dan melihat kejadian-kejadian itu berlaku, siapa yang dapat kereta seorang, siapa yang terpaksa naik carriage umpamanya. Jadi kenyataan ini tak patutlah didolal-dalik dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa Timbalan Menteri mengetahui

dengan lebih jelas lagi daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau, walaupun beliau menjadi wakil.

Yang kedua, saya ingin bertanya setelah Perdana Menteri kita menjadi Presiden, apakah response dan kerjasama yang lebih erat lagi daripada sahabat-sahabat kita daripada negara-negara jiran terutama dari Burma yang menjadi kancah tanaman atau pengeluaran bahan-bahan dadah di rantau Asia. Adakah sudah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berunding dengan pihak yang berkuasa daripada Burma untuk memansuhkan usaha penanaman secara haram yang bukan sahaja menjejaskan rakyat Malaysia, nama ASEAN dan juga nama Asia tetapi juga merosakkan imej kita di seluruh dunia.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang boleh disahkan oleh Kementerian Dalam Negeri tangkapan berkenaan dengan pengedaran dadah sejak akhir-akhir ini telah berkurangan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lampau. Dengan itu ini telah pun menunjukkan satu kejayaan.

Yang kedua, setakat ini pihak Perdana Menteri belum lagi membuat apa-apa perjumpaan atau perbincangan dengan pemimpin negara Burma. Kita mengharapkan tiap-tiap negara akan menggunakan budibicara mereka sendiri untuk memastikan supaya tanaman bahan-bahan yang boleh menagih ini dapat dikurangkan. Cuma pihak antarabangsa akan menimbangakan untuk memberi, dengan izin, substitution crops ataupun tanaman gantian untuk menampung penghidupan petani-petani yang terpaksa mengalihkan tanaman poppy ataupun marijuana kepada tanaman lain seperti yang pada umumnya telah pun dipersetujui oleh persidangan itu.

## HOSPITAL DAERAH— KEKURANGAN DOKTOR DAN ALAT

**6. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menten Kesihatan menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa rumah-rumah sakit daerah (Hospital Daerah-daerah) terutamanya di luar-luar bandar, masih banyak kekurangan seperti doktor pakar, doktor-doktor, alatan perubatan moden dan alat kelengkapan tempat-tempat pesakit menerima rawatan; jika sedar bilakah Kementerian ini menyempurnakan dan melengkapkan perkara-perkara yang tersebut, jika tidak, mengapa.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya doktor-doktor pakar ditempatkan di hospital-hospital tertentu di mana perkhidmatan kepakarannya diperlukan. Kebanyakan penyakit dapat dirawat secara berkesan di peringkat doktor-doktor biasa dan tidak memerlukan rawatan doktor pakar.

Sehingga ini sebanyak 65.9% jawatan doktor-doktor pakar telahpun diisi dan ditempatkan di hospital-hospital besar dan hospital-hospital daerah yang tertentu. Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan ini di mana-mana hospital yang memerlukan perkhidmatan kepakaran. Walau bagaimanapun, memandangkan Kementerian masih lagi menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar di dalam bidang-bidang tertentu seperti otopedik, bius, mata, ENT dan sebagainya maka penempatan mereka di hospital-hospital akan diadakan hanya apabila keadaan mengizinkan.

Bagi jawatan doktor-doktor biasa pula, sebanyak 94.7% daripada jawatan yang diwujudkan telah pun diisi dan ditempatkan di kebanyakan hospital termasuk hospital-hospital

daerah. Dengan kadar tersebut, dijangka juga kekosongan jawatan\* jawatan ini akan dapat dipenuhi dari masa ke semasa bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan di hospital-hospital di seluruh negara kita.

Kementerian Kesihatan juga mengambil berat ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan di semua hospital. Langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki dan meninggikan lagi taraf perkhidmatan di hospital-hospital. Kemudahan fizikal serta lain-lain kelengkapan perubatan sentiasa diperbaiki dan ditambah dari masa ke semasa untuk menjamin keselesaan pesakit-pesakit. Latihan-latihan kepada kaki-tangan hospital juga diadakan supaya mereka dapat menjalankan perkhidmatan dengan lebih cekap.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa simpati terhadap hospital-hospital yang berada di luar bandar lebih-lebih lagi hospital luar bandar di Changkat Melintang, Parit. Sudahlah doktor pakar tidak ada, doktor pakar setninggu sekalipun tidak dapat diadakan kemudahan yang sedemikian rupa. Jadi berpunca daripada kekurangan serba-serbi termasuk doktor .pakar, sedikit sebanyak kelemahan berlaku di Hospital Desa Changkat Melintang. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya bilakah masanya, bilakah tahunnya supaya Hospital Desa Changkat Melintang ini dinaikkan taratnya ke Hospital Daerah supaya kemudahan-kemudahan Yang Berhormat sebutkan tadi dapat dilengkapkan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang memerlukan notis untuk menjawab dengan sepenuhnya rancangan Kementerian tentang Hospital Desa di Changkat Melintang. Tetapi saya dapat

menyatakan bahawa di Hospitat Desa Changkat Melintang kita mempunyai pada masa ini saya rasa tiga orang doktor dan ketiga-tiga jawatan itu diisi untuk memberi perkhidmatan yang perlu di peringkat itu. Dan untuk sementara .waktu kita terpaksa lah merujuk pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan yang lebih rumit dan kompleks kepada Hospital Besar atau Hospital Daerah dan sebagainya.

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa kelengkapan-kelengkapan di hospital-hospital; ini tidak termasuk Hospital Tanjong Karang. Yang Berhormat Timbalan Menteri barangkali tidak pernah menjejakkan kakinya ke Tanjong Karang agak saya, kerana semenjak saya menjadi Wakil Rakyat daripada tahun 1969 lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan kepada pertanyaan.

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana naik geram sedikit. *(Ketawa)*

Berhubung dengan kelengkapan, Hospitat di Tanjong Karang holehlah dikatakan sebuah hospital yang menampung pesakit-pesakit daripada daerah-daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, kesemuanya ke situ. Tetapi yang mendukacitakan kita, kelengkapan-kelengkapannya tidak memuaskan, bangunannya sangat buruk dan pecah-pecah simennya dan bocor. Begitu juga kain-kain cadarnya yang tidak patut digunakan lagi, berlapuk-lapuk, bertampuk-tampuk dengan kesan-kesan darah. Ini sangat mendukacitakan. Kalau dibandingkan dengan keadaan hospital di bandar-bandar jauh bezanya dengan hospital luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, sila tanya.

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** Ini hendak tanya. Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dewan ini bermesyuarat, baru inilah kali pertama soalan tambahan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** Tidak pernah buat tambahan pun. Jadi apatah salahnya diberi sedikit sebanyak peruntukan. Walaupun kita tahu keadaan ekonomi telah meleset, tak ada duit dan sebagainya, apalah salahnya diberi sedikit peruntukan kepada hospital itu? Apakah Menteri yang berkenaan bercadang untuk hendak membuat lawatan dan memberi peruntukan? Jika ada, bila dan jika tidak, mengapa? (*Kelawa*)

**Dato' K. Pathmanaban:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah menjemput saya datang melawat ke Tanjong Karang di samping memberi insentif untuk makan malam dan sebagainya. (*Ketawa*) Tetapi malangnya, saya suka makan dan tidak ada halangan, tetapi saya tidak cukup masa. Saya mohon maaf. Tetapi saya akan mengambil ingatan tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga mengatur lawatan untuk melihat dengan sendiri tentang keadaan di hospital itu. Tetapi saya percaya hospital itu tidak seburuk seperti yang disebutkan, kerana hospital itu juga digunakan sebagai hospital latihan untuk mahasiswa-mahasiswa di Universiti Kebangsaan dan sebagainya. Ada juga pakar-pakar perubatan di Hospital Daerah Tanjong Karang dan kita akan cubalah mengatasi keadaan di situ. Kita juga mempunyai peruntukan untuk perabut, alat-alat kelengkapan, penyelenggaraan dan sebagainya di dalam peruntukan Budget kita, jika

perlu di satu-satu tempat kita menggunakan peruntukan itu untuk memperbaiki keadaannya dan saya akan cubalah memperbaiki keadaan di hospital daerah itu.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada setengah-setengah Hospital Daerah yang letaknya berjauhan dengan Hospital-hospital Besar, umpamanya lebih daripada 50 kilometer? Jika ada kes-kes kecemasan, pesakit terpaksa dibawa dengan ambulans daripada Hospital Daerah itu ke Hospital Besar dan ini mengambil masa lebih daripada satu jam dan didapati di banyak kes kecemasan itu pesakit-pesakitnya meninggal di dalam perjalanan. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi menentukan bahawa Hospital-hospital Daerah yang letaknya berjauhan dengan Hospital Besar seumpama itu mempunyai kemudahan, kelengkapan dan pakar-pakar yang cukup untuk memberi rawatan seperti juga di Hospital-hospital Besar.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, memang perkara itu menjadi hasrat kita juga dan dalam keupayaan kita, kita cubalah menempatkan pegawai-pegawai dan alat-alat. Biasanya kalau pesakit-pesakit sakit teruk dan tidak dapat dibawa dalam kenderaan atau ada kemungkinan mereka meninggal jika dibawa dalam kenderaan, mereka tidak akan dibawa, tidak akan diusik tetapi cuba dirawat di hospital-hospital daerah tertentu. Tetapi kita akan cubalah seberapa yang boleh.

## RTM—TANGGUNGJAWAB MENDIDIK ORANG RAMAI

**7. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian melalui radio dan

televisyen akan mendidik orang ramai mengenai prosedur dan kuasa mereka apabila mendapat khidmat dari setiap Jabatan Kerajaan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa dan berlakunya rasuah, jika ada, adakah rancangan-rancangan demikian akan disiarkan dalam bahasa dan diatit supaya lebih ramai orang akan faham, jika tidak, sila berikan sebab-sebab.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk mendidik orang ramai mengenai kuasa dan hak mereka adalah tanggungjawab semua agensi-agensi Kerajaan yang berurusan dengan orang ramai. Bagi Kementerian Penerangan tugas ini bukan sahaja dijalankan melalui radio dan TV tetapi melalui Jabatan Penerangan, Filem Negara dan lain-lain agensi di bawahnya.

Penerangan-penerangan melalui cara-cara mendapatkan khidmatnya daripada agensi-agensi Kerajaan mengenai keburukan perbuatan penyalahgunaan kuasa dan rasuah dan lain-lain sentiasa diberikan penekanan sama ada melalui rancangan RTM ataupun melalui kursus-kursus sivik Jabatan Penerangan.

Rancangan-rancangan RTM itu disiarkan melalui radio dalam Bahasa Malaysia, bahasa inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil dan juga loghat-loghat tempatan di Sabah dan Sarawak melalui rangkaian-rangkaian tempatan. Ini adalah untuk menjamin supaya semua lapisan masyarakat dapat mengikuti dan menghayati perkara ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat suka mendengar jawapan dan usaka yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan khasnya Jabatan Penerangan, Radio dan TV dan sebagainya. Baru-baru ini datam satu siaran yang telah dibuat oleh TV Malaysia Rangkaian I mengenai satu

drama yang telah membentangkan satu konflik nilai di antara perjuangan nasionalisme tulen dengan perjuangan nasionalisme komunis. Dakwaan telah dibuat oleh pejuang komunis yang berkenaan supaya menerima perjuangan nasionalisme melalui komunisme ini sebagai satu perjuangan nasionalisme yang tulen juga. Apakah Jabatan Penerangan menerima konsep ini atau ianya hanya dijadikan sebagai satu wadah yang boleh dilihat oleh rakyat di dalam negara ini bahawa perjuangan melalui komunis ini masih terus berada dalam negara kita?

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tidak ada kaitannya secara langsung berkenaan apa yang telah dibincangkan dalam soalan ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Kalau tidak ada kaitan, soal apa yang berkaitan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, dia tak mahu menjawab. *(Ketawa)*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak hendak jawab, saya puas hati, tetapi kalau kata tidak ada kaitan, saya tidak puas hati. Tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua puas hati, saya terimalah. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh paksa dia menjawab.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini walaupun kecil, tetapi besar maknanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan buat macam itu, tidak berguna, tidak payah, teruskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apakah makna ataupun interpretasi "rasuah" bagi Kementerian Penerangan. Sebab saya tengok dalam rancangan agama, dia kata, kata-kata pun boleh dimaknakan dengan rasuah. Jadi, makna "rasuah" di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah lain pula. Jadi, apa makna "rasuah" yang sebenarnya, sebab saya rasa anak-anak kita bertanya apa makna "rasuah" sebenarnya, sebab orang macam-macam beri int rpretasi bagi "rasuah".

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak cerita atau tanya tentang erti yang sebenarnya rasuah, saya percaya erti kata rasuah itu memang luas. Bukan sahaja dari segi penyalahgunaan kuasa, mungkin daripada lain-lain hal juga yang ada kaitannya dengan rumahtangga dan sebagainya juga rasuah. Ini kita kena tanya dan confirm dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi dalam hal yang dimaksudkan di sini, rasuah ialah penyalahgunaan kuasa. Itu interpretasi yang kita terima sebagai satu penjelasan yang diberikan kepada orang ramai. Tuan Yang di-Pertua.

### FELDA—PENEROKA TIDAK PUAS HATI

**8. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** meminta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan, apakah punca sebenarnya yang menyebabkan akhir-akhir ini timbul bermacam-macam rasa tidak puas hati peneroka di rancangan tanah PELDA.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul**

**Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, adalah susah untuk kita menentukan apakah punca sebenarnya yang menyebabkan timbulnya tidak puas hati di kalangan peneroka-peneroka sepertimana susahny kita hendak menentukan dengan sebenarnya punca sakit selsema.

Sebagaimana selsema apabila ada berlakunya perubahan di udara dan suasana begitulah juga berlakunya rasa tidak puas hati di kalangan peneroka apabila berlaku perubahan, terutama perubahan dari segi pendapatan. Jadi, apa yang berlaku pada akhir-akhir ini ialah perubahan pendapatan dan akibat daripada itu ditimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan segelintir daripada peneroka-peneroka.

Segelintir ini kalau kita bandingkan dengan semua sekali peneroka yang berjumlah lebihkurang 105,000 orang dan secara langsung dan tidak langsung mengakibatkan satu masyarakat lebihkurang satu juta orang. Jadi, apabila timbul masalah pendapatan ini, banyak lagi masalah bukan sahaja ditimbulkan oleh peneroka-peneroka, tetapi juga oleh orang-orang luar yang rasa ada kepentingan politik dan juga sebab-sebab lain untuk menimbulkan isu supaya perhatian ditumpukan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka akibat pada mulanya dari kejatuhan pendapatan.

Berkenaan dengan pentadbiran FELDA, pentadbiran FELDA sentiasa dinasihatkan supaya berdampingan dengan peneroka-peneroka agar peneroka-peneroka ini mendapat maklumat yang lebih luas dan mendalam terhadap masalah-masalah dan juga hal-hal yang berkenaan dengan pasaran, jualan serta juga harga bahan-bahan seperti kelapa sawit dan getah di pasaran tempatan dan pasaran dunia.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada sungutan pihak peneroka berkenaan dengan perasaan tidak puas hati ialah disebabkan pendapatannya berkurangan. Ini disebabkan kejatuhan harga barangan kita, tetapi sebelum jatuh harga barangan kita pun sungutan ini telah mula kedengaran di merata-rata rancangan. Kononnya kerana potongan-potongan yang dibuat oleh pihak pengurus PELDA ini terlalu banyak. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah benar dakwaan ini, apakah jenis-jenis potongan yang telah dikenakan oleh pihak pengurus PELDA ini dan kalau benar, adakah pihak Kementerian ini bercadang supaya jenisnya dikurangkan ataupun jumlah wang potongan itu dikurangkan rasa tidak puas hati?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebenarnya sebelum kejatuhan harga ini sudah pun ada masalah. Sepertimana yang saya katakan tadi, apabila kita menghadapi satu masyarakat yang berjumlah antara 105,000 peneroka dengan keluarga yang rapat dan jauh—satu juta orang, tentulah masalah itu sentiasa ada.

Berkaitan dengan soalan satu lagi tentang potongan sama ada masalahnya diakibatkan oleh potongan, ini juga ada kaitan dengan pendapatan tetapi FELDA telah menentukan satu pendapatan minima dan di samping itu, mereka diberi kredit sekian-sekian ratus—ada yang diberi \$200 atau \$250 dan kadangkala \$300. Terpujanglah kepada mereka untuk menggunakan kredit itu. Tetapi kalau mereka menggunakan sepenuhnya kredit dalam satu bulan, maka akhirnya mungkin mereka tidak mendapat satu sen pun kemudian selepas ditolak segala-gatannya. Jadi, saya sudah menyatakan bahawa benar ada potongan.

Tentang apakah langkah kita untuk mengurangkan potongan itu, saya boleh m mberikan takta iaitu kita sentiasa memberikan pertimbangan yang sewajarnya supaya mereka tidak menghadapi masalah yang sangat-sangat besar. Potongan ini sebenarnya berkaitan dengan perjanjian asas yang perlu mereka penuhi apabila mereka hendak memasuki rancangan FELDA dan yang kedua, sepertimana yang saya katakan tadi, berdasarkan kepada kredit yang diberikan kepada peneroka.

Saya ingin memberi jaminan bahawa PELDA sentiasa memberikan pandangan terhadap masalah-masalah yang sentiasa dihadapi oleh peneroka sepertimana yang disuarakan bukan sahaja oleh Yang Berhormat tetapi juga yang disuatakan oleh pihak-pihak lain di luar Dewan ini.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada gerakan hendak menggagalkan usaha Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan dengan cara menghasut peneroka-peneroka supaya menentang rancangan memberi hakmilik dalam bentuk saham dan mereka menggesa supaya Kerajaan memberi hakmilik persendirian supaya mudah bagi si pemilik berkenaan dipindahkan kepada mereka. Soalan saya, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh pihak FELDA bagi mencegah perkara-perkara yang tersebut itu?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana jawapan saya kepada soalan asal tadi, memang ada usaha-usaha yang membawa kesukaran dan kesusahan kepada peneroka-peneroka oleh pihak-pihak tertentu di luar rancangan-rancangan FELDA terutama pihak-pihak yang ada kepentingan politik. Jadi soal saham berbanding dengan soal blok dahulu adalah satu persoalan yang

terus menerus ada sejak beberapa bulan yang lepas. Yang menjadi masalah ialah sepertimana yang pernah saya sebut bahawa ada terdapat nilai di kalangan orang-orang Melayu iaitu merupakan peneroka yang ramai di kalangan rancangan-rancangan FELDA, iaitu mereka lebih cenderung mempunyai harta yang mempunyai fizikal, tanah yang nyata dan bukan yang berbentuk saham, tetapi ini bukan bererti bahawa saham itu kurang faedahnya daripada cara lama itu. Segala mantaat yang harus didapati menerusi sistem saham ialah daripada dividen dan juga daripada segi kemudahan memindahkan hakmilik apabila berlaku seperti kematian dan sebagainya lagi.

Jadi berkaitan dengan soalan kedua, sama ada kita ingin membuat sesuatu, jawabnya ya, iaitu kita sedang merencanakan satu sistem pemberian maklumat secara comprehensive kerana kita telah mengenalpasti bahawa masalah utamanya ialah soal maklumat ataupun information. Jadi, dissemination "of information" atau penyiaran maklumat inilah yang sedang ditumpukan oleh pihak FELDA supaya bukan sahaja peneroka-peneroka faham tetapi juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta juga semua pemimpin-pemimpin masyarakat dapat menyebarkan maklumat-maklumat ini kepada peneroka-peneroka, keluarga mereka dan juga masyarakat di luar dan di sekeliling rancangan-rancangan FELDA.

## PENGIMPORT MINYAK

**9. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan gas, hidro dan sumber arang di negara ini memandangkan negara akan menjadi pengimport minyak selepas tahun 2000.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok);** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari bahawa negara akan menjadi, dengan izin, "net importer" minyak menjelang tahun 2000 dan dengan itu Kerajaan telah menggubal Dasar Empat Bahanapi (Four-Fuel Policy) untuk mengurangkan pergantungan ke atas minyak di samping menggunakan sumber-sumber yang lain. Dasar ini mempelbagaikan punca tenaga negara meliputi minyak, gas, hidro dan arang batu untuk menjamin kemantapan bekalan tenaga bagi memenuhi keperluan negara.

Selaras dengan "Four-Fuel Policy" kegunaan minyak akan lebih bertumpu kepada sektor-sektor di mana ianya sukar ditukar seperti pengangkutan dan sebagainya. Manakala bagi sektor-sektor lain seperti elektrik, sumber-sumber gas asli dan hidro yang kini sedang dibangunkan, dapat memberikan bekalan tenaga yang stabil sekurang-kurangnya untuk abad akan datang. Simpanan gas negara adalah sebanyak 52 trillion kaki padu iaitu lebih kurang empat kali ganda simpanan minyak dari segi kandungan tenaga manakala potensi hidro adalah sebanyak 29,000 megawatt, berbanding dengan jumlah keupayaan terpasang sebanyak 3,600 megawatt sahaja pada masa sekarang. Simpanan arang batu pula telah dianggarkan sebanyak 500 juta tan manakala penggunaannya dalam tahun 1986 hanya berjumlah sebanyak 700,000 tan sahaja.

Dalam beberapa tahun akan datang, gas akan memainkan peranan yang besar dalam kegunaan tenaga lebih-lebih lagi dalam rancangan elektrik. Sehingga kini, peratus penggunaan minyak di dalam campuran penjanaan kuasa Lembaga Letrik Negara telah jatuh kepada 58% berbanding dengan 86% dalam tahun 1980. Menjelang tahun 1992, campuran penjanaan kuasa elektrik dijangka mencapai 1%

minyak, 61% gas, 23% arang batu dan 5% hidro di Lembaga Letrik Negara. Di bawah Projek Penggunaan Gas Semenanjung, talian paip gas akan membawa gas asli dari pantai timur ke barat dan selatan untuk penggunaan industri dan surirumah. Projek talian paip gas ini dijangka siap pada tahun 1991. Di samping itu, di Sabah dan Sarawak juga terdapat rancangan pembangunan gas bagi sektor kuasa elektrik dan industri.

Berkenaan dengan pembangunan tenaga hidro, rancangan-rancangan di seluruh negara sentiasa dikaji semula untuk menambahkan bilangan stesen-stesen itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soatan No. 1 dan 10 hingga 26 adalah diberi di bawah ini].*

## BILIK DARJAH—PERTAMBAHAN

**1. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa Kementerian tidak membuka lebih banyak kelas (maka merendahkan bilangan murid dalam setiap kelas) supaya guru-guru siswazah terlebih boleh diserapkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak berkeupayaan mengikut keadaan untuk menambah bilangan bilik-bilik darjah bagi tujuan mengurangkan saiz kelas. Pertambahan bilik-bilik darjah yang dijalankan sekarang adalah bertujuan untuk menampung pertambahan murid dan untuk menggantikan bilik-bilik darjah yang usang.

## PELAJARAN VOKASIONAL

**10. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama

ada beliau sedar bahawa murid-murid yang mengambil matapelajaran vokasional seperti perdagangan atau pertanian hanya diberi satu mata pelajaran sahaja dalam bidang berkenaan dan sudah pasti tidak mencukupi. Oleh yang demikian saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menambah bilangan mata pelajaran berkaitan kepada murid-murid berkenaan supaya murid-murid tersebut mendapat lebih kemahiran.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah sistem pelajaran vokasional sekarang, pelajar di sekolah menengah vokasional diwajibkan mengambil tiga matapelajaran vokasional selain dari matapelajaran-matapelajaran am. Misalnya untuk Kursus Pengurusan Perniagaan di bawah Kursus Perdagangan, seorang pelajar diwajibkan mengambil matapelajaran Asas perakaunan, Prinsip Perniagaan, Pemprosesan Maklumat, selain dari Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Rampaian Sains, Pengetahuan Agama Islam/pendidikan Moral dan Sivik/Pendidikan Kewarganegaraan. Tujuan pelajaran vokasional ialah untuk memberi pendidikan dan latihan yang luas kepada pelajar dalam bidang pekerjaan yang tertentu serta untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa berubah.

## PENYELUDUPAN ROKOK HARAM

**11. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keputusan penyiasatan tentang penyeludupan rokok haram dari Indonesia yang melibatkan dua orang anggota polis dan seorang awam di Tawau baru-baru ini. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas dua orang anggota polis tersebut.

Langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah penjualan rokok haram di tempat-tempat awam di Tawau.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes tersebut masih lagi dalam siasatan pihak polis. Sementara menunggu siasatan selesai, dua orang anggota polis yang terlibat itu sedang ditahan kerja.

Bagi mencegah penyeludupan rokok dari negara jiran ke Sabah, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mempergiatkan rondaan di sepanjang pantai perairan Sabah;
- (ii) mengadakan kerjasama antara pasukan Kastam dan Polis bagi tujuan membanteras jenayah penyeludupan;
- (iii) mengadakan serang hendap di pusat-pusat yang dikenalpasti sebagai tempat pendaratan rokok haram;
- (iv) mengadakan pemeriksaan mengejut di kedai-kedai kopi, restoran dan kantin-kantin bagi menyekat penjualan rokok haram; dan
- (v) membuat pemeriksaan di tempat-tempat tinggal pendatang asing untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan lain-lain jenayah.

#### UNIT RAWATAN PENYAKIT BARAH

**12. Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengadakan unit rawatan penyakit

barah (cancer) di Hospital Besar Kota Kinabalu Sabah supaya para pesakit barah (cancer) di Sabah tidak payah lagi ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Jawapan kepada masalah ini telah pun diberi semasa mengulung perbincangan di atas usul Belanjawan pada 10 hb November, lalu. Buat sementara waktu, pesakit-pesakit penyakit barah dari Sabah terpaksa dirawat di Hospital Besar Kuching ataupun di Hospital Besar Kuala Lumpur dan di "follow-up" di Kota Kinabalu.

#### AGENSI KERAJAAN YANG DISWASTAKAN

**13. Tuan Law Lai Heng** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah nilai perkhidmatan awam yang dahutunya dikendalikan oleh Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan telah diswastakan sejak Konsep Penswastakan disaran dan diterima sebagai polisi negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Soalan Yang Berhormat adalah kurang jelas. Saya anggap bahawa apa yang Yang Berhormat maksudkan ialah jumlah nilai aset agensi yang telah diswastakan atau yang telah men-swastakan perkhidmatannya. Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek yang telah diswastakan terdiri daripada agensi-agensi yang sedia ada dan projek-projek baru.

Projek-projek sedia ada "yang telah diswastakan terdiri daripada Depoh Baikpulih Kapal Terbang TUDM (AIROD), Sports Toto Sdn. Bhd., Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Terminal Kontena Pelabuhan Kelang, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), dan kemudahan-kemudahan pelancongan di Taman

Negara. Aset agensi/agensi/projek-projek ini berjumlah \$5,369 juta. Sayugia bahawa hanya sebahagian daripada milik Kerajaan dalam agensi-agensi ini telah diswastakan. Kerajaan masih memegang sebahagian daripada saham agensi-agensi ini. Selain dari agensi-agensi tersebut, sebagaimana Yang Berhormat telah maklum, tindakan telah diambil untuk menswastakan Jabatan Telekom dengan menukar tarafnya kepada sebuah syarikat yang pada masa ini dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

Penswastaaan sepenuhnya STMB akan diusahakan dalam tempoh 2-3 tahun lagi apabila syarikat tersebut menunjukkan keuntungan. Anggaran nilai aset Syarikat Telekom Malaysia adalah di dalam lingkungan \$7,900 juta.

Nilai projek-projek baru yang telah diswastakan dari segi kos pembinaan adalah seperti berikut:

North Kelang Straits Bypass	\$ 20 juta
Jejambat Jalan Kuching/Jalan Kepong	\$ 80 juta
Projek Air Labuan .. ..	\$110 juta
TV3 .. .. .	\$ 60 juta

### MAKTAB PERGURUAN KINTA

**14. Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Pendidikan menyatakan beberapa tahun dahulu Kerajaan mengumumkan rancangan memindahkan Maktab Perguruan Kinta di Tiger Lane Ipoh ke Gopeng.

- (a) bilakah rancangan itu akan dilaksanakan; dan
- (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Buat masa ini projek tersebut ditangguhkan dan akan

dilaksanakan apabila peruntukan untuk pembinaannya diperolehi.

- (b) Peruntukan bagi pembinaan projek tersebut belum diperolehi.

### PENANAM LADA HITAM

**15. Tuan James Jimbun Pungga** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah yang akan diambil untuk mendorong tebih ramai petani lada hitam di Sarawak memandangkan keadaan harganya yang menguntungkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Memandangkan penanaman lada hitam memerlukan modal yang tinggi dan tenaga buruh yang banyak serta pemeliharaan intensif yang dikehendaki oleh tanaman ini di mana ianya menyebabkan petani-petani tidak boleh menjalankan aktiviti-aktiviti lain untuk menambahkan pendapatan mereka maka perkembangan tanaman ini tidak digalakkan.

Walau bagaimanapun perusahaan lada hitam yang ada hari ini akan dibeh perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan.

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK

**16. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah peruntukan kewangan untuk negeri Sarawak dari Kementeriaannya di bawah Rancangan Mataysia Kelima dan berapa banyakkah peruntukan kewangan berkenaan telah digunakan hingga sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Untuk makluman.

Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML), negeri Sarawak telah diluluskan peruntukan sebanyak \$23.30 juta untuk membiayai projek-projek pembangunan iaitu projek Perumahan Awam Kos Rendah sebanyak \$20.55 juta dan projek untuk Perkhidmatan Bomba berjumlah \$2.75 juta. Ini menjadikan kesemuanya peruntukan tersebut berjumlah sebanyak \$23.30 juta.

#### **Peruntukan Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

Sebanyak \$20.55 juta telah diperuntukkan bagi membiayai projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah di Mukah (161 unit rumah), Lawas (129 unit rumah), Batu Kawa II (372 unit rumah) dan di Siol Kanan (268 unit rumah). Jumlah kesemuanya bagi keempat-empat kawasan tersebut adalah 930 unit rumah.

Sehingga bulan September, 1987, sebanyak \$11.82 juta telah pun dikeluarkan bagi membiayai projek-projek tersebut. Baki sebanyak \$8.73 juta adalah untuk rancangan yang sama bagi tahun-tahun 1987 hingga 1990.

#### **Pemntukan Projek Perkhidmatan Bomba**

Sebanyak \$2.75 juta telah diperuntukkan untuk membiayai projek-projek Perkhidmatan Bomba iaitu bagi pembinaan Balai-balai Bomba dan rumah-rumah kakitangan di Bintulu 1 dan di Kaoowit serta pembelian kereta dan Alat kelengkapan Bomba negeri Sarawak.

Sehingga bulan September 1987, peruntukan sebanyak \$500,000 telah pun dikeluarkan bagi membiayai projek-projek itu. Baki sebanyak \$2.25 juta adalah untuk rancangan yang sama bagi tahun-tahun 1987 hingga 1990.

#### **PEMBEKAL BARANGAN KEPADA KEMENTERIAN**

**17. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah syarat-syarat yang perlu dipunyai oleh sesebuah syarikat supaya Kementerianya boleh mendaftarkan ia sebagai pembekal barangan kepada Kementerian-kementerian Kerajaan.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Semua syarikat yang hendak berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk tujuan menjadi pembekal kepada Kerajaan mestilah mempunyai kelayakan seperti berikut;

- (i) Syarikat yang telah didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Perniagaan sama ada sebagai sebuah syarikat Sdn. Bhd., perkongsian atau persaorangan.
- (ii) Syarikat hendaklah mempunyai pejabat atau tempat berniaga yang sah yang bukan merupakan rumah kediaman.
- (iii) Syarikat mempunyai juiplah modal (termasuk kemudahan bank) yang mencukupi sesuai dengan jenis dan jumlah bidang bekalan/perkhidmatan yang diceburinya dengan modal minimanya sekurang-kurangnya \$5,000.00.
- (iv) Syarikat hendaklah menunjukkan kemampuan untuk menjadi kontraktor Kerajaan dan untuk ini bukan sahaja keupayaan kewangan syarikat tetapi juga pengalaman, nama baik syarikat, kemudahan mesin-mesin yang ada dan perkara-perkara lain yang berkaitan adalah diambilkira.

Kementerian Kewangan juga mengenakan syarat-syarat khas bagi pendaftaran syarikat-syarikat yang mempunyai ekuiti warganegara asing. Syarikat-syarikat seumpama ini adalah terbahagi kepada dua:

(i) *Usahasama Tempat—Asing*

Syarikat bentuk ini akan diluluskan pendaftarannya jika pembahagian modal/ekuiti mehunjutkan sekurang-kurangnya 70% dimiliki dan dikuasai oleh warganegara Malaysia termasuk sekurang-kurangnya 30% dimiliki oleh bumiputera dan ekuiti asing hendaklah tidak lebih dari 30%.

(ii) *Usahasama Bumiputera—Asing*

Syarikat bentuk ini akan diluluskan pendaftaran pertamanya (iaitu selama 2 tahun) jika pembahagian modal/ekuiti syarikat menunjukkan sekurang-kurangnya 51% dimiliki dan dikuasai oleh bumiputera. Bagaimanapun untuk pembaharuan pendaftaran atau pendaftaran semula kelulusan pendaftaran hanya akan diberikan jika kedudukan modal/ekuiti syarikat sekurang-kurangnya 70% dimiliki dan dikuasai oleh warganegara Malaysia dan ekuiti bumiputera dikekalkan sekurang-kurangnya pada paras 30%. Kelonggaran pendaftaran syarikat bentuk ini diberi kepada Usahasama Agensi Amanah Bumiputera Asing di mana sekurang-kurangnya 30% modal/ekuiti usahasama itu dimiliki dan dikuasai oleh Agensi Amanah tersebut (termasuk anak syarikat 100% miliknya).

Selain dari syarat kedudukan modal/ekuiti seperti yang saya sebutkan tadi syarikat-syarikat yang mempunyai ekuiti asing ini juga dikehendaki

mencerminkan komposisi (mengikut peratusan) penduduk Malaysia di dalam bilangan Ahli Lembaga Pengarah, Pegawai Pengurusan dan tenaga pekerjanya.

### UNIVERSITI DI SABAH

18. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Pendidikan menyatakan rekasi Kementerian tersebut terhadap cadangan untuk mendirikan sebuah universiti tetap, selain 'daripada kampus YS-ITM dan UKM di Negeri Sabah.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk mendirikan sebuah universiti tetap di Sabah atau di tempat-tempat lain memandangkan universiti yang sedia ada boleh diperbesarkan lagi untuk menampung pelajar-pelajar di negeri ini.

### PERBINCANGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DENGAN PEMIMPIN CHINA

19. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menjelaskan apakah perkara-perkara yang dibincangkan oleh Timbalan Perdana Menteri dengan Pemimpin-pemimpin Negara Republik Rakyat China baru-baru ini, dan adakah apa-apa perjanjian yang ditandatangani selama lawatan itu.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab pada 14hb Oktober dan 2hb November, 1987 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87)

**FERIMALAYSIA—KERUGIAN**

**21. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kerugian ataupun keuntungan yang tetap Feri Malaysia dapati dalam tahun pertama operasinya;
- (b) peratusan penumpang-penumpang dibandingkan dengan bilangan "berths yang ada atas Feri Malaysia itu bagi ketiga-tiga kelas masing-masing dalam tahun pertama operasinya; dan
- (c) sama ada pihak Feri Malaysia bercadang supaya menjadualkan semula perjalanan kapal Muhibah itu untuk memasukkan Pelabuhan Klang sebagai salah satu destinasiya supaya menggalakkan lebih lagi pelancong-pelancong untuk menggunakan perkhidmatan cruise itu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):**

- (a) Dalam tahun pertama operasinya (September 1986 hingga September 1987), Feri Malaysia mengalami kerugian terkumpul berjumlah \$2.8 juta.
- (b) Purata peratusan penumpang-penumpang berbanding dengan "berths" mengikut kelas bagi-tempoh September 1986 sehingga Ogos 1987 operasi Feri Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Kelas</i>	<i>%</i>
Suite .. ..	10.5%
Deluxe .. ..	18.9%
Standard .. ..	46.0%

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak pengurusan Feri Malaysia telah pun mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk

memasukkan Pelabuhan Klang sebagai salah satu destinasiya.

**INDUSTRI PELANCONGAN**

**22. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau sedar sewa hotel dalam negara adalah di antara yang tertinggi dalam dunia. Sewa hotel yang tinggi ini melemahkan progres Industri Pelancongan Negara. Apakah rancangan Kerajaan agar sewa hotel tidak menjadi fakta penghalang kepada perkembangan Industri Pelancongan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan mengenai perkara yang sama pada 1-12-1987 kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

(Soalan No. 23. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87)

**TOL LEBUHRAYA SLIM RIVER-TANJUNG MALIM**

**24. Tuan P. Patto** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, memandangkan pihak Jabatan Kerja Raya telah memungut tol sebanyak \$25,772,427.73 di antara bulan Mac 1986 dan 31-1-1983 dan pihak LLM memungut tol sebanyak \$12,959,592.20 bagi tempoh 1-2-1983 hingga 31-12-1986 di Slim River dan juga memandangkan perbelanjaan penyelenggaraan jalan raya itu, iaitu Slim River Tanjong Malim, adalah sebanyak \$870,000 setahun, adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar tol di Slim River oleh kerana kutipan tol setiap tahun oleh LLM di situ adalah lebihkurang \$3.240 juta berbanding dengan perbelanjaan penyelenggaraan sebanyak \$870,000 sahaja.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Pada masa sekarang ini, Kementerian Kerja Raya tidak bercadang untuk mengurangkan kadar tol di Slim River untuk Lebuhraya Slim River—Tanjong Malim. Walau bagaimanapun perkara tersebut akan dikaji semula apabila keseluruhan rangkaian Lebuhraya Tol Utara Selatan siap pembinaannya kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan yang serupa telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 13 Oktober 1987 yang baru lalu semasa menjawab soalan tambahan berhubung dengannya.

#### KEMALANGAN PANG THIAM LEONG—SIASATAN

**25. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak polis terhadap pemandu kereta bernombor WAG 4728 yang melanggar seorang budak lelaki berumur 14 tahun beraama Pang Thiam Leong pada 11hb November 1982 (yang mana satu laporan polis mengenai kemalangan tersebut telah dibuat di Balai Polis Damansara Utama (laporan No. 1763/82) pada 12hb November 1982 oleh ayah budak tersebut Encik Pang Loo *alias* Pang Shee Kin; apakah Menteri berkenaan sedar walaupun ayah mendiang telah berkali-kali bertanya pihak polis apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemandu kenderaan itu, pihak polis cuma berbisu, sama ada satu penyiasatan telah dijalankan ke dalam perkara ini dan apakah hasil siasatan tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pihak polis masih menjalankan proses siasatan dan menghadapi masalah dalam mendapatkan saksi-saksi utama yang sering bertukar alamat dan boleh membantu polis menyelesaikan kes ini.

#### BANK PUSAT KERJASAMA— SIMPANAN KERAJAAN

**26. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah wang simpanan yang disimpan oleh Kerajaan di Bank Kerajaan Pusat (BPK) dan sebutkan jenis wang simpanan;
- (b) adakah ini membuktikan bahawa Kerajaan melaksanakan suatu dasar pilih kasih iaitu menyelamatkan BPK yang juga sebuah Koperasi Penyimpan Deposit (KPD) tetapi enggan berbuat demikian untuk KPD lain yang telah dibekukan, mengapa; dan
- (c) apakah tindakan undang-undang yang akan diambil untuk pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai yang menyeleweng wang BPK.

**Tuan Daim Zainuddin:** Simpanan Kerajaan dalam Bank Pusat Kerjasama (BPK) pada 30-9-87 berjumlah sebanyak \$665 juta. Simpanan ini berupa simpanan tetap dengan tempoh matang di antara 1 bulan hingga 12 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, simpanan Kerajaan dalam BPK, adalah merupakan simpanan biasa, sama sebagaimana yang dilakukan oleh Kerajaan dalam institusi kewangan yang lain. Tambahan pula BPK merupakan salah satu institusi yang diluluskan atau dengan izin, "approved institution" untuk Kerajaan menyimpan wang simpanannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat simpanan dalam BPK sejak dari dahulu lagi. Oleh itu, adalah tidak benar tindakan Kerajaan menyimpan wang dalam BPK adalah langkah untuk menyelamatkan BPK, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sebagaimana yang telah pernah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini, Lembaga Pengarah BPK telah pun membuat aduan kepada pihak polis mengenai kemungkinan berlakunya penyelewengan dalam BPK. Saya difahamkan bahawa pihak polis sedang menjalankan siasatan rapi bagi menentukan jenis kesalahan yang dilakukan. Jika terdapat bukti-bukti yang jelas, mereka yang disyaki bertanggungjawab melakukan berbagai kesalahan, akan didakwa di mahkamah.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (2hb Disember. 1987)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.36 *ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kluang membangkitkan perkara berkenaan "appear", dengan izin, peguam di Sabah dan Sarawak. Buat masa ini peguam dari Malaysia Barat boleh "appear", dengan izin, di Sabah dan Sarawak tetapi mereka terpaksa membuat permohonan untuk diterima masuk sebagai peguambela di negeri berkenaan sebelum boleh "appear", dengan izin, di Sabah dan Sarawak. Ini adalah diperuntukkan oleh Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak.

Tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kluang yang negara kita ini mempunyai dua sistem perundangan, dengan izin, legal system, suka saya menjelaskan bahawa di negara kita ini hanya terdapat satu sistem perundangan sahaja dan dua Mahkamah Tinggi, iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo bagi Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah mengatakan kenapa terdapat dua Mahkamah Tinggi. ....

**Puan Ling Chooi Sieng (Kluang):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Kluang bangun minta jalan.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bila saya sebut dua sistem, erti saya ialah two systems of administration, dengan izin. Benarkah keadaan ini?

**Dato' Oo Gin Sun:** Itu tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Sistem ini adalah satu sistem tetapi di Sabah dan Sarawak lain. Sistem ini serupa.

Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah mengatakan kenapa terdapat dua Mahkamah Tinggi di negara kita ini. Bagi soalan ini, saya suka menyatakan yang Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan, 1962 telah membuat laporan dan syoraya yang bagi. ....

**Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya tidak pernah menimbulkan soalan bahawa ada dua sistem Mahkamah Tinggi

dalam ucapan saya ketika membahaskan Rang Undang-undang Peguambela Sarawak, tidak pernah menyebut pun soalan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tadi kata dua Mahkamah Tinggi.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya tidak pernah membangkitkan soalan itu. *(Ketawa)*

**Dato' Oo Gin Sun:** Ini ada dibangkitkan pada bulan Oktober lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata tidak bangkitkan, tidak apalah, sila teruskan! *(Ketawa)*.

**Dato' Oo Gin Sun:** Bagi soalan ini, saya suka menyatakan yang Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan telah membuat laporan dan syornya mengenai penubuhan Malaysia bahawa Malaya hendaklah mempunyai Mahkamah Tinggi sendiri dan negeri-negeri di Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak, hendaklah mempunyai satu Mahkamah Tinggi sendiri.

Seterusnya Perlembagaan Malaysia khususnya Perkara 121 telah membuat peruntukan bahawa kuasa-kuasa perundangan bagi negara ini hendaklah terletak kepada Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo. Oleh kerana peruntukan Perlembagaan ini, maka tidaklah sesenang sebagai yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu untuk mengadakan satu Mahkamah Tinggi bagi Malaysia. Perkara ini adalah perkara dasar dan perlu dikaji dengan mendalam sebelum apa-apa tindakan boleh diambil.

Seterusnya, saya suka memberi penjelasan berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat itu yang

mengatakan kenapa terdapat undang-undang lain bagi profesion undang-undang untuk Malaysia dan satu lagi bagi Sabah dan Sarawak.

Di sini juga Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962 telah membuat syor bahawa Undang-undang Sabah dan Sarawak berkenaan perkara-perkara Persekutuan yang berkuatkuasa sebelum diisytiharkan Hari Malaysia hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang competent dan tertakluk kepada apa-apa pindaan dan pengubahsuaian yang dibuat oleh pihak berkuasa itu. Sama ada untuk mengadakan satu undang-undang bagi profesion undang-undang bagi seluruh negara adalah satu perkara dasar dan perlu dikaji dengan mendalam sebelum apa-apa tindakan boleh diambil.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini dan telah memberi pandangan, persetujuan dan nasihat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa)*

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.43ptg.*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini bertujuan meminda dan mengemaskinikan beberapa peruntukan di dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 supaya menjadi lebih berkesan untuk mencapai matlamat Akta tersebut iaitu bagi mengawal-selia penggunaan mesin cetak dan penerbitan demi menjaga ketenteraman awam dan kepentingan negara. Bagi maksud mengadakan kawalan dan seliaan ke atas mesin cetak dan penerbitan, Akta tersebut menetapkan tindakan-tindakan yang menjadi kesalahan dan memberi kuasa kepada Menteri untuk melulus, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit atas alasan-alasan dan sebab-sebab tertentu.

Akta itu juga membolehkan-pihak berkuasa mengambil tindakan tertentu bagi mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, pengedaran dan pemilikan hasil penerbitan yang tidak diinginkan. Peruntukan-peruntukan dalam Akta itu adalah bertujuan mencegah pemilikan mesin cetak dan penerbitan akhbar dan majalah daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan kepentingan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya peruntukan dalam Akta itu telah dapat mencapai tujuannya. Walau bagaimanapun, dari pengalaman pihak yang melaksanakan Akta ini dan perkembangan semasa maka Kerajaan berpendapat adalah perlu supaya beberapa seksyen dalam Akta itu dipinda seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh Fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini satu persatu.

*Fasal 2*

Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 3 dengan menggugurkan perkataan "atau diperbaharui" dalam subseksyen (5) Seksyen itu. Tujuan pindaan ini adalah untuk mengatasi kekeliruan yang timbul sekarang dengan penggunaan rangkai-kata "atau diperbaharui". Pindaan ini menghapuskan konsep pembaharuan lesen dan dengan pindaan ini maka ianya menjelaskan bahawa tempoh sah laku sesuatu permit ialah tempoh yang dinyatakan dalam permit itu. Seseorang pemegang permit hendaklah memohon permit baharu apabila tamat tempoh sah laku permitnya.

*Fasal 3*

Fasal 3 menggantikan subseksyen (1) kepada Seksyen 7, dengan satu subseksyen baru. Tujuan pindaan ini adalah untuk menambah satu lagi sebab yang boleh digunakan oleh Menteri untuk melarang percetakan, penjualan, pengimportan pengedaran atau pemilikan sesebuah penerbitan. Di bawah peruntukan sekarang, Menteri boleh berbuat demikian jika beliau berpuashati bahawa kandungan sesuatu penerbitan memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan, kepentingan awam atau negara atau yang berlawanan dengan undang-undang. Dengan pindaan baru

ini Menteri boleh melarang sesuatu penerbitan jika penerbitan itu mengandungi perkara-perkara yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai.

Subseksyen (1) yang baru ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk melarang hasil-hasil penerbitan masa hadapan penerbit yang berkenaan.

#### *Fasal 4*

Fasal 4 mewujudkan tiga seksyen baru iaitu Seksyen 8A, 8B dan 8C.

Seksyen 8A menjadikan perbuatan menyiarkan berita yang tidak benar dengan niat jahat sebagai satu kesalahan di bawah Akta ini. Di bawah peruntukan baru ini, seseorang pencetak, penerbit dan pengarang penerbitan yang berkenaan serta penulis laporan atau makalah berkenaan boleh didakwa dan jika disabit boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Di masa kebelakangan ini terdapat banyak laporan-laporan yang tidak benar tersiar dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah baik yang diterbitkan dalam negeri mahupun dari luar negeri. Nampaknya pihak akhbar dan majalah yang terlibat tidak menghiraukan kesan siaran berita yang tidak benar ke atas pihak atau golongan yang menjadi mangsa tindakan mereka atau kesan buruk ke atas keselamatan dan ekonomi negara. Peruntukan baru ini adalah bertujuan menggalakkan pihak akhbar bersikap lebih bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pendakwaan bagi kesarahan di bawah Seksyen 8A ini hanya boleh dibuat dengan kelulusan Pendakwaraya.

Dua peruntukan baru iaitu 8a dan 8c yang diwujudkan memberi kuasa

kepada Mahkamah untuk menahan dan menggantung mana-mana penerbitan dalam keadaan-keadaan tertentu. Di bawah subseksyen SB, Mahkamah atas permohonan Pendakwaraya boleh memerintahkan pengharaman sesuatu penerbitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan jika orang-orang yang terlibat dengan penerbitan itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam penerbitan itu. Seksyen 8c pula memberi kuasa kepada Mahkamah atas permohonan Pendakwaraya menggantung sesuatu penerbitan sementara menanti keputusan muktamad sesuatu rayuan terhadap kes kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam penerbitan yang berkenaan.

#### *Fasal 5*

Fasal 5 menggantikan subseksyen (1) kepada Seksyen 9 dengan satu subseksyen yang baru. Di bawah subseksyen (1) baru ini kuasa menolak pengimportan ataupun menahan penghantaran-serahan atau mengembalikan kepada pengirim mana-mana penerbitan yang tidak diingini atas sebab-sebab yang ternyata dalam subseksyen tersebut adalah diberi kepada Menteri. Di bawah peruntukan lama kuasa itu dibeh kepada pegawai kanan berkuasa. Tujuan pindaan ini adalah untuk meletakkan kuasa untuk menahan kemasukan sesuatu penerbitan di tangan Menteri.

Walau bagaimanapun bagi membolehkan penerbitan-penerbitan yang tidak diingini ditahan untuk dikaji dan dikemukakan bagi keputusan Menteri, satu Seksyen 9A baru telah diwujudkan mengikut Fasal 6. Seksyen baru 9A ini memberi kuasa kepada seseorang pegawai kanan berkuasa untuk menahan penghantar serahan sesuatu hasil penerbitan yang tidak diingini sementara menunggu keputusan Menteri.

### Fasal 9

Fasal 9 mewujudkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 13A dan 13B mengenai kepuiusan Menteri. Seksyen 13A memperuntukkan bahawa keputusan Menteri menolak permohonan, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh disoal dalam mana-mana Mahkamah. Seksyen 13B menjelaskan bahawa peluang untuk didengar tidak akan diberi kepada sesiapa pun berkenaan dengan permohonannya mendapatkan lesen atau permit atau berhubung dengan pembatalan atau penggantung lesen atau permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini. Dengan wujudnya Seksyen 13B ini maka peruntukan memberi peluang untuk didengar di dalam Seksyen 13 perlu digugurkan. Pindaan sewajarnya dibuat kepada Seksyen 13 melalui Fasal 8.

Kuasa muktamad diberi kepada Menteri kerana kerap kali maklumat yang diberi kepadanya jika didedahkan kepada orang ramai akan menyebabkan kesan buruk kepada keselamatan dan kepentingan negara. Jika kes-kes seperti ini dibicarakan secara terbuka tidak dapat tidak Mahkamah akan menjadi gelanggang politik. Jika Menteri menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepadanya, rakyat akan menentukan tindakan terhadapnya melalui saluran demokrasi yang diamalkan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah kerana pentingnya kuasa-kuasa Kerajaan dijelaskan dalam undang-undang bertulis. Pindaan ini menjadi lebih perlu kerana kecenderungan setengah-setengah pihak menggunakan undang-undang yang tidak bertulis untuk menghalang fungsi Kerajaan. Adalah sukar bagi Kerajaan untuk menerima undang-undang yang tidak bertulis oleh kerana Kerajaan tidak mungkin

tahu apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan dan apa yang tidak boleh. Dalam keadaan kabur atau tidak jelas ini pemerintahan menjadi kelam-kabut. Sesiapa sahaja boleh mencabar Kerajaan dan menghalang tindakan yang dianggap sah oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, hormat-menghormati antara pihak-pihak dalam masyarakat adalah asas kestabilan negara kita. Jika kita tidak menghormati orang lain, sudah tentu orang lain tidak akan menghormati kita. Tidak ada sesiapa dalam masyarakat kita yang lebih utama daripada yang lain. Ahli-ahli politik dan Kerajaan tidak lebih utama daripada orang awam. Jika mereka tidak menghormati pihak lain mereka juga tidak akan dihormati. Demikian juga dengan pihak-pihak lain dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memerintah dan mengambil tindakan melalui peruntukan undang-undang yang bertulis. Ini menjamin Kerajaan tidak bertindak sesuka hati dan di luar batasan. Undang-undang bertulis jelas menyatakan apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat. Dengan perkataan lain Kerajaan, seperti juga rakyat, tertakluk kepada undang-undang.

Mungkin undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen tidak begitu tepat. Tetapi ini tidak mudah berlaku dalam sistem demokrasi seperti di Malaysia kerana kelulusan sesuatu undang-undang perlu melalui suatu proses yang telah ditentukan mengikut undang-undang tertinggi kita, iaitu Perlembagaan Negara.

Sesuatu draf undang-undang disemak dengan teliti oleh penggubal-penggubal undang-undang di Jabatan Peguam Negara. Mereka ini mengambil kira bukan sahaja prinsip-prinsip yang diterima umum untuk

undang-undang tetapi berpandukan juga kepada tradisi dan undang-undang lama kita. Undang-undang yang digubal tertakluk kepada undang-undang asas kita—iaitu Perlembagaan. Draf yang dibuat dikaji juga oleh Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang terlibat dan akan tertakluk kepada undang-undang itu.

Selepas itu draf undang-undang dibentangkan kepada •Jemaah Menteri. Jemaah Menteri dianggotai juga oleh beberapa orang yang mempunyai latarbelakang undang-undang dan orang-orang yang berpengalaman dalam pentadbiran. Mereka juga telah dipilih oleh rakyat dan dapat melihat sesuatu dari sudut rakyat. Kerap kali berlaku hukuman yang berat diringkaskan kerana mengambil-kira perasaan dan pandangan rakyat.

Melainkan undang-undang yang tidak kontroversial, biasanya draf undang-undang dipinda oleh Kabinet dan dihantar balik kepada Jabatan Peguam Negara untuk dipinda supaya lebih sesuai dengan keperluan rakyat dan negara.

Selepas diluluskan oleh Jemaah Menteri Rang Undang-undang itu dikemukakan dalam Dewan Rakyat untuk disemak dan dibahas. Di Dewan Rakyat pihak parti-parti Pembangkang berpeluang membuat kritikan dan memberi pandangan-pandangan mereka bersama dengan penyokong-penyokong Kerajaan. Bukanlah satu perkara yang mustahil bagi pihak Kerajaan menerima pandangan-pandangan Ahli-ahli Dewan Rakyat, sama ada dari Parti Pembangkang atau parti Kerajaan dan membuat pindaan mengikut pandangan-pandangan itu. Bahkan ada kalanya yang pihak Kerajaan menarik balik Rang Undang-undang yang dicadangkan.

Sesudah Dewan Rakyat meluluskan undang-undang atau pindaan yang dikemukakan oleh Kerajaan, ia dibentang pula dalam Dewan Negara. Dewan Negara boleh memberi pandangan menyokong atau mengkritik, menghantar balik ke Dewan Rakyat, atau melewati-lewatkan Rang Undang-undang yang dipertimbangkan olehnya. Biasa berlaku di mana Dewan Negara membuat kritikan yang tajam terhadap undang-undang yang disyorkan oleh Kerajaan.

Apabila akhirnya diluluskan oleh Dewan Negara, Rang Undang-undang tersebut dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk tandatangan Baginda. Di sini sekali lagi Duli Yang Maha Mulia boleh menolak dan tidak menandatangani Rang Undang-undang berkenaan dan menghantar balik ke Dewan Rakyat di mana Dewan Rakyat perlu menimbang semula Rang Undang-undang itu dengan mengambil-kira sebab-musabab Duli Yang Maha Mulia enggan menandatangani undang-undang berkenaan.

Jika Dewan Rakyat berpegang terus kepada Rang Undang-undang asal atau membuat pindaan, dan sesudah diluluskan oleh Dewan Negara, ia perlu dipersembahkan semula kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk ditandatangani. Jika tandatangan Duli Yang Maha Mulia diberi barulah Rang Undang-undang berkenaan menjadi Undang-undang. Jika Duli Yang Maha Mulia enggan menandatangani rang undang-undang yang telah disemak semula itu, jangkamasa 30 hari mestilah genap sebelum ia boleh menjadi undang-undang tanpa tandatangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah proses membuat undang-undang di negara kita yang demokratik ini. Prosesnya tidak mudah. Undang-undang tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya, dengan sesuka hati satu atau dua orang, atau dengan sesuka hati wakil-wakil rakyat yang dipilih. Tidak mudah bagi Kerajaan membuat undang-undang. Tapisan demi tapisan, kajian demi kajian terpaksa dilakukan sebelum sesuatu rang undang-undang diterima sebagai undang-undang negara yang sah. Kerap kali rang undang-undang atau pindaan mengambil beberapa bulan atau tahun sebelum diluluskan.

Jika undang-undang yang digubal dan disahkan dengan begitu payah diketepikan dengan begitu sahaja, apakah gunanya kita membuat undang-undang? Apa gunanya kita bersusah-payah memilik "legislators" ataupun pembuat undang-undang? Apa gunanya kita mengadakan Dewan Rakyat dan Dewan Negara? Apa gunanya kita bermesyuarat, berbincang, bertukar fikiran seperti yang ditegaskan dalam doa Dewan-dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada pihak yang berkata bahawa tujuan sesuatu undang-undang dibuat oleh Dewan Rakyat tidak ada kena-mengena dengan penguatkuasaan undang-undang itu. Pihak yang mentafsir undang-undang tidak perlu sama sekali menimbangkan sebab-sebabnya undang-undang digubal. Kata pakar undang-undang ini, yang perlu ialah pentafsir undang-undang mentafsirkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam undang-undang. Perkataan itu adalah lebih penting daripada niat, walaupun jelas ada tujuan-tujuan tertentu yang mendorong pembentukan undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya apabila perkataan yang digunakan begitu jelas sehingga tidak mungkin

disalah-tafsir, pentafsir menggantikan undang-undang ini dengan undang-undang tidak bertulis yang begitu umum sehingga boleh ditafsirkan mengikut sesuka hati pentafsir dalam kes-kes tertentu. Kadang-kadang tafsiran yang bertentangan digunakan dalam satu kes, berbanding dengan satu kes yang lain. Maka dengan itu pihak Kerajaan tidak akan mengetahui sama ada Kerajaan bertindak mengikut undang-undang ataupun tidak. Apa sahaja keputusan Kerajaan boleh dicabar oleh sesiapa sahaja dan ditolak dengan sewenang-wenangnya.

Undang-undang tidak bertulis yang dimaksudkan ialah English Common Law, natural justice, judicial review dan sebagainya.

Apakah dianya English Common Law? Mengikut Professor R.H. Hickling, seorang pensyarah undang-undang yang mahir dengan undang-undang di Malaysia, English Common Law berasal dari adat resam dan falsafah orang Inggeris. Ia tidak sama dengan asas undang-undang di negara-negara Eropah yang lain di mana Civil Law digunakan. Sudah tentu ia tidak secocok dengan hukum-hukum adat orang-orang Melayu atau lain-lain kaum di Malaysia.

Dalam konsep British, yang berasaskan kepada pertandingan sukan yang digemari oleh mereka, dalam setiap masalah ada dua pihak; iaitu pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa. Untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka ini diperlukan seorang pengadil dan keputusan pengadil adalah muktamad dan tidak boleh disoal ataupun dicabar.

Sekalipun dipandang, cara ini amat sesuai untuk menyelesaikan sebarang pertikaian. Tetapi apa akan terjadi jika pengadil tersalah atau jelas ia berat sebelah? Dalam sukan, rayuan

boleh dibuat kepada badan lain seperti board yang dianggotai bukan semata-mata oleh pengadil-pengadil tetapi juga oleh beberapa pihak lain. Kemungkinan berat sebelah berlaku dikurangkan dengan cara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah ialah dalam undang-undang yang tidak bertulis orang yang didakwa tidak mungkin tahu apa yang ada dalam pemikiran pengadil. Jika pengadil membuat rujukan kepada kes-kes terdahulu di Britain atau lain-lain negara, yang didakwa tidak mungkin tahu yang mana satu kes yang akan menjadi punca rujukan. Asas-asas kes-kes yang terdahulu tidak selalunya sama. Dengan demikian maka pihak yang perlu bertindak, terutama Kerajaan dalam menjalankan tugas-tugasnya, tidak mungkin tahu apakah asas yang akan mempengaruhi pihak pengadil. Mungkin Kerajaan British tahu tetapi Kerajaan seperti di Malaysia tidak tahu. akan selok-belok Undang-undang Adat British ataupun English Common Law ini. Amat sukar bagi sesuatu Kerajaan menjalankan tugasnya jika ia tidak tahu di bawah undang-undang apa yang ia bertindak, tidak tahu ia bersalah ataupun tidak. Semuanya bergantung kepada pengadil berkenaan, lain pengadil mungkin lain pula tafsiran yang dibuat bagi undang-undang yang tidak bertulis ini.

Professor Hickling dalam bukunya "Malaysian Law" telah berkatabahawa mendewa-dewakan English Common Law ini akan menjadikan kita gila. Seperti kata beHau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ".....but whatever system is to be adopted should grow out of and be in harmony with the nature of the people it is designed to serve, for otherwise it will work to injustice. For those English and American lawyers who see in "our Lady the Common Law" a figure of romance so powerful, as to convert

the common law itself almost into a religion. That way, madness lies."

Demikian juga dengan undang-undang lain yang tidak bertulis "Natural Justice" atau "Keadilan Asasi" boleh ditafsir dengan bermacam-macam tafsiran mengikut budibicara pengadil yang terlibat. Di zaman dahulu, di Britain seorang yang mencuri kambing boleh dihukum gantung. Sekarang pembunuh pun tidak boleh dihukum mati. Jika hendak difikir secara logik yang natural, yang betul-betul "natural justice" ialah "an eye for an eye, a tooth for a tooth", dengan izin.

Kita tahu pada satu masa dahulu hubungan seks sejenis dianggap salah di Britain. Tetapi sekarang sodomy tidak salah jika kedua-dua pihak bersetuju. Mungkin ini dianggap "natural" sekarang. Mungkin juga dengan "Common Law Wife" yang telah menghasilkan kesedudukan di Britain sebagai perkara natural yang diterima oleh masyarakat. Tetapi pemikiran yang sebegini tidak dianggap natural di Malaysia. Dengan itu kita sepatutnya tidak menggunakan konsep natural justice British ini. Ianya tidak natural bagi kita. Lebih baik kita pegang kepada undang-undang bertulis kita.

Judicial review pula memberi kuasa yang tidak terhad kepada pentafsir undang-undang sehingga mereka boleh meniadakan pelaksanaan atau penguatkuasaan apa sahaja undang-undang. Tiada siapa yang boleh meneka apakah hasil review oleh seorang pengadil kerana ia bergantung kepada budibicara orang berkenaan. Dengan diputuskan bahawa siapa sahaja boleh mendakwa Kerajaan, maka Kerajaan tidak lagi boleh memutuskan apa-apa dengan tepat. Setiap keputusan boleh dicabar dan mungkin ditolak. Dengan itu Kerajaan tidak lagi menjadi executive. Pihak lain sudah mengambil alih tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini dipinda kerana Kerajaan yang mewakili rakyat berpendapat amatlah bahaya jika pentadbiran negara ditafsirkan mengikut budi-bicara dua tiga orang sahaja. Walau bagaimana bijak sekalipun orang-orang ini, sebagai manusia biasa mereka mempunyai perasaan yang boleh mempengaruhi fikiran dan pendirian mereka. Bukanlah satu perkara yang mustahil bahawa tafsiran dibuat bukan secara terkecuali tetapi kerana nilai dan kepercayaan tertentu yang ada dan mempengaruhi pihak pentafsir tersebut.

Di dalam bukunya "The Politics of the Judiciary" seorang penulis British yang bernama J.A.G. Griffith dari London School of Economic and Political Science telah berkata, dengan izin, "Every practising barrister knows before which judges he would prefer not to appear in a political case because he believes. . . . that certain judges are much more likely than others to be biased against certain groups. . . .". Ini jelas membuktikan bahawa bukan pertimbangan yang wajar yang menentukan keputusan pengadil tertentu tetapi silat yang ada pada mereka. Jika undang-undang digubal dan ditafsir oleh pentafsir undang-undang, kemungkinan pertimbangan yang mirip kepada pendirian pentafsir berkenaan akan bertambah. Apabila undang-undang yang tidak bertulis digunakan maka sebenarnya pengadil membentuk undang-undangnya sendiri dan ia tentulah akan bias kepada undang-undangnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam demokrasi, kita membahagikan tugas kepada tiga pihak, iaitu pihak penggubal undang-undang ataupun legislators, pihak pelaksana undang-undang dan dasar atau executive, dan pihak pengadil ataupun judiciary. Sepatutnya pihak-pihak ini melakukan "checks and balances" supaya tiada

siapapun dapat melampaui batasannya. Jika penggubal undang-undang juga menjadi pelaksana dan pengadil) maka "checks and balances" dalam demokrasi tidak akan dapat diamalkan. Perkara ini sudahpun berlaku di Malaysia. Oleh itu Kerajaan berhajat untuk "codify", iaitu menentukan melalui undang-undang khusus berkenaan dengan kuasa dan tugas masing-masing bagi ketiga-tiga pihak supaya dapat mereka melakukan tugas "checks and balances" dengan sempurna.

Sementara itu Kerajaan berhajat untuk membuat undang-undang yang tidak boleh disalah-tafsir oleh sesiapa. Itulah pindaan yang dibuat sekarang terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Dengan pindaan ini pengeluar dan pengimport bahan cetak akan tahu dengan jelas apa yang baik bagi negara kita dan mereka dapat mengawal diri mereka. Kebebasan akhbar bukanlah absolute. Di manamana juga akhbar dikontrol bukan sahaja oleh Kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh pemilik akhbar. Setiap pihak mempunyai pendirian dan kepentingan tertentu. Kebebasan akhbar adalah kebebasan bagi golongan ini sahaja. Jika ada di antara golongan ini yang tidak bertanggungjawab atau ingin mengembangkan sesuatu pandangan yang tidak sihat, masyarakat akan menjadi mangsa. Kerajaan bertanggungjawab mengawasi supaya perkara-perkara yang tidak sihat tidak dikembangkan terutama dalam negara majmuk kita ini. Undang-undang yang seperti yang dipinda hari ini bukan hanya terdapat di Malaysia sahaja tetapi juga di negara-negara lain. Ia juga terdapat di negara di mana beberapa majalah antarabangsa diterbitkan.

Hakikat yang perlu kita ben perhatian yang serius ialah kestabilan dan pembangunan negara kita yang

berbilang kaum ini. Jika untuk kepentingan ini kita perlu mengawal sedikit kebebasan satu golongan yang mungkin mengancam kestabilan kita, kita perlulah melakukan pengawalan ini.

Inilah sahaja yang mendorong Kerajaan membuat beberapa pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang telah saya jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.15 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai seorang Wakil Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat untuk menggunakan hak saya menyampaikan pandangan-pandangan saya dan juga bagi pihak rakan-rak<sup>n</sup> saya di plhak DAP, mengenai satu Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri.

Sebelum saya menyampaikan kritikan saya terhadap Rang Undang-undang ini, saya berharap bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak menyekat masa untuk membincangkan Rang Undang-undang ini, oleh kerana Rang Undang-undang yang tadi telah dibentangkan merupakan satu Rang

Undang-undang yang begitu kontroversial yang mempunyai implikasi-implikasi yang luas terhadap demokrasi, terhadap pembebasan persuratkhabaran.

Apabila Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya yakin bahawa apa yang akan diperkatakan oleh saya dan rakan-rakan saya mengenai isu-isu yang berkepentingan negara dan rakyat tidak akan disiarkan lagi dalam suratkhbar dan mungkin apa yang saya ingin perkatkan hari ini mengenai Rang Undang-undang ini juga tidak akan disiarkan dalam suratkhbar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyampaikan pandangan saya dan juga rakan-rakan saya dari Parti DAP mengenai Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 ini.

Saya ingin memulakan ucapan saya dengan menyatakan bahawa Parti DAP menentang dan mengutuk sekeras-kerasnya Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 yang telah dibentangkan tadi.

Keenam-enam pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah amat buruk ataupun sangat obnoxious dan draconian, dengan izin, dan sekiranya diluluskan oleh Parlimen akan merupakan satu lagi titik hitam dalam sejarah Parlimen Malaysia. Ia juga merupakan satu tamparan hebat terhadap kebebasan dan demokrasi di negara ini.

Saya bangun di sini untuk menyatakan, bahawa selepas saya telah mendengar hujah-hujah yang tadi telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat mengenai apakah sebabnya Kerajaan hendak membentangkan Rang Undang-undang ini, dengan dukacitanya saya suka menyatakan di

sini, bahawa saya tidak dapat menerima semua hujah-hujah yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini tadi, oleh kerana tiada apa-apa sebab yang munasabah dan sah untuk menjustifikasikan pembentangan cadangan pindaan-pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan tahun 1984 kecuali untuk memastikan penghapusan media-masa yang bebas serta mengenakan kawalan dan sekatan-sekatan ke atas penyebaran maklumat kepada orang ramai.

Pindaan-pindaan yang telah dicadangkan ini secara jelas bertujuan mewujudkan persuratkhabaran yang kecil dan takut di negara ini serta menukarkan segala penerbitan dan suratkhbar menjadi warta Kerajaan disebabkan pindaan-pindaan akan membolehkan Kerajaan memutuskan tentang apakah yang sepatutnya diterbitkan dan apakah yang tidak sepatutnya diterbitkan.

Pasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 3 Akta Ibu untuk menghapuskan konsep pembaharuan lesen supaya soal yang timbul apabila sesuatu lesen habis tempoh ialah pelesenan semula. Perlunya sesuatu lesen dibaharui apabila lesen yang sedia ada habis tempohnya adalah satu alat untuk memastikan suratkhbar dan penerbitan-penerbitan akan berkelakuan baik dan tidak akan membuat apa-apa laporan atau rencana yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam yang sebenarnya bermakna memudaratkan kepentingan Kerajaan Barisan Nasional. Kalau tidak lesen baru tidak akan dikeluarkan.

Fasal 3 Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 7 Akta Ibu dengan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk bukan sahaja mengharamkan sesuatu penerbitan yang mengandungi apa-apa bahan yang memudaratkan atau

mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, kepentingan awam atau negara tetapi juga mengandungi apa-apa hasil penerbitan yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai. Ini adalah amat mustahil dan tidak perlu kerana perkataan-perkataan seperti "mungkin menggemparkan fikiran orang ramai" adalah begitu subjektif dan luas sehingga ia boleh disalahgunakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini mempunyai implikasi-implikasi yang begitu buruk ke atas persuratkhabaran bebas memandangkan sudah wujudnya kawalan yang ketat yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan menerusi undang-undang lain ke atas media massa dan media elektronik. Sebarang pindaan lanjut hanya akan mencekik dan mencekang media perhubungan daripada menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Yang Berhormat Menteri berkenaan hendaklah memberitahu apakah beliau bermaksud dengan perkataan seperti "mungkin menggemparkan fikiran orang ramai" kerana kalau tidak ia benar-benar bersifat menggemparkan apabila istilah sedemikian dimuatkan dalam Rang Undang-undang ini. Apa yang lebih tidak boleh dijustifikasikan ialah selain daripada melarang pengeluaran yang tidak diinginkan Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh juga melarang pengeluaran masa hadapan penerbitan yang berkenaan. Ini jelas dan nyata satu reaksi berlebihan atau over reaction, dengan izin, di pihak Kerajaan yang jelas tidak perlu kecuali Kerajaan ingin menafikan pada keseluruhannya rakyat access terhadap apa-apa maklumat selain daripada apa yang Kerajaan sedia membenarkan.

Fasal 4 Rang Undang-undang bertujuan memperkenalkan Seksyen-seksyen baru 8A, 8B dan 8c sebaik

sahaja selepas Seksyen 8. Seksyen 8A (2) Rang Undang-undang (Pindaan) ini menganggap apa-apa hasil penerbitan yang disiarkan mempunyai niat jahat sekiranya penulis tidak dapat membuktikan bahawa langkah-langkah yang munasabah untuk menentusahkan kebenaran berita itu. Di bawah Seksyen 8A (1) Rang Undang-undang Pencetak, Penerbit, Penyunting dan Penulis Berita boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya apabila disabitkan. Tambahan pula Seksyen 8B dan 8C membenarkan Kerajaan memohon kepada mahkamah supaya diharamkan hasil penerbitan itu selama tempoh yang tidak melebihi 6 bulan. Jika mana-mana orang telah didapati bersalah menggantung hasil penerbitan itu sementara menanti pemberesannya muktamad rayuan itu atau rayuan dibuat terhadap perintah pembebasan mana-mana orang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan apa-apa juga yang disiarkan dalam apa-apa hasil penerbitan serta mensabitkan sesiapa sahaja yang melanggar sesuatu perintah mahkamah dengan penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi \$10,000 atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan-pindaan ini bukan sahaja mempunyai implikasi-implikasi terhadap kebebasan persuratkhabaran tetapi juga profesion kewartawanan ataupun journalism, dengan izin. Laporan-laporan bersifat kreatif dan penyiasatan adalah sebahagian daripada kerja yang dilakukan oleh para wartawan. Dengan lulusnya pindaan-pindaan ini laporan-laporan bersifat kreatif dan investigative, dengan izin, tidak akan wujud lagi dalam pejabat surat-suratkhabar. Pada masa akan datang para wartawan akan lebih rela menunggu kenyataan-kenyataan akhbar Kerajaan daripada bekerja secara bebas dalam

menyiapkan rencana-rencana berita sendiri dan dengan berbuat demikian mereka akan menyalahi undang-undang. Ini adalah disebabkan penulis berita tidak akan berjaya mendapat mana-mana pegawai Kerajaan atau Menteri untuk menentusahkan apa-apa skandal penyalahgunaan kuasa, amaran curang atau rasuah berkaitan dengan rencana atau berita yang ia ingin menulis. Maka yang sebenarnya ini akan membantutkan pertumbuhan kewartawanan di negara ini.

Dengan pindaan-pindaan ini tiada mana-mana penyunting yang berani menyiarkan rencana-rencana atau laporan-laporan yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai kecuali beliau bersedia menghadapi akibatnya.

Rencana-rencana atau laporan-laporan berhubung dengan skandal-skandal seperti skandal Lebuhraya Utara/Selatan, isu tol di seluruh negara, cara dengan mana tawaran diberi dibawah dasar penswastaan, isu pelaburan KWSP dalam saham dan saham-saham bukan amanah dan lain-lain isu yang kontroversial boleh ditakrifkan sebagai mungkin menggemparkan tikiran orang ramai dan dengan demikian tidak boleh disiarkan langsung. Memandangkan kepada pindaan-pindaan ini, tiada mana-mana pencetak yang berani mencetak apa-apa bahan apabila beliau, sekiranya disabitkan salah, boleh dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun atau didenda sehingga \$20,000.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 9 Akta itu untuk memberi kuasa kepada Yang Berhonnat Menteri untuk menolak pengimportan atau menahan penghantarserahan atau untuk mengembalikan kepada pengirim di luar negeri apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi apa-apa perkara yang tak diingini atas sebab-sebab yang

dinyatakan dalam subseksyen itu dan ini termasuk apa-apa perkara yang mungkin menggemparkan Fikiran orang ramai.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini bertujuan memperkenalkan seksyen baru 9A yang memberi kuasa kepada seseorang pegawai kanan berkuasa untuk menolak pengimportan atau menahan penghantarserahan apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi sesuatu hasil penerbitan yang tidak diinginkan sementara menunggu keputusan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Pindaan-pindaan ini jelaslah bertujuan mencegah kemasukan ke dalam negeri ini apa-apa hasil penerbitan yang memuatkan apa-apa rencana atau berita yang memudharatkan kepentingan awam walaupun rencana-rencana dan laporan-laporan itu mengandungi kebenaran. Pindaan ini sebenarnya bermakna bahawa pada masa akan datang mana-mana hasil penerbitan seperti *Asia Week*, *Far Eastern Economic Review*, *News Week*, *Times*, *Asian Wall Street Journal* dan lain-lain penerbitan tidak akan dibenarkan access ke dalam negara ini sekiranya ia menyiarkan apa-apa rencana atau laporan-laporan yang tidak "favourable" kepada Kerajaan walaupun rencana-rencana atau laporan tersebut memuatkan apa yang benar. Dengan berbuat demikian, Kerajaan ingin memastikan secara dua kali ataupun "doubly sure" bahawa rakyat Malaysia dinafikan access terhadap apa-apa laporan yang tidak "favourable" kepada Kerajaan bukan sahaja dalam media massa tempatan, tetapi juga dalam hasil penerbitan asing.

Tadi saya ada mendengar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri dalam pembentangan Rang Undang-undang ini ada menyatakan

bahawa terdapat banyak penerbitan-penerbitan asing yang sentiasa melaporkan berita-berita yang palsu mengenai Kerajaan dan oleh kerana ini Kerajaan hendak mengambil tindakan yang tegas terhadap penerbitan-penerbitan ini. Tetapi di sini saya ingin menyatakan bahawa sekiranya perkara ini ada benar dan sekiranya terdapat apa-apa laporan palsu dalam penerbitan-penerbitan yang berkenaan, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka dan tidak perlu membuat pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ini untuk menahan pengimportan penerbitan-penerbitan asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang amat tidak "democratic" dan "Draconian" adalah terkandung dalam Fasal 9 yang bertujuan memperkenalkan seksyen-seksyen baru, iaitu seksyen baru 13A dan seksyen baru 13B yang menyatakan, saya quote di sini:

"13A. (1) Apa-apa keputusan Menteri untuk menolak daripada memberikan atau untuk membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan pun".

" 13B. Tiada seorang pun boleh diberi peluang untuk didengar berkenaan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen atau permit atau berhubungan dengan pembatalan atau penggantungan lesen atau permit yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini".

Cadangan pindaan-pindaan ini dengan jelas memberi kuasa-kuasa yang lebih luas kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Sekiranya pindaan-pindaan ini diluluskan, beliau akan menjadi pendakwa, hakim, juri dan pelaksana kerana beliau dan beliau sahaja boleh

membuat keputusan ke atas nasib semua penerbitan di mana tiada ruang untuk menuntut keadilan. Tidak ada jalan lain bagi seseorang penerbit untuk merayu terhadap keputusan Menteri atau diberi peluang untuk didengar kerana kuasa mutlak terletak dengan Menteri Dalam Negeri untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara berkait dengan pemberian atau pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen atau permit bagi semua penerbitan. Pindaan-pindaan ini jelaslah ditujukan terhadap pertubuhan-pertubuhan seperti ALIRAN yang mana permohonan mereka untuk mencetak versi Bahasa Malaysia penerbitannya bernama "ALIRAN" telah ditolak oleh Menteri Dalam Negeri. ALIRAN telah merayu kepada Mahkamah Tinggi dan Hakim Harun Hashim dalam satu keputusan bersejarah memerintah Menteri berkenaan memberikan permit tersebut kepada ALIRAN. Hakim Harun Hashim selanjutnya berkomen bahawa permohonan-permohonan seumpama itu hendaklah diluluskan "as a matter of course", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meneliti seluruh perspektif pindaan-pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, maka adalah jelas loceng maut bagi demokrasi dan kebebasan persuratkhabaran telah dibunyikan ataupun "the death knell has been sounded", dengan izin. Pindaan-pindaan ini menghapuskan apa-apa juga saki-baki kebebasan persuratkhabar yang wujud selama 30 tahun ini dan dengan lulusnya pindaan-pindaan ini para wartawan hanya akan menjadi apa yang saya sifatkan sebagai "copy typist" kerana mereka tidak boleh lagi membuat "investigative reporting". Pada masa ini media percetakan dan elektronik di negara ini terpaksa menghadapi pelbagai undang-undang yang tidak demokratik dan bersifat menekankan seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Maka

dengan pindaan-pindaan ini kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, pukulan terakhir dan maut akan dilakukan terhadap pengaliran maklumat yang sudah pun ditekan selama ini.

Parti DAP membantah dan mengecam sekeras-kerasnya Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1987 ini dan menyeru supaya ianya ditarik balik sama sekali demi kepentingan demokrasi dan kebasan persuratkhabaran. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Seremban.

4.37 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu beri sedikit pandangan berkenaan suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, banyak jenis burung atau binatang yang terdapat di Malaysia telah hampir pupus. Harimau Malaysia yang terkenal dengan sifat gagah dan keagungannya kini semakin berkurangan kerana tempat perlindungan mereka telah dicerobohi oleh kegiatan membalak yang tidak teratur (*indiscriminate*). Jumlah binatang Tapir di negara kita juga kian berkurangan, di samping itu kebebasan akhbar di negara kita juga kini telah hampir kehabisan, jadi "endangered species".

Dengan pelaksanaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, penerbitan dan pencetakan suratkhbar adalah dijatankan berdasarkan kepada satu pembatasan yang amat ketat dan penerbit-penerbit mesti memastikan penerbitan dan pencetakan mereka tidak akan menyakiti hati pihak berkuasa.

Jikalau tidak kita bandingkan penerbitan dan percetakan negara kita dengan taraf-taraf yang lain, ia adalah merupakan satu penerbitan dan percetakan yang lemah, dengan izin, tame press iaitu satu percetakan yang digugat dengan pembatalan lesen cetak mereka ataupun lesen mereka tidak boleh diperbaharui pada akhir tahun oleh pihak Kerajaan.

Walaupun begitu, laporan-laporan yang meliputi perkara-perkara tempatan mengenai rakyat negara kita masih belum memuaskan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada 28hb Oktober, 1987 telah mengumumkan pembatalan permit tiga suratkhbar iaitu *The Star*, *WATAN* dan *Sin Chew Jit Poh*. Pindaan yang dicadangkan oleh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 pada hari ini adalah berniat untuk menghadkan lagi kebebasan akhbar di negara kita.

Kebebasan akhbar adalah merupakan satu specie yang endangered pada masa sekarang dan dengan pembatasan yang baru ini akan menjadi kebebasan semakin lenyap,

Tuan Yang di-Pertua, sekarang wujudnya tanda-tanda yang nyata yang menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang menuju ke arah satu police state, dengan izin.

Penahanan secara besar-besaran 106 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang baru berlaku termasuk ketua-ketua Pembangkang seperti Ketua Pembangkang Parlimen yang juga merupakan Ahli Parlimen Tanjong, ahli-ahli intelek seperti Dr Chandra Muzaffar, ahli-ahli pehdidik dan tokoh-tokoh hak asasi adalah bertujuan untuk melenyapkan, dengan izin, silent, mereka yang mengeluarkan kata-kata bantahan terhadap Kerajaan.

Penarikan permit *The Star*, *Watan* dan *Sin Chew Jit Poh* adalah untuk menghadkan lagi penerbitan dan percetakan komen-komen yang sah dari orang ramai terutama berkenaan dengan penahanan ISA yang baru berlaku itu. Orang ramai adalah hanya dibenarkan membaca salinan kenyataan akhbar pihak Kerajaan atau ucapan-ucapan para Menteri di suratkhbar yang lain di negara kita. Satu cara untuk mendapat tahu komen-komen yang sah adalah melalui siaran radio dari stesen-stesen radio luar negeri atau suratkhbar asing.

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama telah menolong mendapatkan kemerdekaan negara ini dan juga telah berjaya mengalahkan komunis dan mempertahankan negara kita terhadap Soekarno semasa konfrantasi 1983, telah mengadakan satu column di *The Star* yang merupakan agak popular di kalangan rakyat. Beliau tidak dipetik oleh suratkhbar yang lain di negara ini tetapi beliau selalu dipetik dengan luasnya di suratkhbar di Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom.

Dalam satu interview dengan *Majalah Times* beliau menyatakan saya quote: "You can't deny it's a Police State and you can go and arrest people at will without giving any reason other than they think there are security risks".

Beliau juga berkata, "How could I be a subversive, how could I run a paper that is subversive?"

Jadi bagaimanakah "Bapa Malaysia" boleh menjadi subversif dan menjadi Pengarah *The Star* yang telah dibatalkan? Inilah soalan yang selalu ditanyakan oleh rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut seorang novelist George Orwell (1984)

adalah sepatutnya merupakan satu tahun di mana seluruh dunia mempunyai hanya satu suara pemerintah sahaja. Big brother, dengan izin, tersebut akan mengendalikan dan menjaga semua hal termasuk daya pemikiran seseorang dan mengawal apa yang boleh dikatakan atau yang dituliskan. Untunglah perkara yang di atas tidak berlaku tetapi untuk Malaysia tahun 1984 adalah merupakan satu tahun di mana dua Akta yang penting telah diluluskan oleh Parlimen dan menjadikan pentadbiran berjalan ke arah dengan izin, a Police State. Sedangkan tahun 1983 adalah suatu tahun di mana Article 150 Perlembagaan Persekutuan dipinda yang memberi kuasa mutlak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisytiharkan keadaan darurat di negara kita, tetapi oleh sebab timbul begitu banyak bantahan, kuasa mutlak itu ditarik balik pada tahun 1984 melalui pindaan lain kepada Akta Perlembagaan.

Tahun 1984 juga merupakan tahun di mana Akta Mesin Cetak dan Penerbitan diluluskan dengan perbekalan buruk untuk menafikan kebebasan orang ramai seperti kebebasan demokratik, kebebasan maklumat dan kebebasan bercakap. Dua tahun kemudiannya iaitu tahun 1986, pindaan Akta Rahsia Rasmi (OSA) telah diluluskan, walaupun wujud bantahan yang meluas di negara ini terhadap pindaan tersebut. Akta Rahsia Rasmi adalah merupakan cek kosong untuk pihak Kerajaan untuk mengisytiharkan semua dokumen Kerajaan sebagai dokumen rahsia yang bertujuan untuk menyembunyikan semua pengurusan yang salah dan rasuah yang telah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu suratkhbar yang bertindak terhadap kepentingan orang ramai atau negara akan dihadapkan ke mahkamah. Memandangkan wartawan dan

penyunting suratkhbar adalah setia kepada negara dan juga merupakan patriotik, mereka tidak akan bertindak terhadap kepentingan negara. Jadi, sekarang dan hari ini kita mendengar, pihak berkuasa membuat satu alasan untuk menyenyapkan atau silentkan wartawan-wartawan iaitu atas alasan kecemasan awam, dengan izin, public alarm. Istilah itu sebenarnya memberikan satu definisi yang menakutkan. Sebarang perbuatan yang boleh menyebabkan kecemasan seperti berita mengenai kejatuhan harga di pasaran saham, banjir, gempa bumi dan lain-lainnya, penerbitan sebarang berita palsu juga merupakan satu kesalahan di mana pencetak, penerbit, penyunting dan wartawan adalah bersalah dan mereka boleh dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun atau didenda tidak lebih dari \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Keadaan yang sedemikian, boleh membunuh journalisme, dengan izin, yang ikhlas kerana hanya segelintir dari mereka yang akan mempertaruhkan nyawa mereka supaya memperoleh inisiatif untuk menyelidik atau mencari maklumat-maklumat baru yang menarik. Pindaan Akta tersebut juga memberi kuasa mutlak kepada Menteri Dalam Negeri untuk "memberi, menolak atau membatalkan lesen suratkhbar atau penerbit dan keputusan beliau tidak boleh dicabar di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta tersebut akan membawa kepada kemunduran demokrasi di negara kita. Pembatasan ke atas kebebasan akhbar dan kebebasan bercakap adalah serupa dengan keadaan yang terdapat di dalam negara-negara komunis atau diktator. Suratkhbar-suratkhbar tempatan dan majalah-majalah terbitan tempatan akan menjadi tidak menarik dan tawar.

Orang ramai lebih suka membaca bahan-bahan bacaan yang diimport

dari luar negeri. Pendengar-pendengar radio lebih suka mendengar stesen-stesen asing seperti, dengan izin, BBC and Voice of America. Keutamaan yang lebih akan diberikan kepada siaran dunia asing, yang tidak rasmi atau siaran bawah tanah.

Khabar angin akan tersibar luas dan jumlah edaran berita-berita asing yang "photostat" akan bertambah di negara kita. Berita-berita negara asing akan dihantar melalui Facsimile dan rakyat negara ini akan berebut-rebut untuk membacanya satu situasi yang sama dengan zaman pendudukan Jepun dari tahun 1941-1945 akan wujud di mana tidak siapa akan memberikan perhatian kepada berita rasmi tetapi lebih rela mempertaruhkan nyawa mereka untuk mendengar berita-berita dari BBC atau Voice of America, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara di seluruh dunia telah mengkritik Kerajaan negara kita tentang penahanan secara besar-besaran ahli-ahli politik. Banyak aktivis-aktivis hak asasi manusia dan ahli-ahli pendidikan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Parlimen negara-negara di Eropah telah mengutuk penahanan tersebut dan telah menghantar sepucuk surat bantahan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Begitu juga dengan Congress di Amerika. Akhbar-akhbar asing juga mengkritik perbuatan penahanan itu dan ramai di antara mereka adalah dari negara-negara yang mengadakan hubungan perdagangan dengan kita Malaysia. Mereka memandang berat terhadap penahanan rakyat Malaysia yang berani mengeluarkan kata-kata baatahan yang sah serta mereka yang bercakap tentang isu-isu atau masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh negara kita. Organisasi Hak Asasi Manusia Sedunia seperti Amnesty International serta lain-lain organisasi seperti Socialist International yang

berpengaruh kuat telah membantah dengan kuatnya terhadap penahanan itu. Berikutan dengan penahanan secara besar-besaran itu wujudnya satu pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Dia boleh dipandang sebagai satu langkah untuk menyumbatkan mulut akhbar dan menghadkan kebebasan demokratik. Selanjutnya ia akan menguatkan tanggapan bahawa Malaysia sedang menuju ke arah satu negara diktator atau police state.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang kita sudah ketahui pelaburan negara-negara miskin digalakkan dengan sepenuhnya supaya ia dapat membaiki ekonomi dan membentuk lebih pekerjaan kepada mereka yang menganggur. Tetapi adakah pelabur-pelabur asing akan melabur di negara kita pada masa sekarang. Pelabur-pelabur asing tidak akan melabur di negara-negara yang akan menuju ke arah kediktatoran\*.

Pada 2-11-1987, Penyunting *The Asian Wall Street Journal* telah berkata, saya quote: "Investors whom Malaysia tries to attract, are skittish of economies where the government bottles off its problems by slamming critics into jail." dengan izin.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, kami pihak DAP, menyeru kepada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membebaskan semua tahanan ISA termasuk Ketua Pembangkang iaitu Ahli Parlimen Tanjong bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. DAP juga menyeru Perdana Menteri untuk membatalkan pindaan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.53 ptg.

**Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin turut membahas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Sesungguhnya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri kerana sekali lagi tampil dengan satu langkah yang bijaksana untuk menjamin ketenteraman awam demi pencapaian matlamat negara, agama dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, baru sekejap kita mendengar cadangan-cadangan, pandangan-pandangan, teguran-teguran daripada pihak DAP khususnya Pembangkang yang sentiasa tidak kena dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan. Mereka ini bergerak di atas nama demokrasi atau demokratik di sebarang tindakan dan cakup tetapi sebenarnya mereka inilah yang paling tidak demokratik. Mereka sanggup memperalatkan apa sahaja asalkan "Nawaitu" dan hasrat mereka tercapai. Mereka sanggup memperalatkan kelompok-kelompok bangsa sama ada bangsa Melayu, Cina atau India. Kelompok-kelompok tertentu, akhbar-akhbar dan apa sahaja yang mungkin pencapaian niat jahat mereka untuk melepas dendam kepada Kerajaan yang mendapat mandat rakyat secara keseluruhannya.

Setelah DAP kecewa dan betul-betul kecewa dengan pilihanraya 1986, setelah mereka bangkit untuk menafikan kewibawaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, mereka betul-betul kecewa kerana tidak berjaya menafikan 36 majoriti dalam Parlimen ini dan kekecewaan mereka itu cuba dicari jalan-jalan dan cara-cara tertentu untuk meluahkan dendam kesumat buiuk, jahat hati pemimpin-pemimpin DAP. Antara cara-cara yang telah dipergunakan ialah mereka telah meluahkan kekecewaan ini melalui

hasutan-hasutan mereka kepada kaum-kaum di negara ini. Logik dan sesuai mereka telah menggunakan orang-orang Cina MCA dengan mengatakan pembelaan tidak diberi kepadamereka. Mereka menggunakan dan menghasut orang-orang Cina bahawa MCA sendiri tidak boleh melakukan perkara ini dan DAP sahajalah yang sanggup membela dan MCA sekali lagi melatah dan cuba mengatakan bahawa mereka kurang atau kalah beberapa kerusi pilihanraya kerana Dasar Ekonomi Baru, perlaksanaannya dan sebagainya. Yang sebenarnya ini merupakan mainan dan jerangkap samar yang dibuat oleh parti DAP. Perkara ini tidak, . . . .

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh bangun.

**Tuan Hashim bin Safin:** Boleh, memang kita hendak berhujjah bukan macam DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli dari Seputeh bangun minta penjelasan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Boleh.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah Yang Berhormat yang berkenaan itu melafazkan ucapan parti politik bukan atas Akta pindaan ini.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Seakan-akan, Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Bukan seolah-olah, Tuan Yang di-Pertua, betul saya kata. Tetapi ada kaitan, nanti ada hujung jatuhnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kita menunggu yang berkaitan Yang Berhormat. . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Sabar! sabar menunggu. Kalau orang demokratik, dia bersabar, dia bertenang dan tunggu apa yang saya hendak kata.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat atas dasar. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Berilah, jika atas demokrasi. Kalau you memperjuangkan demokrasi, beri kita bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat jangan bincang. Teruskan dengan ucapan atas Rang Undang-undang ini.

**Tuan Hashim bin Safin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebab hendak ajar orang demokratik ini, biar dia demokratik betul. Jangan cakap sahaja. Cakap tak serupa bikin.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Hashim bin Safin:** Bolehlah, lagi senior lagi saya hendak!

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih, minta jalan. Demokrasi memberi kepada Dewan yang mulia ini peluang untuk bukan mengganggu tetapi minta penjelasan. Oleh kerana itu Yang Berhormat dari Seputeh hanya mengamalkan hak demokrasinya untuk mendapatkan penjelasan. Ini bukan mahu menentang, mengganggu atau menghalang Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah untuk membuat ucapan itu. Tidak sama sekali. Jangan ajar orang kalau Yang Berhormat sendiri tidak tahu! Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila teruskan Yang Berhormat dengan Rang Undang-undang ini.

**Tuan Hashim bin Safin:** Terima kasih, nampaknya dia sudah faham apa yang saya cuba hendak terangkan apakah demokrasi parti DAP ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah menjalar dan berjangkit di mana perkembangan berikutnya ada akhbar-akhbar tertentu yang memainkan peranan yang cuba melatah dan mengambil kesempatan sama ada mereka ini mempunyai kepentingan niat atau "nawaitu" yang sama dengan pihak tertentu dan perkara ini menyebabkan keadaan haru-biru di dalam masyarakat. Ringkas cerita, Tuan Yang di-Pertua, berlaku sedikit sebanyak ketegangan kaum hasil daripada punca asal yang juga turut dimainkan peranan oleh pihak akhbar-akhbar. Dan perkara ini berjangkit juga kepada UMNO. Kita orang UMNO pun mempunyai maruah, mempunyai perasaan, hati kecil yang perlu kita mempertahankan dan kita ada penyokong, kita perlu lakukan perkara ini. Dan tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah paling wajar.

Sebagai 'bukti, tindakan untuk mententeramkan keadaan dengan menggunakan ISA itu adalah satu perkara yang wajar. Sekarang keseluruhan masyarakat merasa tenang dan terjamin tetapi mereka yang tidak puas hati dan yang mengharapkan berlakunya kekacauan dan huru-hara itulah yang meminta perkara ini dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh melihat apa yang telah dibuat, ialah untuk menjamin kebebasan. Bila menyebut soal kebebasan, biarlah kita ikhlas dengan hati kita sendiri, ikhlas dengan masyarakat, bangsa dan agama kita. Kalau kita berasa bebas

kita boleh sentuh orang lain, orang lain tidak boleh sentuh kita; itu sudah tidak bebas. Itu bebas kerana kepentingan diri. Mentang-mentang bebas, bukanlah kita hendak bebas sebeb kerua di hutan, macam DAP. Dia buatkan, kita tidak mengapa! Kita hendak membaiki dan betulkan masyarakat demi masyarakat tidak bolehkah, macam kerua bukan DAP. Macam kerua di hutan, bukan hendak kata DAP macam kerua.

Kita tidak mahu sebeb itu. Kita mesti menilai dari segi keadilan. Bila hendak menilai keadilan yang ramai labih patut kita turut. Kalau kita minoriti, kita hendak dengar suara minoriti tidak akan ada undang-undang, tidak akan ada peraturan. Oleh itu proses yang berlaku dalam Kerajaan pada hari ini proses demokrasi yang telah, sedang dan akan berlaku insya Allah, tidak akan mati, demokrasi itu akan terus hidup, ialah untuk mengembalikan kuasa itu kepada rakyat. Rakyat mempunyai kuasa cek kepada Perdana Menteri, Timbalan Menteri, Menteri-menteri semua boleh dicek melalui pilihanraya.

Kalau DAP buat: come on, pergi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sila pergi ke kampung berkempen "Kami pembela bangsa, pembela negara untuk keadilan, jangan sokong Menteri sekarang. Menteri sekarang tidak melakukan keadilan". Boleh berkempen, ini nada-nada berkempen. Kalau DAP hendak marah, pergilah buat begitu. Menegur tidak adil, tidak patut, sedangkan kita boleh melihat. Ini menyentuh kuasa Menteri.

Di bawah seksyen 9 (a) kuasa Menteri adalah muktamad. Biar kita bercerita secara berterus-terang. Apa guna jadi Menteri kalau kuasa Menteri dapat di atasi atau over rule, dengan izjn, oleh satu pihak yang belum dapat kita pastikan nawaitunya, ada bias atau memihak kepada mana-mana

sedangkan Menteri itu adalah mereka yang sudah dilantik melalui proses pemilihan pilihanraya secara demokrasi dan Menteri ini boleh dicek dari masa ke semasa sama ada Menteh ini betul atau tidak betul, kalau ramai Menteri tidak betul, Kerajaan akan runtuh, rakyat pun bukan bodoh atau gila hendak pilih Menteri yang tidak betul, macam DAP. Jadi, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah meletakkan asas basicnya di mana kuasa yang ada pada Menteri itu mesti muktamad. Tidak guna jadi Menteri, nanti kalau sudah dapat jadi Menteri, DAP juga yang kata Menteri ini tidak bekerja, tidak berfungsi untuk menjamin keselamatan negara. Awak juga yang cakap. Sekarang Menteri berfungsi untuk menjamin . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** Kalau Menteri memerlukan kuasa muktamad dan mutlak ini sebegitu mendesak kerana mahu persidangan Parlimen, kenapa mahu mahkamah lagi menjadikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai diktator seperti Marcos di Filipina, seperti Hitler di Jerman, adakah ini akan membawa ketenteraman awam, tidak sama sekali. Oleh kerana negara kita mempunyai sistem "separation of powers" supaya Menteri ataupun keputusan yang dibuat oleh Menteri dapat dipersoalkan. Ini asas pembinaan negara kita. Kalau Yang Berhormat tidak faham ini, saya pun tidak tahu kenapa Yang Berhormat berucap sekarang?

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Kita kembali, saya sudah sebut asas tadi di mana Menteri telah dilantik melalui proses pemilihan dan Menteri itu dilantik oleh parti yang memenangi dalam majoriti pilihanraya. Saya tidak guna ceritalah, sama-sama kita tahu. Soalnya sekarang, sebagai contoh berlaku kepada satu pengarang "*Wall Street Journal*", kuasa Menteri sudah diberi tetapi mahkamah, kerana

sebab-sebab tertentu mengatakan apa guna ini, sedangkan kita yakin rakyat sebahagian besar percaya ini menjejaskan, menjatuhkan maruah, mengganggu ketenteraman awam, suasana negara dan mungkin banyak lagi perkara begini kalau tindakan tegas tidak diambil.

Jadi, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya lebih percaya dan tetap percaya kepada proses yang ada pada hari ini di mana kita tidak meletakkan keputusan bagi sebuah negara kita yang mendapat majoriti daripada rakyat hendak mendengar keputusan beberapa hakim, ini ada perkataan yang kita tidak boleh terangkan, terpaksa sentuh dua tiga orang ini, sampai begitu sekali. Sedangkan mereka ini juga mempunyai nawaitu. Mereka manusia biasa, bukan maksum, bukan Nabi, Mereka berhak membuat keputusan yang sebenarnya. Kalau mereka berteriak ada kaitan-kaitan tertentu, bukan hendak buat tuduhan. Barangkali mereka terpaksa memihak kerana masalah kenegeriankah, ada masalah-masalah tertentu di segi peribadi sebelum ini dengan pihak-pihak tertentu. Kemungkinan pihak ini tertekan, mereka gunakan kesempatan ini. Ini yang saya katakan. Jadi, kita kembali kepada soal demokrasi itu, yang tuan-tuan daripada DAP hendak, yang kita semua hendak melalui proses pilihanraya. Kalaulah kita ini diktator, Menteri-menteri, Perdana Menteri hendak menjadi macam Filipina, macam Hitler, itu hak rakyatlah. Kita serah kembali; setiap lima tahun sekali kita serah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya tetap mengatakan untuk menjamin pelaksanaan pentadbiran yang baik, untuk menjamin ketenteraman, menjamin kepentingan awam, mencapai matlamat kita tidak boleh lari daripada pelaksanaan pengertian penterjemahan yang sebenar-benar kerana proses yang kita

buat sekarang melalui proses keadilan, melalui pilihanraya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, cuba hngkaskan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Sedikit lagi mengenai niat jahat. Saya sakit hati mengenai niat jahat ini. Memang kita mempunyai bukti dan berlaku kepada kita sendiri. Memang siapa boleh baca niat jahat dalam hati orang. Tetapi kita dapat melihat perkara itu setelah ianya terpampang di akhbar. Barangkali kita boleh mempersoalkan niat seseorang tetapi tidak dapat jelas. Kesannya dapat dilihat setelah ditulis dalam akhbar si-anu, si-anu, begini, begini ceritanya, tetapi cerita itu adalah tidak betul dengan niat-niat tertentu. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pengeluaran kenyataan setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sarawak, kemudian keluar berita mengenai penjualan Limbang kepada Brunei. Macam mana perasaan orang Sarawak. Ini tidak menggemparkan Yang Berhormat daripada Kuching, mestilah rasa bimbang macam mana hendak jual Limbang, Sarawak kita punya, tanahair kita, milik kita, semua pusaka kita. Di Malaysia bimbang, Pemuda UMNO terpaksa. . . .Macam mana perasaan, mana maruah kita? Tetapi ini betul-betul nawaitu jahat yang ingin melagakan, ingin menjejaskan kewibawaan Perdana Menteri dan sebagainya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasan?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta penjelasan. Berhubung dengan kenyataan penjualan Limbang, kita tahu bahawa kenyataan ini tidak benar dan malah jahat. Apakah Yang Berhormat mengetahui bahawa DAP

walaupun mereka mengetahui perkara ini jahat dan tidak benar, mereka tidak pernah membuat apa-apa kenyataan mengenainya.

**Tuan Hashim bin Safin:** Setahu saya sehingga ini tidak pernah dengar DAP menatikan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, jadi kembalilah sedikit soal niat jahat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua Tuan D. P. Vijandran:** Minta penjelasan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Boleh.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih. Kerana nama DAP telah disebutkan, saya terpaksa untuk menjelaskan, DAP tidak ada maklumat sama ada Yang Amat Berhormat akan menjual Limbang kepada Brunei atau tidak, macam mana DAP boleh nafikan? Kalau *Far Eastern Economic Review* telah meminta maaf kerana laporannya tidak berasas, DAP pun puas hati dan tidak menegaskan bahawa Yang Berhormat ada niat jahat mahu jual Limbang kepada Brunei, DAP pun menerima jawapan dari Yang Amat Berhormat itu. DAP adil, tidak bikin salah, tidak ada niat jahat, DAP fair. Pihak Pembangkang yang bertanggungjawab sama sekali. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Safin:** Kalaulah DAP bertanggungjawab, fair, dengan izin, kata tadi, baguslah. Tetapi banyak lagi perkara yang DAP tidak bertanggungjawab. dan tidak fair dalam perkara-perkara yang berlaku dalam negara kita ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta penjelasan. Penjelasan terakhir. Apakah dengan kenyataan Wakil daripada Kuching ini menunjukkan seolah-olahnya DAP juga terlibat sama di dalam mengeluarkan kenyataan yang berkenaan, daripada jawapan tadi.

**Tuan Hashim bin Safin:** Banyak pendapat mengatakan DAP juga terlibat. Tetapi bila terserempak ia cuba menatikan. Inilah drama pelakon terbaik parti politik di Malaysia.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuduhan bahawa DAP terlibat dalam peristiwa ini adalah menunjukkan bahawa Yang Berhormat dari Arau mempunyai niat jahat untuk mengotorkan nama DAP. Ini satu perkara repugnant, dengan izin, mengenai niat jahat kerana niat jahat tidak dapat dibuktikan sama ada dalam mahkamah, masjid, churches, macam swearing, mahu potong kepala ayam pun tidak dapat buktikan niat jahat ada atau tidak ada, kerana itu niat jahat tidak haruslah di masuk dalam Rang Undang-undang ini, khususnya niat jahat tidak dapat dibuktikan dalam mahkamah, ini sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya rasa eloklah hentikan dialog ini.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju memang niat tidak dapat dibuktikan tetapi saluran-saluran ataupun perkara itu boleh dapat kita buktikan, misalnya, selama ini siapa yang buat jahat ataupun akhbar-akhbar mana yang bersubhat. ....

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit kerana Yang Berhormat dari Kuching memberitahu Dewan bahawa niat jahat itu tidak boleh dibuktikan, tetapi mengikut latihan undang-undang, saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat dari Tanah Merah, bahawa niat jahat itu dapat dibuktikan, kalau tidak tentu dalam undang-undang jenayah tidak ada dikatakan niat jahat sebagai satu unsur yang mesti dibuktikan oleh pihak pendakwa sebelum mendapati seseorang itu bersalah atau tidak bersalah. Jadi, tentulah apabila prinsip

ini dipakai, sementara begitu undang-undang ini ada menyebut perkataan niat jahat, apakah Yang Berhormat dari Tanah Merah bersetuju dengan saya bahawa niat jahat ini boleh dibuktikan, bukan sahaja melalui perbuatan-perbuatan ataupun pengucapan-pengucapan tetapi ia juga boleh dibuktikan oleh keadaan sendiri, circumstantial evidence, keterangan keadaan. Apakah Yang Berhormat itu bersetuju dan kalau bersetuju, apakah pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu menampakkan kejahilannya tentang undang-undang di negara ini? (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya suka menghentikan dialog ini. Teruskan, Yang Berhormat dari Tanah Merah.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, dan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Cukuplah, teruskan.**

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, jadi niat jahat kita boleh buktikan. Saluran sama ada dari segi percakapan, penulisan, kemudian kesan-kesan selepas itu lebih baik. Oleh itu langkah untuk mengawal niat jahat itu adalah lebih baik, mencegah itu lebih baik daripada mengubati, prevention is better than cure.

Jadi, perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi, kadang-kadang geram juga dengan DAP ini. Perkara ini adalah merupakan satu perkara yang perlu dan sama-sama kita menyokong tanpa mengira mana-mana pihak demi ketenteraman awam kerana selepas daripada ini barangkali tidak ada mereka berniat jahat, mereka yang cuba memperalatkan kelompok-kelompok minoriti demi kepentingan mereka. Tetapi kalau

mereka betul-betul ingin mengikut proses demokrasi, golongan minoriti ALIRAN, masalah bertanding pilihanraya, pergilah beri penerangan apa dasar dan sebagainya, boleh teruskan, jangan memperalatkan akhbar melagakan tokoh itu, tokoh ini dan sebagainya. Ini merugikan, tidak ada siapa yang untung, semuanya rugi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya hendak katakan akan diteruskan oleh kawan-kawan saya kerana ini merupakan satu perkara yang penting, yang amat baik, yang perlu kita teruskan demi keamanan, keharmonian, kesejahteraan, kedaulatan dan maruah bangsa dan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh.

*5.13 ptg.*

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah dan keizinanNya saya diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang bertujuan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya atas pandangan dan saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam membentangkan Rang Undang-undang ini kerana kita tahu di dalam sebuah negara yang membangun, lebih-lebih lagi di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, apa yang perlu oleh kita semua dan oleh seluruh umat manusia ialah suasana negara yang aman dan tenteram.

Suasana negara yang aman dan tenteram ini merupakan faktor utama di dalam pembangunan sesebuah negara atau sesuatu bangsa. Oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab kepada sebuah Kerajaan yang memakai simbol "Tradisi Membela Rakyat" menjamin supaya rakyat di negara ini faham akan peranan dan tanggungjawab masing-masing, sama ada mereka di kalangan wartawan ataupun pemberita, ataupun di dalam sektor awam ataupun petani-petani, peniaga-peniaga dan sebagainya. Tanggungjawab mereka ialah untuk berusaha supaya apa yang mereka sibarkan atau lakukan mestilah bertujuan untuk mewujudkan perpaduan yang seterusnya akan mencetuskan keamanan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Mesyuarat*)

Akta ini adalah bertujuan untuk mencegah supaya berita-berita yang tidak benar, berita-berita yang boleh menggemparkan masyarakat hendaklah dielakkan. Sekiranya berita-berita yang seumpama ini di benarkan, bermakna kita seluruhnya, sama ada Kerajaan atau rakyat, ataupun sama ada daripada Backbencher atau Pembangkang, kita suka negara kita ini diliputi oleh berita-berita fitnah kerana fitnah ini adalah sangat bahaya. Mengikut pandangan Islam, hukumannya orang yang buat fitnah lebih besar daripada pembunuh. Oleh sebab itu langkah-langkah yang positif mestilah dibuat supaya kita dapat mengelakkan, membendung daripada wujudnya berita-behta fitnah yang disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Selain daripada itu jika tidak kita sekatkan berita-berita yang tidak benar dan menggemparkan ini, bermakna kita menggalakkan wujudnya sebegitu ramai golongan-golongan opportunist politik yang

sentiasa, bak kata pepatah Melayu: "Menanggung di air keruh", terutama seperti yang dilakukan oleh pihak Pembangkang yang di sebelah saya ini, sama ada PAS atau DAP.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat . . . . .

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Saya tidak benarkan. duduk! Saya tidak habis cakap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Seremban kerana semasa saya masuk tadi Yang Berhormat dari Seremban sedang bercakap dia mengatakan bahawa akhbar-akhbar asing, negara-negara luar telah menghantarkan bantahan kepada Kerajaan kita kononnya kerana telah bertindak menahan beberapa orang rakyat Malaysia baru-baru ini. Memang benar, sebagai manusia yang mahu maju, kita perlu mendengar pandangan-pandangan dunia luar, sama ada menerusi media tulisan, media elektronik atau apa-apa jua, tetapi bukan semua, kita bukan bakul sampah kerana kita ada identiti, ada keperibadian, kita mesti pilih mana yang boleh menguntungkan negara kita, kerana kata pepatah Melayu: "Ketawa beramai-ramai, menangis seorangsahaja".

Jadi, apabila kita bertindak baru-baru ini adalah tujuannya untuk menjamin ketenteraman masyarakat kita, tiba-tiba mereka bantah. Kita mahu bertanya dengan DAP dari Seremban, tetapi dia keluar, siapa yang lebih arif, orang daripada London, Amerikakah ataupun kita, terhadap keadaan di dalam negara kita? Kitalah yang lebih arif. Mengapa mahu dengar cakap orang? Inilah menunjukkan DAP tidak ada keperibadian. Apa yang datang daripada luar semua terima, tidak ada keperibadian, tidak ada identiti. Kita

boleh jawab, tetapi yang baik kita terima, yang jahat kita ketepikan. Dia kata lagi, pelabur-pelabur asing takut hendak masuk dalam sebuah negara yang sedang bergerak ke arah pemerintahan diktator. Dengan kita membuat penahanan ini jelas membuktikan supaya ketegangan kaum yang berlaku di negara ini dapat diredakan. Alhamdulillah, terbukti keadaan telah reda.

Dengan yang demikian bermakna kita sedang berusaha mewujudkan satu suasana yang aman, tenteram. Inilah faktor yang boleh menarik pelabur-pelabur asing. Tetapi kalau negara kita, kita biarkan keadaan huru-hara, pergaduhan seperti apa yang berlaku di Vietnam, di Lebanon, siapa mahu pergi ke sana? Apakah DAP suka Kerajaan berpeluk tubuh menjadikan negara kita huru-hara dan di waktu itu berlumba-lumba kononnya pelabur asing hendak datang. Ini satu dakwaan yang palsu yang tidak boleh diterima oleh manusia yang waras.

Kata pula wakil dari Bukit Bintang kononnya dengan adanya Akta ini boleh menyekat perkembangan daya kreatif, daya cipta oleh wartawan-wartawan. Tetapi kita mesti ingat di dalam sebuah negara yang membangun, wartawan-wartawan adalah mempunyai tanggungjawab bukannya menyebarkan berita-berita yang tidak bertanggungjawab. Di antara faktor yang patut disebar, kerana wartawan merupakan pendidik, pembimbing masyarakat, maka sudah sepatutnya faktor-faktor atau nilai-nilai murni hendaklah ditanam dalam hati sanubari rakyat. Menulis dengan baik, membuat cerita, membuat gambaran macam-macam nilai-nilai yang baik, seperti rajin, tekun, amanah, sabar, percaya dan yakin kepada diri sendiri. Nilai-nilai atau sifat-sifat percaya kepada diri sendiri ini amat penting kita serapkan ke dalam hati dan sanuhari rakyat

kerana dengan percaya diri sendiri, keyakinan diri sendirilah manusia sanggup pergi ke angkasa lepas. Dengan keyakinan diri sendiri inilah manusia sanggup masuk ke dasar laut, dengan keyakinan diri sendiri inilah ahli-ahli circus mampu mengayuh basikal di atas seutas dawai. Orang-orang yang tidak mempunyai keyakinan diri sendiri bukan sahaja tidak boleh mengayuh basikal di atas dawai tetapi akan jatuh walaupun meniti di atas batang nyior yang seribu kali lebih besar daripada dawai. Tidak berjaya, jatuh, fasal tidak yakin pada diri sendiri.

Inilah yang patut diserap oleh wartawan-wartawan sebagai pembimbing kepada masyarakat. Mengapa perlu menyebarkan berita-berita yang boleh menggambarkan masyarakat, yang boleh merosakkan keharmonian kaum, yang boleh mencetuskan pergaduhan di antara rakyat, lebih-lebih lagi dalam masyarakat berbilang kaum di negara kita ini.

Saya nampak tidak logik sama sekali hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang kononnya dengan adanya Akta ini boleh menjejaskan daya kreatif dan saya yakin kalau ditanya hari ini, semua pemberita sendiri pun tidak bersetuju dengan pendapat Ahli dari Bukit Bintang, tetapi sebaliknya bersetuju dengan saya. Ini tanggungjawab kita, masing-masing mempunyai peranan. Kalau negara kita ingin mencapai kemajuan, Perdana Menteri kita tidak boleh mendabik dada, "Aku seoranglah yang membangunkan negara ini." Tidak boleh. Menteri-menteri pun tidak boleh, kami Wakil Rakyat pun tidak boleh. Kita semua berbangga dan bermegah kerana tiap-tiap orang mempunyai saham dan peranan. *(Tepuk)*

Oleh sebab itu, saya rasa perkara ini sepatutnya lebih awal lagi dibawa ke

Parlimen ini. Walau bagaimanapun, dengan adanya ilham yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perlu Akta ini dibawa mudah-mudahan dengan hasrat yang baik, Allah bersama-sama dengan kita dan kita teruskanlah niat yang baik ini. Maka dengan harapan itu kita akan dapat membina sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni. Maka dengan ini saya menyokong Akta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

#### 5.24 ptg.

**Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengambil peluang sekejap untuk membahar sama mengenai Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita pada petang ini.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya terlebih dahulu menyatakan bahawa dengan sebenarnya bahawa saya ini bukanlah seorang ahli ataupun pakar undang-undang. Saya percaya saya tidak layak untuk membahar ataupun membincang Akta ini, apa lagi bila mendengar pandangan-pandangan dan hujah-hujah yang telah disampaikan oleh pihak pembentang iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dan dalam pembentangan itu banyak hujah-hujah telah dikemukakan sehingga beliau telah membawa pandangan-pandangan daripada beberapa pakar undang-undang dari negara barat.

Saya anggap segala hujah-hujah itu sebenarnya pada pandangan saya . . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti sekejap. Ya, apa Yang Berhormat dari Batu Berendam?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa baru mengatakan bahawa beliau tidak layak membincangkan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, nanti, sabar dahulu. Yang Berhormat Pengkalan Chepa boleh beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak beri, duduk.

Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya susah hatilah, bila sahaja saya hendak bangun selalunya gangguan timbul. Biarlah dia tidak mahu tegur Kerajaan, tetapi berilah peluang kepada saya Pembangkang.

Walaupun hujah Perdana Menteri begitu panjang dan agak tepat bagi beliau, tetapi pada pandangan saya, saya rasa hujah itu adalah hujah hasrat, bukan hujah sebagai dasar dan pegangan. Sebab kita sebagai orang Islam, kita tahu hidup kita, pegangan kita dan soal tegur menegur ini adalah hak yang diajar oleh agama kita. Apa lagi kesilapan, kecacatan yang timbul dari seseorang wajib ditegur. Sebab itu

saya pada petang ini mengambil peluang, sebagaimana Wakil Bukit Bintang mengatakan, dia sebagai Wakil Rakyat dia bertanggungjawab membawa amanah rakyat, maka saya pun atas nama Wakil Rakyat suka mengambil peluang ini untuk menyampaikan sedikit pandangan dari saya dan dari Parti saya supaya saya tidak akan bersubahat dalam menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya tidak nampak walaupun hasrat Kerajaan begitu baik dengan Rang Undang-undang ini, bahkan saya nampak dan saya yakin Kerajaan telah pun tamak dengan kuasa, terlampau berhasrat untuk mengekalkan kuasa. Dengan sebab itu tidak cukup beberapa Akta yang telah dibentangkan yang kesemuanya Akta-akta yang dibentangkan itu telah dapat digunakan oleh Kerajaan, seperti Akta ISA, Akta Rahsia dan sebagainya. Tetapi dengan pembentangan Akta ini, lebih ketara nampaknya tamak Kerajaan untuk mengepung segenap ruang kebebasan rakyat supaya rakyat akan jadi kaku dan beku dalam menyampaikan sesuatu pandangan khususnya kepada kesilapan Kerajaan.

Hal seperti ini bagi saya, saya tidak menafikan keperluan undang-undang. Undang-undang ini memang perlu dan mustahak, sebab dalam Islam sendiri kita tahu suruh/larang berlaku pada pehbadi kita, berlaku pada rumah tangga kita, berlaku dalam persekolahan kita lebih-lebih lagi dalam negara. Kalau tidak disuruh/larang, maka keadaan diri seseorang itu begitu juga rumah tangga dan negara akan porak-poranda. Sebab itu saya tidak nafi dah segi keperluan undang-undang, tetapi harus kita sedar terutama sekali pihak Kerajaan dalam membentangkan sesuatu Rang Undang-undang, jangan sampai mendedahkan peluang kepada rakyat menegur kita lebih banyak daripada

kita mengambil peranan untuk mendedahkan kebenaran kita. Sebab Kerajaan sendiri tahu, kalau puji bila pun Kerajaan setuju. Yang Kerajaan tidak setuju Fasal tidak puji, fasal kritik, fasal teguran. Sebab itulah bukan saya parti PAS, bukan DAP, bila puji Kerajaan, Kerajaan sokong kita setuju, Tetapi kalau tegur, bukan saya, bukan DAP, siapa pun Kerajaan marah. Sebab itulah hujah yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, siapakah dunia Barat saya tak boleh terima kerana Islam telah menggariskan "addin an nasihah", agama tegur-menegur, agama ajar-mengajar, agama nasihat-menasihat. Kalau agama mesti ada tegur-menegur dan tegur-menegur itulah asas agama.

Yang kedua: "Man ra-a mungkarana fal-yuhaiyuru biyadihi fa-illam yastotik fabil-lisanihi". Ini bukan saya tahu, yang anggota Kerajaan sendiri terutama sekali orang lepasan Azhar memang dia tahu, wajib tegur. Jadi, inilah yang menjadi masalah hari ini, sampai Rang Undang-undang ini dibentang.

Contoh yang terbesar, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta ISA. Kenapa bising? Kerana berlaku luar saluran. Kalau dibawa ke Mahkamah, kalau hakim menentukan, bunuh, tak ada apa-apa. Bunuh orang tak bising, tetapi bawa lari mengikut saluran—belum bunuh, dunia sudah jadi bising. Sebagaimana tangkapan 106 orang baru-baru ini, semua jadi bising, bila orang pandai tidak betul. Tiap-tiap satu keluarga katalah 30 orang, 106 orang berapa ribu orang. Bila dia pandang salah, dia kena zalim, dia berdoa kepada Allah s.w.t. apa akibat kita akan terima?

**Timbalan Tang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk sekejap. Dijemput Menteri untuk membawa usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri. (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam ini.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam ini,

### RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN (PINDAAN)

*Perbahasan di sambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh teruskan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, masalah yang timbul sekarang, yang berlaku tuduh-menuduh seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi sampai menuduh berbagai-bagai kepada pihak DAP adalah semata-mata untuk hendak membelakan Rang Undang-undang ini, bukan untuk

hendak membahaskan undang-undang, tetapi hendak membelakan pembentangan undang-undang ini.

Saya tidak nafi tetapi sebagaimana kita orang Islam haruslah kita kena sedar dan sepatutnya teguran itu kita terima dengan cara dada terbuka. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang kita bahaskan sekarang . . . . .

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Hendak minta apa?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Penjelasan! Boleh, boleh,

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa yang saya rasa boleh menimbulkan kekeliruan apa yang dibangkitkan oleh wakil dari Pengkalan Chepa baru sekejap tadi. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat yang berkeriaan, apakah Yang Berhormat berkenaan sedar bahawa dalam Islam sendiri ada kaedah-kaedah yang jarang sekali dilihat oleh pemimpin-pemimpin PAS iaitu kaedah seperti Kaedah: Jalbul-Masaleh Tukaddim Al Dafil Madar, menentukan dalam sesuatu perkara itu khususnya yang berhubung dengan soal-soal keduniaan, kita harus melihat dari segi kemuslihatan itu didahulukan bagi tujuan untuk

menolak perkara-perkara yang boleh menimbulkan kepada kemudaratan.

Yang kedua, satu kaedah: Saddu zaraik, iaitu kaedah di mana punca-punca yang boleh membawa kepada kerosakan harus dihalang daripada awat-awal lagi dan cara menghalang itu terletaklah dari segi pentadbiran, kebijaksanaan kepimpinan yang berkenaan. Ini dua kaedah yang jarang dilihat oleh pemimpin-pemimpin PAS walaupun mereka selalu bercakap atas nama Islam. *(Tepuk)*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih. Saya ucap terima kasih kerana saya dapat mendengar pandangan daripada pihak Kerajaan. Jadi, sekarang penjelasannya, sekarang saya hendak membenteng hujahlah kerana saya tahu Yang Berhormat itu lupa kepada hujah. Sepatutnya kalau Yang Berhonnat hendak pakai hujah tadi, dia mesti nasihat, mesti tegur, mesti mempertahankan kebenaran awal-awal lagi kepada Kabinet, jangan Kabinet terkeliru dengan kedudukan agama.

Tetapi hari ini Kerajaan pincang dalam memandu teraju negara supaya berjalan mengikut kebenaran kerana ahli-ahli agama dalam Kabinet itu saya yakin tidak berani menegakkan kebenaran. Orang lain tidak dapat mengambil pandangan yang benar.

Contohnya peristiwa berdebat antara UMNO dengan PAS. Mengapa Perdana Menteri sanggup. Boleh jadi Perdana Menteri yakin ada kemampuan, dia ada kebenaran. Dia orang berkenaan tidak beri hujah, bila sampai peringkat batal. Fasal apa batal? Itulah. *(Ketawa)* Saya tahulah, itu saya tak patut, tetapi saya lak mahulah bercakap benda kotor, saya tak mahu. Saya tolong menerang hujah ini. Kalau cakap sahaja jangan. Masa dia duduk dalam Kerajaan dahulu, inilah masa dia. Kalau saya duduk

dalam Kerajaan senang, tetapi saya jadi Pembangkang. Sudahlah saya tak boleh buat, hendak bercakap pun tak boleh pula. *(Ketawa)* Cuba saya pegang Kerajaan, baru tuan-tuan boleh tahu. *(Ketawa)* Bukan saya tepuk dada, tetapi dukacita. Sahabat saya berapa ramai yang balik Azhar hari ini. Apa dia buat? Tak ada apa-apa, dia, angguk sahaja. Dia tunggu apa dia dapat.

Saya tidak menuduh ini . . . .

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud:** Yang Berhormat, dia bangun sekali lagi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Boleh, boleh.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu-agak keliru sedikit. Dia tidak sedar bahawa kebanyakan daripada permasalahan-permasalahan Islam yang terlaksana di dalam Kerajaan hari ini, apakah ini tidak diakui bahawa hasil daripada pandangan-pandangan Ahli-ahli UMNO yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang bersemangat terhadap keislaman. Janganlah mengakui bahawa dia sahaja yang Islamnya, apakah ia tidak sedar bahawa seseorang yang mengakui dirinya sahaja yang Islam, ini adalah satu perkara yang takabur, yang amat dimurkai oleh Allah s.w.t.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak berbangkit. Tuan Pengerusi, apa yang dibangkit, tidak berbangkit. Saya tidak nafi kebaikan. Sebab itu saya buat misalan tadi, ada buruk, ada baik. Yang Kerajaan tak puas hati ini fasal kritik, fasal tegur. Kalau puji tak apa.

Yang kedua, kenapa orang puji, kenapa orang kritik. Kerajaan dengan rakyat sama seperti pokok dengan

bayang. Kerajaan rakyat, pokok, bayang. Bayang ini betul, kalau pokok itu betul. Tetapi bayang tidak akan betul kalau pokok tidak betul.

Macam pen ini. Tak tahu pula bayang? (*Ketawa*) Bukan bayang saya (*Ketawa*), saya lidah Kelantan (*Ketawa*), hendak bangkit seriuh pula (*Ketawa*). Misalnya kalau pen ini pokok. Kalau pen ini betul, mesti bayang ini betul, tetapi kalau pen ini bengkok, bahawa Kerajaan hari ini bengkok, bukan betul. Fasal itulah jadi bayang bengkok.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh bangun. Ya, boleh?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** *Boteh.* (*Ketawa*)

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tadi Ahli dari Pengkalan Chepa mengatakan Kerajaan itu ada baik, ada buruk. Saya hendak tanya mana banyak yang baik dengan yang buruk. Kita ingin mendengar beliau akan bercakap benar sepertimana kata *Nabi:* (*Ketawa*) Qulilhaq walau kaanamurran: Cakap benar sekalipun baik. Mana banyak yang buruk daripada baik. Cakap benar, lillahitaala.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Jadi, pegangan Kerajaan hari ini nyatalah, buruk pun tak apa asal baik ada. Itulah pegangan Kerajaan. Islam tak mahu, dia mahu baik semua, buruknya dia tak mahu. (*Disampuk*) Cuba tanya Yang Berhormat dari Azhar. Islam mahu benda buruk? Tak mahu. Sebab itu saya tegur yang buruk, yang baik saya puji. Beberapa kali saya duduk dalam Parlimen ini, saya sokong Rang Undang-undang yang baik.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Dia beri.

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Memanglah dalam Islam semuanya menuntut perkara yang baik, tetapi kita ini manusia dan Kerajaan itu juga dianggotai oleh manusia-manusia. Kalau yang baik, katakan baik. Dalam Islam menuntut untuk mengatakan yang baik. Kalau yang kurang baik boleh diperbaiki. Tetapi Yang Berhormat tidak pernah menyatakan kalau yang baik itu baik dan di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat apakah perkara yang baik tidak boleh dikatakan baik? Dan kalau buruk, kalau tidak betul, tegurlah dengan baik. Itu yang saya tahu, walaupun saya bukan tok guru. Minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad:** Tidak payah jelaskan Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah jelaskan, dia tak faham. Dia tidak faham lagi, saya sudah jelaskan. Yang baik itu baiklah. Pernah saya tegur Kerajaan buat masjid? Pernah saya kata tidak baik Kerajaan buat masjid? Yang dia buat sekolah, buat hospital?

**Tihibalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, teruskan sahajalah. Cerita lain pula.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

**Tuan Zubir bin Embong:** Minta penjelasan, boleh tok guru?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Berilah dulu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ada menyatakan bahawa kalau Kerajaan buat masjid dia sokong, tetapi di Terengganu beberapa buah masjid, surau yang didirikan oleh orang-orang PAS yang menjadikan sembahyang Jumaat sampai dua masjid pada satu mukim, yang mana hukumnya kalau mengikut Islam tidak sah. Apakah ini menunjukkan sokongnya yang diberikan oleh PAS ataupun pemimpin-pemimpin PAS dan saya takut hanya dalatn Dewan ini sahaja dia boleh mengucapkan perkataan-perkataan yang baik, tetapi di luarnya tidak sama, sebagaimana dengan ucapan yang lain. Mohon penjelasan daripada tok guru dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tanya masalah timbul sembahyang dua imam. Sebab kalau dia tahu, dia kena rujuk balik punca yang menimbulkan masalah. Satu benda tidak terjadi dengan begitu kalau tidak ada sebab. Dia kena cari sebab, jangan tanya begitu. Contoh, pernahkah kita dengar . . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sabar dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Biar dia jawab dahulu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Pernahkah kita dengar di zaman penjajah, zaman Jepun, zaman belum kita merdeka, orang yang sembahyang kena hukum, orang yang sembahyang naik Mahkamah, orang sembahyang kena penjara? Tidak pernah, dan dalam Islam pun kalau

orang sembahyang tidak ada apa-apa. Yang tidak boleh orang tidak sembahyang. Tetapi di zaman Kerajaan yang dia kata baik ini orang sembahyang kena hukum, orang tidak sembahyang tidak ada apa-apa. Inilah punca yang menimbulkan 2 surau. Dia tidak mahu kebenaran. Tidak payah soalan, saya tidak berilah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat, dia sudah tidak beri.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Pindaan . . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Main-main sahaja, dalam Dewan yang mulia ini main-main.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Undang-undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) yang kita bahas sekarang, saya anggap adalah reaksi Kementerian Dalam Negeri terhadap keputusan Mahkamah Tinggi mengenai kes rayuan ALIRAN untuk mendapat hak penerbitan dalam Bahasa Malaysia. Sepatutnya Rang Undang-undang ini tidak wajar dikemukakan dalam Dewan ini terutama rayuan Kementerian Dalam Negeri untuk membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi itu belum diselesaikan. Apa salahnya Dewan ini menanggunghkan dahulu perkara ini. Saya nampak dengan membentangkan Rang Undang-undang ini bererti bahawa mengganggu Mahkamah untuk membuat keputusan ataupun menyebabkan Mahkamah tidak lagi

boleh meneruskan urusannya atas rayuan Kementerian Dalam Negeri itu. Kerajaan menghendaki rakyat menghormati undang-undang, tetapi Kerajaan sendiri melalui Parlimen ini semacam juga tidak mempedulikan peraturan. Saya tidak mahu Parlimen ini nanti dituduh seperti "Tok pawang memecah timba".

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang ada sekarang sudah terlalu berat, seperti penjara seumur hidup. Mungkin tambahan 30 tahun penjara bagi orang yang menjalani penjara seumur hidup tidak memberi erti apa-apa. Ini tidak bererti kita boleh beratkan lagi masalah yang sudah berat. Sepatutnya kalau ada sebarang pindaan, pindaan itu biarlah untuk meringankan sesuatu yang sudah terlalu ketat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini pencetak tidak lagi bersedia untuk mengambil upah mencetak bahan-bahan yang mengandungi rencana, foto, lukisan dan sebagainya, kerana bimbang bahan-bahan itu boleh mendatangkan bahaya kepada mereka. Pencetak bersedia mengambil upah cetak terhadap bahan-bahan seperti akhbar, majalah dan sebagainya dan terpaksa pula mengadakan kakitangan khas yang ahli dalam perkara-perkara mengarang untuk membaca lebih dahulu segala yang hendak dicetak. Selain dari kerjanya remeh, ini menyebabkan kos cetak bertambah lagi. Kalau dalam, misalan, berita, selama ini ditunjukkan kepada mereka yang terlibat, dari Lidah Pengarang, maka sekarang sasaran bukan lagi kepada pengarang, penulis dan pemberita, pencetak juga akan menerima hukuman yang berat sama. Di antaranya, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak yang mudah bagi pencetak selepas Rang Undang-undang ini diluluskan ialah mencetak buku tulisan yang cuma ada garis, buku yang sudah diluluskan oleh Kerajaan, kad nama dan barang-barang yang

tidak membangunkan mental rakyat yang membaca. Dengan ini tidaklah lagi mungkin kita dapat melihat karya-karya seperti "The Malay Dilemma" seperti yang dikarang oleh Perdana Menteri kita dan lain-lain lagi.

Manifesto Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu menjamin kebebasan bersuara, dasar yang liberal mengenai penyiaran dan penerbitan. Manifesto itu lengkap dengan gambar penerbitan-penerbitan dalam negeri. Antaranya termasuklah "WATAN" dan "THE STAR". Manifesto itu juga menyebut tentang kebenciannya terhadap satu dasar yang mengongkong, menolak usaha, memaksa pihak yang hendak mengekalkan kemahuannya kepada pihak lain. Manifesto itu sendiri bercanggah dengan Akta yang sedia ada ini. Orang mengharap agar Rang Undang-undang (Pindaan) ini boleh mengeluarkan negara dari belenggu Akta itu, sesuai dengan jaminan dan semangat manifesto Barisan Nasional tadi. Sebaliknya manifesto itu bukan hendak dilaksanakan malah cengkamannya lebih teruk. "WATAN" dan "THE STAR" diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Tertinggi Barisan Nasional yang bertanggungjawab atas manifesto itu sewajarnya bersidang selepas ini untuk mengemukakan undi tidak percaya kepada Kerajaan yang ada kerana la jelas membawa Rang Undang-undang Pindaan ini yang menghinakan manifesto Barisan. Saya hendak tanya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang terdiri dari berbagai-bagai parti itu: ada maruahkah lagi Barisan Nasional yang menghina manifestonya sendiri?

Memadailah sekadar itu, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kangar,

5.48ptg.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad**

**(Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri sebagai Ahli Dewan yang mulia ini untuk menyatakan bagaimana terkejutnya fikiran saya terhadap beberapa pindaan yang dicadangkan. Saya percaya bahawa esok hari apabila perbahasan Rang Undang-undang ini disiarkan untuk pengetahuan umum, betapa terkejutnya juga fikiran rakyat jelata membacanya. Bukanlah niat saya untuk menggemparkan fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, tetapi hanya untuk mengingatkan bahawa sekarang ini sudah terdapat berbagai undang-undang di negara kita yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk mengawal semua bentuk penerbitan. Di antaranya ialah Kanun Keseksan, Akta Hasutan 1948, Akta fitnah 1957 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Mungkin jika disebut Akta Keselamatan Dalam Negeri banyak yang berasa terkejut, tetapi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 khususnya di bawah Seksyen 22 ada termaktub peraturan yang memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri seperti yang tersebut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"22. (1) Where it appears to the Minister charged with responsibility for printing presses and publications that any document or publication—

- (a) contains any incitement to Violence;
- (b) counsels disobedience to the law or to any lawful order;
- (c) is calculated or likely to lead to a breach of the peace, or to promote feelings of hostility

between different races or classes of the population; or

- (d) is prejudicial to the national interest, public order, or security of Malaysia,

he may by order published in the *Gazette* prohibit either absolutely or subject to such conditions as may be prescribed therein the printing publication, sale, issue, circulation or possession of such document or publication".

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang ada sekarang kuasa yang hampir serupa juga diberi kepada Menteri, di bawah Seksyen 7 yang berbunyi:

"(1) Jika Menteri berpuas hati bahawa apa-apa hasil penerbitan mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mengikut apa-apa jua cara memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, dia boleh menurut budi bicara mutlaknya melalui perintah yang disiarkan dalam Warta melarang, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, percetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil penerbitan itu".

Sekarang Seksyen 7 Akta ini yang saya baca ini dicadangkan untuk dipinda dengan memasukkan beberapa

perkataan seperti berikut iaitu perkataan:

" . . . . . atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai . . . . . ;

Dan dihujung seksyen tersebut perkataan:

" . . . . . dan hasil-hasil pengeluaran masa hadapan penerbit yang berkenaan".

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan perkataan-perkataan "yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai?" Saya khuatir perkataan-perkataan ini mempunyai maksud yang terlalu luas, dengan lain perkataan ia memberi kuasa yang terlalu luas kepada Menteri untuk melarang sebarang penerbitan semata-mata ianya mungkin menggemparkan fikiran orang ramai.

Skandal-skandal seperti Skandal BMF, Skandal Koperasi dan lain-lain yang telah disiarkan oleh surat-suratkhabar dan majalah-majalah di negara kita tempoh hari sudah tentu telah menggemparkan fikiran orang ramai. Fikiran orang ramai tergepar bukan hasil daripada perbuatan pemberita-pemberita atau penerbit-penerbit surat-suratkhabar dan majalah-majalah berkenaan. Fikiran orang ramai tergepar semata-mata kerana diberitahu tentang perbuatan segelintir individu yang telah mengakibatkan kerugian kepada rakyat dan negara. Bolehkah berita-berita skandal seperti ini dan lain-lain penyelewengan yang kemudian hari dianggap sebagai suatu perkara yang mungkin menggemparkan Fikiran orang ramai? Dan oleh itu Menteri boleh bertindak di bawah Seksyen 7 yang dipinda untuk melarang sebarang penerbitan berkenaan dengannya dan seterusnya metarang hasil-hasil pengeluaran masa hadapan penerbit yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, disebaliknya saya faham bahawa tujuan Kerajaan

memasukkan pindaan ini adalah semata-mata untuk menyekat penyiaran berita-berita yang tidak bertanggungjawab seperti yang tersiar dalam sebuah majalah luar negeri yang menuduh kononnya Perdana Menteri Malaysia adalah antara Perdana Menteri yang terkaya di dunia. Berita palsu seperti ini bukan sahaja menggemparkan fikiran orang ramai, bahkan menimbulkan kemarahan orang ramai terhadap majalah tersebut, tetapi dengan makna yang begitu luas dalam pindaan yang dicadangkan, saya khuatir ini akan mengkongkong kebebasan akhbar menyiarkan berita-berita yang benar seperti Skandal BMF, Skandal Koperasi yang semestinya menggemparkan fikiran orang ramai.

Saya takut kalau pemberita-pemberita kita juga akan berasa takut untuk membongkarkan berita-berita yang buruk yang berlaku di kalangan pihak pentadbir demi pengetahuan dan kepentingan orang ramai.

Saya membuat kenyataan ini kerana saya percaya bahawa kebongkaran berita yang benar akan lebih menggemparkan fikiran orang ramai daripada berita-berita yang sahaja diada-adakan.

Semenjak merdeka kita bangga dengan sistem demokrasi yang kita amalkan. Hasil daripada sistem demokrasi dan kebebasan yang diberi kepada akhbar kita telah berjaya mewujudkan suatu masyarakat yang bukan sahaja terpelajar, tetapi sedar akan perkembangan yang berlaku di sekeliling mereka.

Sekarang negara kita menghadapi berbagai masalah akibat kemelesetan ekonomi, Kerajaan kian berusaha untuk memulihkan keadaan ekonomi negara dengan berbagai rancangan. Kerajaan meminta bantuan rakyat untuk memberi keyakinan kepada usaha Kerajaan. Di samping itu, Kerajaan juga cuba untuk

menyakinkan pelabur-pelabur asing melabur di negara kita.

Boleh dikatakan tiap-tiap hari di dalam akhbar dan televisyen kita membaca dan mendengar tentang usaha-usaha Kerajaan ke arah ini. Di sebalik itu kita semua sedia maklum bahawa pemulihan ekonomi negara-negara jiran kita bertambah baik jika dibanding dengan pemulihan ekonomi negara kita, tetapi negara kita lebih kaya dengan sumber-sumber asli jika dibanding dengan negara-negara jiran.

Saya kawatir, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika diluluskan pindaan yang dicadangkan ini bukan sahaja keyakinan rakyat terhadap Kerajaan akan berkurangan, tetapi minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini akan lenyap begitu sahaja. Rakyat negara kita yang kini kaya dengan ilmu pengetahuan dan biasa dengan pendedahan berita-berita melalui akhbar-akhbar dan majalah-majalah akan berasa terasing. Yang lebih merbahaya sekali saya kawatir bahawa negara kita yang terkenal sebagai pegeluar utama kelapa sawit, bijih timah, getah dan lain-lain akan muncul sebagai pengeluar utama berita angin.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa Menteri juga diperluaskan dengan cadangan Seksyen 13A dan 13B baru kerana mengikut Seksyen 13A apa-apa keputusan Menteri untuk menolak atau membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah mutamad dan tidak boleh di persoalkan oleh mana-mana mahkamah dan di bawah 13B tiada seorang pun boleh diberi peluang untuk mendengar keputusan Menteri menolak, menggantung atau membatalkan lesen atau perमितnya. Ini nampak jelas sebagai satu usaha untuk mengurangkan kuasa mahkamah. Walaupun diperakui bahawa Parlimen berkuasa menggubal sesuatu undang-undang untuk mengurangkan kuasa

pihak mahkamah dalam perkara ini, saya kawatir kuasa yang diberi kepada Menteri akan juga mengurangkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan. Saya merayu agar pihak Kerajaan memikirkan semula tentang kemasukan Seksyen baru 13A dan 13B yang saya sebutkan tadi.

Akhir sekali saya ingin menyentuh Seksyen baru 8A. Di bawah pindaan ini adalah menjadi kesalahan jika dalam apa-apa penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar. Ia juga memperuntukkan bahawa hendaklah dianggap ada niat jahat sekiranya tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa sebelum penerbitan tertuduh telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentusahkan kebenaran berita itu.

Oleh itu seseorang pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berita mesti mempastikan bahawa sesuatu berita itu adalah benar 100% dan sekiranya berita tersebut hanya benar 80% ia boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen ini sekiranya ia tidak membuktikan bahawa langkah-langkah munasabah telah diambil untuk menentusahkan berita tersebut.

**Tuan Hashim Bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Yang Berhormat hendak apa. Penjelasan?

**Tuan Hashim bin Safin:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai niat jahat ini, biasanya kalau kita tidak Berniat jahat kita tidak risau, kita tidak takut tetapi yang takut biasanya orang yang niat jahat. Jadi apakah penjelasan oleh Yang Berhormat daripada Kangar dan yang kedua, apakah pendapat ini serupa semasa Yang Berhormat pernah menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri satu ketika dahulu?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, masalah niat jahat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu mungkin disalahtahamkan oleh Yang Berhormat sendiri. Apa yang saya bangkitkan di sini ialah tentang, dengan izin, the burden of proof. Dalam Seksyen baru 8A ini dimasukkan cadangan bahawa dianggap ada niat jahat jika seseorang itu tidak boleh menunjuk ataupun memberi keterangan yang menunjukkan bahawa dia sebelum menerbitkan sesuatu berita itu telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentusahkan berita itu.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ya.

**Tuan Zubir bin Embong:** Yang Berhormat daripada Kangar menyebut tentang anggapan yang ada di dalam Seksyen 8A. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kangar kerana beliau juga seorang peguam, apakah presumption atau anggapan, dan ini ialah presumption of fact—anggapan fakta—ini merupakan suatu perkara yang luar biasa kepada mana-mana 'undang-undang bertulis seperti yang terdapat di dalam Seksyen 8A ini.

Maka saya tidak nampak ia mendatangkan suatu miscarriage of justice ataupun ketidakadilan kepada orang yang dituduh kerana ia mesti membuktikan, mesti rebut presumption of fact itu. Apakah ini satu presumption yang luar biasa yang saya kira dalam undang-undang yang lain yang bertulis pun memang terdapat presumption yang seperti ini. Mohon penjelasan.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Memang benar tetapi apa yang saya maksudkan ialah Seksyen 8B, bukan 8A.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum terdapat di dalam undang-undang kita beberapa peraturan yang hampir serupa. Walau bagaimanapun jikalau Yang Berhormat sekalian dengar dahulu penjelasan saya, bolehlah Yang Berhormat memahami apa maksud dan tujuan saya menyebut tentang pindaan yang dicadangkan ini. Bukan saya hendak menyoal tentang kesahihan ataupun tidak sahnya pindaan yang dicadangkan ini. Apa yang saya hendak sebut di sini bahawa jika untuk membuktikan kesahihan berita tersebut walaupun ia hanya 80% betul sahaja terpaksa pemberita tersebut mendedahkan sumber-sumber berita yang didapati. Saya tidak nampak bagaimana seseorang pembehta akan mendedahkan sumber beritanya itu. Kalau begitu tidak ada orang yang akan berani membuka mulut mereka dan saya khuatir bahawa rakyat tidak akan mengetahui perkara-perkara yang patut diketahui oleh mereka.

Jika begitu rakyat tidak akan tahu mengenai penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain tindak tanduk pihak berkuasa atau pihak individu-individu yang tertentu yang menjejaskan usaha-usaha Kerajaan atau merugikan rakyat dan negara.

Itulah komen saya tentang Rang Undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kota Setar.

6.05 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan dengan pendapat-pendapat yang dikeluarkan oleh pihak parti Pembangkang yang menganggap bahawa Rang Undang-undang ini berciri Draconian. Sebenarnya istilah Draconian ini tidak kena pada tempatnya. Saya tidak tahu di mana Draconiannya peruntukan Undang-undang yang bertujuan untuk menjaga kestabilan negara yang mempunyai masyarakat majmuk.

Kita perlukan tindakan dan kuasa preventif supaya ancaman terhadap keharmonian dan keselesaan keseluruhan masyarakat tidak dibiarkan bermaharajalela. Apa gunanya negara ini mempunyai undang-undang percetakan yang terlalu liberal dan bebas hingga menjejaskan ketenteraman awam. Kalau kebebasan dibenarkan seluas-luasnya maka kemungkinan negara akan kucar-kacir oleh kerana banyak pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sedia menanggung di air keruh untuk kepentingan masing-masing.

Kita harus ingat bahawa negara kita ini selain menghadapi ancaman politik ekstrimis juga masih diancam oleh pihak komunis. Kalau pihak Kerajaan tidak berani menggubal undang-undang yang boleh mencegah hasutan-hasutan melalui percetakan maka bermaknalah Kerajaan tidak sanggup menghadapi kenyataan sebenar.

Saya berpendapat bahawa kesanggupan Kerajaan sekarang untuk meminda Akta Percetakan seperti pada hari ini adalah langkah yang realistik. Kita jangan lupa bahawa di negara ini telah berlaku detik-detik kekeliruan di kalangan masyarakat termasuk Peristiwa Mei 1969 dan juga keadaan ketegangan akhir-akhir ini iaitu dalam bulan Oktober yang lalu tanpa tindakan cepat daripada pihak Kerajaan kemungkinan keadaan yang lebih buruk akan berlaku tetapi langkah-langkah yang berani dan cepat oleh Kerajaan telah dapat meredakan

keadaan dan rakyat dapat hidup dalam tenteram tanpa apa-apa kekacauan. Jadinya saya tidak faham bagaimana pihak pembangkang tidak dapat memahami bahawa tujuan sebenar Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini ialah untuk menjaga ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan mengapa pihak Pembangkang sentiasa membuat rujukan kepada majalah-majalah dan siaran asing untuk menyokong hujah-hujah mereka. Saya tidak ingin mengkritik sangat berita-berita dan akhbar-akhbar luar negeri tetapi siapakah yang lebih faham tentang keadaan sebenar di dalam negara ini melainkan rakyat Malaysia sendiri. Jadinya apakah rujukan dan petikan berita dan rencana dari luar negeri ini lebih tepat daripada pengetahuan sebahagian besar rakyat dalam negeri. Saya juga ingin menarik perhatian pihak Pembangkang bahawa pihak pemberita dan akhbar-akhbar luar negeri juga mempunyai kepentingan sendiri baik dari segi akhbar-akhbar mereka mahu pun kepentingan-kepentingan negara masing-masing. Contohnya di dekad-dekad yang lalu pemberita-pemberita Amerika Syarikat sentiasa mengutuk negara-negara komunis terutamanya Republik Rakyat China (RRC) tetapi apabila pihak Amerika Syarikat telah berubah sikap dan ingin berbaik-baik semula dengan RRC maka pemberita-pemberita Amerika Syarikat telah mula memuji-muji RRC dan pemimpin-pemimpinnya yang di suatu masa dahulu dianggap bukan sahaja dictatorial tetapi juga paling Draconian. Oleh itu, saya agak tidak sesuai bagi pihak Pembangkang menggunakan rujukan pemberita atau berita-berita asing dalam hujah-hujah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak faham bagaimana pihak Pembangkang tidak setuju dengan langkah-langkah bagi menjaga

ketenteraman awam. Kalau pihak Pembangkang tidak berniat menyebarkan berita-berita dan tulisan-tulisan yang boleh menghasut segolongan rakyat, maka mereka tidak akan didakwa atau disabitkan di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan ini. Kalau mereka berniat berbuat demikian, maka mereka haruslah menghadapi akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak setuju dengan Yang Berhormat dari Kangar yang mengatakan seolah-olah Rang Undang-undang meminda Mesin Cetak dan Penerbitan ini tidak perlu, kononnya peruntukan undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi. Saya berpendapat bahawa undang-undang perlu dikemaskini dan diselaraskan dari semasa ke semasa bagi menjaga ketenteraman awam.

Sekiaasahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seputeh.

6.11 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa jika Rang Undang-undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 diluluskan, maka seksyen-seksyen seperti 13A, 8A(1), 8A(2) dan 8c(1) akan menjejaskan kebebasan bersuratkhbaran dan kebebasan bersuara. Di bawah pindaan tersebut, Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa yang mutlak untuk menentukan nasib sesebuah penerbitan. Ini amat bahaya apabila seseorang Menteri berprasangka terhadap mana-mana penerbitan.

Seksyen 13B telah membayangkan betapa kerasnya pindaan Akat Mesin Cetak dan Penerbitan 1987 sehingga menjadi kejam dan tidak bertimbang rasa semua sekali. Oleh kerana

kerasnya pindaan Akta ini, maka saya ingin bertanya adakah Kerajaan kita berharap bahawa rakyatnya hidup dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Siapa lagi yang berani mengeluarkan ketidakpuashatian terhadap dasar-dasar Kerajaan demi kepentingan negara. Jika Kerajaan tidak lagi mempertahankan kebebasan wartawan, siapa lagi ingin berbuat demikian? Setelah Rang Undang-undang ini diluluskan, jawatan jawatan wartawan dan jawatan-jawatan yang melibatkan penerbitan dan percetakan merupakan jawatan yang penuh risiko, penuh kebimbangan dan kesengsaraan kerana jika mereka terus berpegang kepada kebenaran, mereka mungkin akan dituduh oleh Kerajaan dan mereka akan kehilangan keyakinan kepada kebenaran. Adakah Kerajaan berniat menjadikan semua penerbitan termasuk akhbar sebagai alat bersuara bagi Kerajaan sahaja dan hasrat rakyat sama sekali diketepikan. Adakah Kerajaan gembira melihat semua rakyatnya menjadi pakturut sahaja, pada hal mereka mempunyai idea-idea yang membina.

Di sini saya ingin, Tuan Yang di-Pertua, menterjemahkan satu pepatah bahasa Mandarin, iaitu:

"Nasihat yang baik menyakitkan telinga, tetapi berfaedah".

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sesungguhnya berharap Kerajaan akan menarik balik pindaan-pindaan sepertimana yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Arau.

6.16 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya sama-sama membahaskan usul ini.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana telah mengemukakan Rang Undang-undang ini yang saya kira tepat pada masanya. Cuma yang saya kesal satu sahaja kerana Rang Undang-undang ini sepatutnya telah lama diperkenalkan dan diperbincangkan di Parlimen. Saya akan menggunakan bahasa yang halus dan rendah dan saya akan memberi teguran berdasarkan kepada sikap saya sebagai Wakil Rakyat dan saya tak kira pemberita hendak tulis atau tak tulis, dia punya fasal, tetapi saya akan menyampaikan pendapat ikhlas saya.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya hendak tanya kepada pihak-pihak yang menentang usul ini, termasuk pemberita. Saya rasa di hati pemberita itu banyak yang dia tak setuju. Kalau sekiranya negara ini terjadi cetusan pergaduhan perkauman, saya rasa mereka juga tidak akan berada di sana, akhbar-akhbar juga tidak akan ada seperti sekarang. Kita harus ingat bahawa gara-gara dan juga nada-nada perkauman telah wujud baru-baru ini yang kalau sekiranya Perdana Menteri tidak mengambil tindakan tegas, saya percaya akan berlaku, walaupun tidak banyak — sedikit, tetapi akan berlaku cetusan pergaduhan kaum. Ini di antara lain oleh kerana pihak Kerajaan sudah lama membiarkan perkara ini berlalu dan saya kesal kenapa perkara ini dari dahulu lagi tidak diambil tindakan. Dan saya kesal pihak-pihak yang memberi contoh negara Barat. Wartawan kita ini, maaf bercakap, saya pun pernah menulis tetapi majalah sekolah sahaja, wartawan kita ini kalau dia pergi US, dia ke arah aliran sana, kalau dia pergi Singapura ataupun ke negeri-negeri yang ke arah tersebut, kenapa dia berfikiran ke arah negeri yang berkenaan? Mereka harus ingat bahawa akhbar-akhbar di Amerika juga tidak bebas, siapa yang kawal akhbar-akhbar di Amerika? Mengapa Presiden Ronald Reagan

semasa pertandingan di peringkat awal dahulu dia sudah hampir menghadapi kekalahan oleh kerana tidak memberi sokongan kepada orang Yahudi, tetapi dia telah membawa Presiden Israel ke Amerika dan akhirnya undinya naik, jadi siapa yang kontrol akhbar sekarang? Walaupun dia tidak ada Akta Mesin Cetak ini, tetapi orang yang mengawal akhbar itu lebih teruk, lebih kasar, lebih ganas daripada Akta Mesin Cetak yang kita akan perkenalkan.

Saya ingin memberi pendapat yang ikhlas ini bahawa cadangan yang telah di bawa oleh Kerajaan ini saya rasa bukan untuk hendak menyekat kebebasan akhbar, tetapi hendak mengelakkan daripada perkara-perkara yang ditulis itu boleh membangkitkan isu-isu yang boleh merosakkan negara. Kita hendak capak fasal Amerika, fasal England fasal apa? Termasuk Wakil dari Bandar Kuching telah menyebutkan tadi asas pembangunan negara — kepala otak dia. Asas pembangunan negara Malaysia ini kita tengok macam mana, maaf saya terlebih sedikit, tetapi .....

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud:** Yang Berhormat .....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sedikit lagi, saya akan benarkan bangun. Memang saya hendak beri you bangun pun, sekejap lagi, I am sorry.

Negara Malaysia ini masyarakat majmuk, tak payah kita ulang lagi sekali. Kalau sekiranya benarkan semua pihak menyuarakan pendapat mereka, DAP dengan pendapat mereka, orang Melayu dengan pendapat mereka, orang-orang Tionghua dengan pendapat mereka, apa akan jadi kepada negara ini? Kita mesti mempunyai satu undang-undang yang khusus yang boleh merangkumi

mengawal supaya kita bercakap berlandasan. Cuba lihat di Parlimen ini, Dewan yang mulia ini kita gunakan kesempatan untuk bercakap sarnpai boleh menyakit-nyakit hati sesama kita. Perkataan yang sama kalau sekiranya kita cakap di luar, seperti yang dicakap oleh kawan kita yang tidak berada di sini yang pernah dikatakan kepada kami, kalau kita bercakap di luar apa akan terjadi? Akan berlaku percetusan, akan berlaku pergaduhan kaum.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat. ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Mungkin Wakil dari Bandar Kuching sudah tak ada di sini kalau sekiranya berlaku pergaduhan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun, Yang Berhormat, hendak apa?

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Terima kasih. Saya tidak mahu menggunakan Tertib Mesyuarat, tetapi saya mendengar perkataan "kepala otak" digunakan kepada saya. Saya sangat marah, tetapi kerana Ahli Yang Berhormat dari Arau masih sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini, saya minta beliau tarik balik. Itu sahaja.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Perkataan apa itu, saya lupa tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila duduk dulu. Saya juga mendengar perkataan "kepala otak" digunakan tadi. Saya rasa perkataan itu unparliamentary dan saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tarik balik, tetapi saya hendak beri tahu Tuan Pengerusi. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak apalah Yang Berhormat, tarik balik cukup dan teruskan ucapan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tetapi saya hendak teruskan. Kalau kita pergi ke Melaka, dia kata "celaka" makna celaka itu "celaka engkau", dia sayang dengan kita. Kalau datang ke Perlis, saya cakap bahasa yang sama. Maknanya saya sayang kepada sahabat saya kerana dalam Public Accounts Committee pun kami bersama-sama, bukan sahaja dalam Dewan yang mulia ini, beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) bersama-sama dengan saya dan saya kawan baik dengan beliau. Saya tidak pernah berniat untuk menyakiti dengan perkataan-perkataan yang menyentuh peribadi, tetapi kita berdialog, berbahas sekarang berdasarkan kepada fahaman politik yang berbeza. Itu sahaja. Jadi jangan ambil hati, kita boleh minum selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang bercakap fasal pelaburan, dia kata kalau sekiranya ada Akta ini, Fasal 9 terutamanya dengan pindaan di bawah Fasal 13A, pelabur-pelabur tak berani masuk, saya rasa orang yang bercakap itu pun hanya bercakap bagi pendapat sahajalah, tetapi krisis yang berlaku baru-baru ini di mana orang bebas bercakap, akhbar *The Star* pula menyebarkan berita-berita yang berbau perkauman termasuk *Watan* yang telah ditutup, saya rasa pelabur lebih takut; tanya Presiden MCA, kalau tak percaya, ataupun GERAKAN, pelabur lebih takut hendak datang. Tetapi apabila berlaku sahaja tangkapan, berlaku sahaja tindakan tegas daripada pihak Kerajaan kita, apa terjadi? Syer kita melambung tinggi dan semalam baru

saya berjumpa dengan pelabur, dia kata fasal apa Kerajaan tak ambil tindakan 6 tahun dahulu.

Apakah kita ingat pelabur-pelabur yang hendak datang ke Malaysia ini hendak membaca berita-berita perkauman? Dia tidak ada minat langsung hendak membahaskan berita-berita itu. Apa yang dia berminat bahawa mereka ingin laburkan itu kerajaan yang kuat, kerajaan yang kukuh, kerajaan yang tidak boleh dimainkan oleh mana-mana pihak. Ini PAS pun boleh main, DAP pun boleh main, bagaimanakah Kerajaan kita hendak bertindak dengan tegas?

Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong dan saya rasa kesal kepada sahabat-sahabat saya yang bercakap fasal pelaburan dan bermacam-macam, saya ingat mereka balikkah baca buku sedikit, tengok sejarah dan baca sejarah sedikit, sebab anak-anak kita sudah besar-besar, minat dia buku sejarah dan baca bagaimanakah Malaysia ini dibina. Lihat, mestilah ikhlas nawaitunya seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mengatakan, mesti ikhlas sebelum kita bercakap dan Kerajaan kita buat itu bukan hendak tutup mulut sesiapa tetapi hendak pastikan keamanan negara ini.

Kalau sekiranya Kerajaan tidak memperkenalkan kuasa Menteri, saya rasa saya pun hendak bebas bercakap. Saya juga ingin mengkritik. Akhirnya kita bergaduh, kalau kita bergaduh, kalau akhbar-akhbar boleh bercerita fasal pergaduhan kita, adakah pelabur senang masuk? Buktikan kenyataan bahawasanya kalau kita bergaduh pelabur boleh masuk.

Saya rasa semasa kita mengadakan MAGERAN dahulu, lebih banyak pelabur masuk daripada zaman kebebasan yang kita beri dalam dua-tiga tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, dalam Akta ini, tadi ada rakan saya daripada Perlis

membahasnya" jadi 50-50lah, dia bagi pendapat dia, cuma saya hendak sebut di sini walaupun kita telah ada Akta yang lama, tetapi di sini kita tambah. Saya rasa tujuan di bawah Seksyen 13A, "Apa-apa keputusan Menteri untuk menolak daripada memberikan atau untuk membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah. . . ." Ini tambahan kuasa yang penting, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa yang lepas, kita beri kuasa Menteri adalah kuasa muktamad tetapi kuasa Menteri di sini bukan sahaja muktamad tetapi tidak boleh dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kuasa Menteri ini, walaupun dalam bacaan disebutkan kuasa Menteri, tetapi Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa Menteri itu bukan seorang di Kementerian yang berkenaan, dia mempunyai pegawai daripada atas ke bawah yang sentiasa bertugas, Menteri boleh datang dan pergi, yang penting institusi Kementerian dan juga Akta ini harus diteruskan untuk menjamin keamanan.

Kita jangan ingat bahawa kalau sekiranya Menteri itu ada Menteri berkenaan akan berleluasa dengan Akta yang berkenaan, dia tidak bertindak sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah bertindak di atas landasan-landasan yang telah ditentukan.

Berhubung dengan perkara ini, saya juga bersetuju dengan Kerajaan kalau sekiranya kuasa Menteri ini dibincang di mahkamah, saya rasa Kerajaan ini akan menjadi gila, sasau dan oleh kerana Kerajaan gila dan sasau, ke mana kita hendak hantar Kerajaan? Contohnya, kalau sekiranya mahkamah boleh pertikaikan, ini contoh keputusan, saya maksudkan, contohnya Tender Board, kalau

mahkamah boleh pertikaikan yang terendah mesti diberi, kita ada berapa juta projek kelas F \$10,000. Projek Ahli Parlimen umpamanya \$10,000, yang orang akan pergi minta keputusan di Mahkamah, berkemampuankah kita untuk tujuan tersebut. Bukan itu sahaja, semua orang boleh pergi ke mahkamah.

Jadi, sekarang ini kalau tadi DAP tuduh kita akan menjadi Negara Polis, sekarang kalau sekiranya kita ikut cara kehendak mereka kita akan menjadi Negara Mahkamah. Mahkamah yang diadili oleh manusia seperti rakan saya sebutkan tadi. Juga kadangkala untuk memuaskan hati, ini pengadil bola, untuk memuaskan hati dia bertindak mengikut apa yang dia putuskan, lebih-lebih lagi untuk tujuan ini, saya terpaksa sebut di sini hakim-hakim tak boleh dipertikaikan kecuali Parlimen ini membuat cadangan supaya diadakan, mungkin Tribunal Khas untuk membincangkan kedudukan hakim-hakim. Tetapi kita tak benarkan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita menghormati bahawa hakim-hakim adalah orang yang tertinggi

Saya sebutkan baru-baru ini hakim yang kita hormati, orang yang membuat keputusan dari segi undang-undang. Saya cadangkan kepada Timbalan Menteri ini, kita adakan kelab, Kerajaan buat kelab, kita akan cadangkan di dalam Parlimen ini, buatkan kelab untuk hakim-hakim supaya mereka jangan campur dengan lawyer-lawyer, peguam-peguam itu kadang-kadang mencari kesempatan untuk dalam masa kita minum-minum, untuk menyusupkan pemikiran-pemikiran yang tidak sesuai dengan kehendak rakyat. Kita mahu jadikan hakim-hakim seperti tempat negara mereka dilatih iaitu mereka menjaga kehormatan mereka, mereka tidak campur dengan perkara-perkara yang boleh memburukkan keadaan dan mereka menjatuhkan hukuman dengan seadil-adilnya.

Dalam keadaan ini, kalau sekiranya kita tahu bahawa setengah orang dia sudah tahu hakim ini mesti bagi jatuh hukuman bagi saya kalah. Jadi kalau orang yang pergi berbicara tahu tentang keadaan apakah hukuman yang hendak dijatuhkan, lingkup kita, malu kita, di mana kita hendak simpan maruah kita. Kita perlu menjaga maruah hakim-hakim dan saya cadangkan supaya pihak Kerajaan bagi apa sahaja peruntukan untuk menjamin hakim-hakim ini sentiasa mulia kedudukannya, mulia seperti Dewan ini, tetapi setengah hakim mungkin sudah sampai ke peringkat dia pun hendak menjadi ahli politik, berhenti, masuk DAP boleh, masuk Barisan Nasional boleh, kalau diterima, dan kita berlawan dengan secara politik. Saya tak holeh jadi hakim, kalau saya jadi hakim, saya tak cakap macam ini dan saya akan jaga maruah dan kedudukan saya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sampailah masa supaya apa yang telah diputuskan di Parlimen ini dihormati oleh hakim-hakim, dihormati oleh mahkamah, supaya kita ini dipilih oleh rakyat, hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, kita dilantik. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat tak boleh sebutkan perkara seperti itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak boleh sebutkan perkara seperti itu kerana Ahli Yang Berhormat mempertikaikan kelakuan hakim-hakim. Saya harap Yang Berhormat masuk kepada perkara yang lain.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Di bawah seksyen berapa? Tuan Yang di-Pertua, peraturan mana?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Peraturan Mesyuarat 36 (8). Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat dan Yang Berhormat tidak perlu mempertikaikan. Yang Berhormat dari Arau, sudah habiskah?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh teruskanlah. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh teruskan. Saya ingat kawan-kawan saya hendak ganggu saya. Kalau ganggu saya beri peluanglah. (*Ketawa*) Saya minta maaf dengan nada rendah, saya mintalah kawan-kawan saya kalau Yang Berhormat semua ingin perpaduan termasuk DAP inilah jalannya, inilah caranya. Kalau sekiranya, sebab ini kita ada Parlimen, kita boleh bincang dari masa ke semasa. Kalau sekiranya kita tidak puas hati di bawah Akta ini telah disalahgunakan atau wartawan-wartawan telah di anak-tirikan, kita boleh bincang dalam Partimen dalam bulan Mac nanti. Kita boleh bincang dari masa ke semasa. Tetapi inilah jalan keluar yang paling selamat, yang terdekat yang Kerajaan terpaksa kemukakan Akta ini dan saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua bahawa kami sendiri terkejut bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengemukakan Akta ini pada hari ini. Semua orang tidak bersedia. Saya tidak bersedia, tetapi DAP sudah bersedia. Dan semua orang bebas memberi pendapat. Jadi ini menunjukkan bahawa Kerajaan begitu adil. Dia tidak maklumkan kepada penyokong-penyokong Kerajaan tentang Akta ini hendak dibawa pada hari ini. Ini menunjukkan Kerajaan memberi peluang sebeb-bebasnya kepada Ahli-ahli Parlimen

untuk menyampaikan pendapat dan pandangan mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang terakhir saya hendak sebut fasal demokrasi. Demokrasi ini senanglah sebut. Mulut boleh menyebut. Kadang-kadang demokrasi pun tidak ada di rumah, fikirlah, jadi kalau kita hendak bercakap, biarlah kita fikir betul-betul. Kita mesti faham apa dia demokrasi. Di rumah sendiri pun tidak ada demokrasi kadang-kadang. Di kalangan anak-anak kita pun kita tidak demokratik. Jadi kalau hendak cakap fasal demokrasi fikir betul-betul. Ini pula demokrasi berhubung dengan negara. Demokrasi cara mana? Adakah kita hendak amal demokrasi cara Amerika yang telah pun merdeka beratus tahun dulu ataupun kita hendak amal demokrasi cara Singapura ataupun demokrasi secara Republik Rakyat China Demokrasi mana yang kita hendak.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Kita tidak faham sebab demokrasi ini kita mesti ada asas negara yang berkenaan. Kalau sekiranya tekanan cara umum itu kita tidak faham yang mana satu. Demokrasi cara Russia; Russia pun negara yang demokratik. Tetapi ini demokrasi cara Malaysia. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak selamat, tetapi kalau kita hendak bergaduh, kita beri lingkup negara ini supaya negara ini boleh diperintah oleh orang-orang yang bebas bercakap. Soal sekarang adakah kita hendak fikirkan soal kebebasan bercakap ataupun kita hendak fikir soal ekonomi, soal pengangguran, soal pegawai-pegawai Kerajaan minta gaji lebih, soal pencen, itu yang patut diketengahkan.

Saya rasa wartawan-wartawan kita patut kita hantar berkursus untuk memberi perhatian sekarang ini kepada soal-soal yang menjadi masalah negara sekarang.

Pengangguran mahasiswa 35,000 orang tidak mendapat kerja; tahun depan jadi 47,000 orang. Ini yang patut difikirkan dan ini patut ditulis supaya cari jalan-jalan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan. Tetapi bukan dengan cara itu kritik, melagakan kaum-kaum di negara ini yang mana dengan itu kita boleh melariskan akhbar-akhbar. Itu bukan caranya. Dan saya minta maaf, terpaksa membuat kritik ini. Kerana inilah yang saya rasa yang paling tepat, yang paling kena pada tempatnya untuk Kerajaan memperkenalkan Akta ini bagi menjamin keselamatan semua pihak;

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh fasal komen yang diberikan oleh DAP. Saya kesal, saya menganggap bahawa DAP akan memberi komen yang panjang, yang secara orang kata, sistematiklah, Tetapi saya lihat dia bangun dan menceritakan bahawa Akta ini buruk, Kerajaan diktator dan sebagainya, tidak memberi alasan-alasan yang munasabah yang membolehkan kami menyokong cadangan mereka.

Jadi, sekarang ini oieh kerana mereka telah memberi pandangan-pandangan, oleh kerana mungkin tidak ramai orang-orang mereka yang boleh memikirkan perkara ini jadi kami tidak dapatlah menyokong cadangan mereka dan kita terpaksa untuk menyokong usul Kerajaan untuk menjamin supaya apa-apa berita yang hendak dikeluarkan itu biarlah ke arah pembangunan, bukan ke arah untuk mencetuskan pergaduhan. Saya dengan ini menyokong Akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Simunjan. Tiga orang lagi, ya.

6.36 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Pengerusi, mula-mula saya tidak bercadang hendak

mengambil bahagian tetapi ingin juga hendak mengambil pandangan mengenai Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini yang sedang dibincangkan dan dibentangkan di mesyuarat ini.

Ramai yang telah bercakap dan banyak perkara yang telah disentuhkan. Tetapi bagi saya memang sudah pasti lantaran Dewan ini terdiri daripada begitu ramai ahli-ahli Kerajaan sudah tentulah saya rasa ianya akan diluluskan.

Saya sendiri berpengalaman sebagai Wakil Rakyat dalam Kerajaan dan juga sebagai Wakil Rakyat di bahagian bebas yang hampir pembangkang, dan telah juga didedahkan oleh pemberita-pemberita dengan berbagai-bagai laporan mengenai diri saya. Semasa saya dalam Kerajaan, akhbar-akhbar yang miripnya kepada Kerajaan melaporkan perkara yang baik mengenai saya, sedangkan akhbar-akhbar yang tidak mirip kepada Kerajaan melaporkan perkara yang kurang manis terhadap diri saya.

Sementara saya kini berada bukan dalam golongan Kerajaan terutama sekali di peringkat negeri terdapat akhbar-akhbar yang miripnya kepada parti yang memerintah di peringkat negeri selalunya tidak menulis mengenai perkara yang baik terhadap saya. Jadi, pengalaman ini ialah satu pengalaman yang saya anggap penting untuk membincangkan Akta dan pindaan Akta yang diKemukakan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi bahawa sudah pasti Akta ini dan pindaan ini akan diluluskan. Macam mana saya hendak katakan pun memang akan diluluskan. Apa yang kata Pembangkang DAP pun saya rasa akan lulus. Tetapi yang saya ingin pertekankan dalam ucapan saya ialah dalam usaha pihak Kerajaan nanti akan melaksanakan apa yang akan diluluskan hendaklah dilaksanakan dengan adil dan saksama

selaras dengan semangat Akta yang dipinda ini supaya keadilan itu benar-benar akan dapat menjamin kesejahteraan rakyat.

Kita tidak mahulah hukuman hanya dikenakan kepada mana-mana akhbar yang dianggap tidak mirip kepada nada pihak Kerajaan tetapi hukuman hanya diberi kepada orang atau akhbar atau pemberita-pemberita yang tidak mirip kepada Kerajaan. Tetapi yang bermirip kepada Kerajaan tindakan kejam tidak pernah kita lakukan.

Kita hendaklah sama adil, rata-rata sama, supaya ketenteraman itu dapat diteruskan supaya perpecahan rakyat di negara kita ini akan terus terjamin supaya negara kita ini akan terus menjadi negara yang stabil, supaya pelabur-pelabur asing akan tertarik untuk melabur di negara kita dan supaya keadaan ekonomi, politik dan sebagainya di negara kita akan juga terus stabil dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, memang ramai yang mempersoalkan, khususnya seksyen baru 13A, keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan. Walaupun begini rupa bentuk apa yang ada dalam Akta ini tetapi kalau sekiranya keadilan itu akan menjadi satu asas untuk Yang Berhormat Menteri melaksanakan undang-undang dan Akta, insya Allah, seluruhnya akan berpuas hati. Bukan hanya pihak Kerajaan, tetapi Pembangkang pun, insya Allah, akan merasai puas hati dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah tercetus perasaan daripada sesiapa sahaja yang melihat Rang Undang-undang ini bahawa sekiranya kuasa Menteri itu muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di Mahkamah, maka sistem demokrasi itu terjejas yang kita amalkan iaitu, dengan izin, "the separation of powers is being

jeopardised". Kita menerima hakikat bahawa dalam sistem kita, kita ada the Legislature, dengan izin, the Executive, the Judiciary. Jadi, sekiranya apa yang kita hendak luluskan mengandungi 13A ini akan terus kita laksanakan, maka kita hanya mengambil kira the Executive dengan the Legislature dan melupakan the Judiciary.

Saya bersetuju sedikit dengan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Arau. Terpulanglah kepada Menteri yang bertanggungjawab dan terpulanglah kepada rakyat ataupun sesiapa sahaja yang ada hubungan-kait dengan pelaksanaan Akta ini nanti setelah ia dipinda sama ada dia itu Menteri, Wakil Rakyat, pemberita ataupun sesiapa sahaja. Ketenteraman dan kestabilan haruslah menjadi asas perjuangan tiap-tiap seorang daripada kita. Kalau kita seorang pemimpin dan kita fikir bahawa disebabkan kita perpecahan berlaku, apa salahnya kita berhenti. Dan kalau rakyat yang salah, kita terangkan kepada rakyat yang rakyat perlu berhenti, kita teruskan perjuangan kita. Dan kalau asasnya ini, maka saya rasa sesiapa sahaja yang memegang mana teraju Kerajaan menjadi kepimpinan di peringkat Kementeriannya, di mana bahagian ataupun agensi, tidak hanya harus mempersalahkan orang lain, tetapi harus juga melihat akan apa yang diperlakukan oleh dirinya dan boleh menyoal dirinya apakah disebabkan aku ini yang dipilih menjadi pemimpin, perpecahan berlaku ataupun disebabkan rakyat perpecahan berlaku ataupun segolongan manusia ini. Dan dengan itu, saya rasa kesedaran yang ada pada kita, kita akan dapat menjamin kesejahteraan, kestabilan di seluruh negara kita. Dan seterusnya akan dapat membangkitkan hasrat daripada mana-mana pihak termasuk pelabur daripada luar negeri untuk melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dari segi pelaksanaan nanti, saya percaya pihak Eksekutif yang terdiri daripada Yang Berhormat Menteri akan melaksanakan Akta ini dengan adil dan saksama. Janganlah hendaknya dalam usaha untuk melaksanakan Akta ini nanti, kita menggunakannya sebagai alat untuk menekan mana-mana pihak. Hasrat kita ialah untuk menggunakan, mengutilisasikan Akta ini untuk kesejahteraan dan keadilan rakyat Malaysia keseluruhannya dan kestabilan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan daripada saya dan harapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam.

6.45 ptg.

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan yang dibentangkan oleh Kerajaan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, pada awal 1980an, pemberita-pemberita suratkhbar, magazines sama ada di dalam dan di luar negeri telah memberi pujian yang begitu tinggi sekali kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pujian-pujian tersebut diberikan kerana Perdana Menteri kita mempunyai suatu sikap yang begitu liberal sekali. Kalau dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin negara kita sejak merdeka dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah enam tahun Kerajaan Barisan Nasional telah bersikap liberal. Bukan sahaja penulis-penulis bebas menulis apa sahaja yang hendak ditulis, bahkan banyak permit-permit akhbar, permit magazine telah diluluskan kepada

mereka yang memohon. Tetapi malang seribu kali malang, sejak liberalism yang diberikan oleh Dr. Mahathir kepada mereka itu nampaknya penulis-penulis khasnya melalui akhbar dan magazines telah menyalahgunakan kebebasan tersebut, sehinggakan negara ini seolah-olah menjadi satu tempat yang tidak boleh didiami oleh masyarakat ataupun rakyat lagi. Sebab itulah kita lihat ramai rakyat kita yang telah lari keluar daripada negara kita ini. Pelabur-pelabur takut melabur ke negara kita ini. Ini semua berlaku kerana sikap akhbar-akhbar dan magazines yang tidak bertanggungjawab selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pepatah mengatakan pena itu lebih tajam lagi daripada hujung pedang. Kerana melalui penulisanlah maka hampir-hampir negara ini hancur sekali lagi. Kita melihat suatu keadaan huru-hara ataupun purak-puranda yang hampir-hampir berlaku di kalangan rakyat di negara kita ini. Masyarakat orang-orang Cina dilaga-lagakan dengan orang Melayu dan India dan sebagainya. Pelabur-pelabur ditakut-takutkan untuk melabur ke negara kita ini. Maka timbullah masalah-masalah yang lain seperti masalah pengangguran sebagai contoh, masalah ekonomi dan sebagainya.

Hari ini saya percaya tuduhan-tuduhan akan dilemparkan kepada Kerajaan sama ada oleh akhbar-akhbar, magazines dalam negara kita ataupun di luar negara kita yang akan menuduh bahawa tidak ada lagi demokrasi di dalam negara kita ini seperti apa yang pernah berlaku, apabila Kerajaan memperkenalkan ISA (Internal Security Act), dengan izin, ataupun OSA (Official Secrets Act), mereka menulis, dengan izin, "democracy is dead in Malaysia", demokrasi telah mati dalam negara ini. Kepada saya, biar apa pun tuduhan yang dilemparkan kepada

kita, kerana kita sahajalah yang tahu apa yang perlu dilakukan di negara kita ini untuk menentukan semua rakyat di negara ini hidup aman damai. Saya merasa hairan mengapakah akhbar-akhbar ataupun magazines tidak berani membuat teguran yang berleluasa kepada sebuah Kerajaan yang berjiran dengan kita, sebagai contoh Singapura.

Di Singapura, kita semua faham kalau akhbar-akhbar, penulis-penulis menimbulkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan suasana yang tidak disukai oleh rakyat di sana, maka jawabnya tindakan-tindakan tegas akan diambil. Tetapi hari ini apa yang kita lihat, sebagai contoh, seorang penulis *Asian Wall Street Journal*, kita mempunyai undang-undang negara kita ini bahawa Menteri berkuasa untuk menolak ataupun membatalkan permit seseorang pekerja di sini, tetapi mereka menggunakan mahkamah untuk melepaskan diri. Siapakah yang berkuasa di dalam negara kita ini, adakah Parlimen yang mana kita di sini memutuskan undang-undang ataupun mahkamah yang mana kita membayar gajinya?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan Akta ini, saya ingin secara terus-terang membuat teguran khas kepada *Far Eastern Economic Review* dan *Asiaweek* yang nampaknya terus-terang membuat berbagai-bagai laporan yang memberi gambaran yang tidak begitu menyenangkan kepada kita. Di dalam hal ini saya merasa hairan mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka ini. Di Singapura, kita tahu, kita baca apabila *Far Eastern Economic Review* dan *Asiaweek* membuat laporan-laporan yang bertentangan dengan hasrat Kerajaan pimpinan Singapura. circulationnya dipotong ataupun dikurangkan begitu banyak dan saya

berharap selepas sahaja Undang-undang ini diluluskan, Akta ini diluluskan, Kerajaan akan bertindak lebih tegas daripada apa yang dilakukan oleh Singapura itu.

Kita faham bahawa dengan terlaksananya Undang-undang ini kelak, bahawa ramai orang akan membuat tuduhan, akan mengatakan bahawa penulis-penulis akhbar-akhbar dan magazines tidak lagi berhak atau tidak lagi berupaya untuk menyuarakan perkara-perkara yang perlu ditegur. Saya rasa itu bukan niat Kerajaan. Saya rasa Kerajaan akan terus memberi kebebasan kepada penulis-penulis untuk menyuarakan, untuk memberi kritikan dan sebagainya, tetapi biarlah kritikan itu constructive criticism dan bukannya destructive criticism, dengan izin. Biarlah kritikan itu kritikan yang membina, bukan kritikan yang boleh menjahanamkan sistem demokrasi yang ada hari ini.

Saya berharap bahawa semua pihak, khasnya mereka yang bertanggungjawab di akhbar-akhbar dan magazines, majalah-majalah dan sebagainya akan sama-sama menentukan bahawa demokrasi negara kita ini terus wujud hingga akhir zaman, kalau sekiranya mereka mahu lihat bahawa akhbar-akhbar mereka, pekerjaan mereka dan sebagainya akan boleh dijamin terus selagi Kerajaan membenarkan mereka bertindak sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kepada mereka yang bencikan Kerajaan, apapun yang dilakukan oleh Kerajaan walaupun untuk kebaikan, akan terus dibenci oleh mereka. Oleh itu, saya berharap Kerajaan akan meneruskan segala apa tindakan untuk menentukan supaya rakyat di negara kita ini akan hidup dengan harmoni dan tidak lagi wujud pergaduhan di antara kaum sepertimana yang berlaku pada tahun

1969 dahulu. Saya berharap juga keadaan ataupun suasana huru-hara yang hampir-hampir berlaku pada menjelang 1 November yang lepas tidak akan wujud lagi. Saya berharap dengan adanya Undang-undang sepertimana yang dikemukakan oleh Kerajaan ini, rakyat berbilang kaum—rakyat di antara orang Cina, orang India dan orang Melayu akan dapat bersatu-padu untuk meneruskan perjuangan yang telah dipupuk oleh pemimpin-pemimpin kita semasa kita hendak menuntut kemerdekaan dahulu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang ingin saya sampaikan dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

655 *ptg.*

**Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa membentangkan Rang Undang-undang ini, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengatakan bahawa beliau mengalutakan pandangan anggota-anggota Parlimen mengenainya. Ingin saya memberi sedikit pandangan tentang pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami sedar bahawa seorang Menteri Dalam Negeri di sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan agama memikul tanggungjawab yang berat untuk menjaga ketenteraman awam dan kepentingan negara. Sebagai Wakil-wakil Rakyat, kami berwajib membantu Menteri yang berkenaan menjalankan tugas berat dan penting ini dengan sesungguhnya.

Mengenai Rang Undang-undang ini, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri supaya menimbang semula Fasal 9 bahawa keputusan Menteri tidak boleh disoal

dalam mana-mana mahkamah. Yang Amat Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa demokrasi berparlimen kita beralaskan kepada sistem pembahagian kuasa. Mengikut falsafah pembahagian kuasa ini, tiap-tiap cawangan pemerintah mengadakan peranan masing-masing. Cawangan Legislative menggubal undang-undang, cawangan Executive menguatkuasakan undang-undang, cawangan Kehakiman bertanggungjawab mereviewkan undang-undang yang digubal oleh cawangan Legislative untuk menentukan bahawa ia betul-betul secocok dengan Perlembagaan kita dan juga mereviewkan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh cawangan Executive ini untuk menentukan bahawa ia secocok dengan undang-undang kita.

Dalam ucapan tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memetik tulisan seorang professor Inggeris yang mengatakan, dengan izin:

"Every practising barrister knows before which judges he would prefer not to appear in a political case, because he believes that certain judges are much more likely than other to be biased against certain group".

Tuan Yang di-Pertua, tiada sesiapa yang boleh menafikan bahawa penyelewengan pun boleh berlaku di dalam cawangan Kehakiman di sebuah demokrasi. Tetapi pada hemat saya, cara yang lebih berkesan untuk mengatasi penyelewengan ini ialah menukar hakim yang menyeleweng mengikut prosedur yang ditetapkan, bukan menghadkan skop cawangan Kehakiman untuk menjalankan tugas judicial review-nya.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip judicial review merupakan tiang mustahak bagi sistem pembahagian kuasa di sebuah demokrasi berparlimen, dan saya berdoa agar Yang Amat Berhormat Menteri akan

menimbang pandangan saya mengenai Rang Undang-undang ini dengan sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bakri dan selepas itu Menteri akan menjawab.

7.01 mlm.

**Tuan Chua Jui Meng (Bakri):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong apa yang dikatakan tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri iaitu tujuan utama pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ialah untuk memastikan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Undang-undang itu tahun 1984.

Di bidang undang-undang ada satu peribahasa yang menyebutkan "law is lottery". Ertinya ialah bila kita dihadapkan ke mahkamah, ada masa kita tidak dapat menetapkan siapa yang menang, siapa yang kalah, iaitu yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Mungkin di dalam tafsiran satu peruntukan undang-undang, seorang Hakim boleh membuat satu tafsiran dan seorang Hakim lain boleh membuat tafsiran yang lain. Itulah ertinya "law is lottery". Saya bersetuju pada pindaan undang-undang ini, maksudnya untuk memastikan iaitu Kerajaan dapat memastikan apakah kuasa Kerajaan terhadap atau mengenai Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan.

Pada hemat saya, matlamat Undang-undang dan pindaan ini bukan untuk berkonfrantasi dengan kehakiman. Saya tidak bersetuju dengan kecenderungan dengan beberapa Ahli Parlimen di sini yang ingin mencabar para Hakim. Itu bukanlah maksud kita pada hari ini. Katau itu maksud kita, saya sebagai seorang peguam, saya tentu tidak bersetuju, tetapi yang disebutkan tadi

itulah untuk memastikan undang-undang dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Hasrat ini pada hari ini disebabkan oleh dua kes, kalau saya tidak silap, yang baru dihadapkan kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung di negara kita, kes pertama, "The Asian Wall Street Journal", kes yang kedua, ialah kes ALIRAN.

Mengenai dengan kes *The Asian Wall Street Journal* atau kes J. P. Berthelsen against the Director General of Immigration, satu keputusan Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi di negara kita, seorang correspondent asing dari *The Asian Wall Street Journal*, permitnya untuk menduduki di dalam negara kita ditarik balik oleh Director General of Immigration dalam kuasa yang diberikan kepadanya dalam peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Tetapi bila disampaikan kepada Mahkamah Tinggi dan kepada Mahkamah Agung, Mahkamah Agung membuat satu keputusan bahawa itu adalah salah guna undang-undang dan kuasa. Maksud undang-undang itu adalah tetap, memberikan kuasa kepada Director General of Immigration, kuasa kepada satu sovereign nation, dengan izin, untuk mengizinkan atau ditarik balik kebenaran kepada seseorang asing untuk menduduki di dalam negara kita. Tetapi dalam kes itu Mahkamah Agung ada menyebut, sebab tidak mengikuti principle of natural justice, iaitu tidak membiarkan correspondent itu, iaitu Mr. Berthelsen untuk didengar dahulu sebelum keputusan dibuat. Sebab itu Mahkamah Agung menyebutkan tidak ada kuasa kepada Director General of Immigration untuk membatalkan permitnya.

Kes yang kedua ialah, kalau saya tidak salah, mengenai ALIRAN. Dalam peruntukan yang sedia ada iaitu Seksyen 12, subseksyen (2)—Printing Presses and Publications Act

1984, dengan izin, "The Minister shall have the absolute discretion to refuse an application for a licence or permit or the renewal thereof". Dalam kes itu, kalau tidak salah, sebab kes itu tidak dilaporkan dalam *Malayan Law Journal*, Tuan Hakim di sana dalam kes ini. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kes itu tidak ada appeal? Sudah habiskah appeal dia?

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya ingat tidak ada appeal, kalau tidak salah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau belum habis, *sub judice*. Tidak boleh Yang Berhormat sambung.

**Tuan Chua Jui Meng:** Ya, apa yang disebutkan itu adalah muktamad. Decision atau keputusan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jikalau kes appeal ini belum habis, maka Yang Berhormat tidak boleh menyentuh.

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya tidak tahu dengan tepat ada atau tidak ada appeal atau rayuan dalam kes ini. Sebab itu I'll abide by the decision of Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cakap dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Chua Jui Meng:** Yalah. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan ialah kalau ada peruntukan di dalam undang-undang kita, iaitu maksud Parlimen untuk memberikan kuasa yang muktamad kepada seorang Menteri dalam apa-apa undang-undang jua, kita hendakkan mahkamah mengikutinya. Itu bukan kita hendak salahkan Tuan Hakim dalam mana-mana kes. Ini bukan maksud kita. Maksud kita ialah hendak memastikan peruntukan-peruntukan sebab para Hakim tidak membuat tafsiran 1, 2 atau (a), (b) dan (c). Satu sahaja keputusan. Itulah matlamat kita pada hari ini.

Saya pun bersetuju dengan Ahli Parlimen dari Tasik Chenderoh tadi iaitu suasana yang kita ada dalam negara kita tidak membiarkan satu sikap Kerajaan yang terlalu liberal. Kerajaan Barisan Nasional lima enam tahun kebelakangan ini telah mempraktikkan satu dasar, satu sikap, satu ciri Kerajaan yang terlalu liberal tetapi ada pihak yang tidak menilaikan sikap liberalisma itu, sebab pada masa kini kita dalam negara ini hendak mengutamakan perkembangan ekonomi dan meredakan kepentingan politik. Itu mustahak sebab sekarang kita menghadapi satu stock market crash di seluruh dunia dan kita tidak tahu apakah masa hadapan negara kita. Adakah dunia akan memasuki dalam satu zaman "the great depression" seperti di tahun 30an. Kita tidak dapat pastikan. Sebab itulah mustahak untuk menstabilkan keadaan politik dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan peruntukan undang-undang terhadap penerbitan di negara kita, yang pertama dalam Fasal 2, kita sekarang hendak menghapuskan konsep renewal of licence, dengan izin. Pada kini sebelum pindaan ini dibuat, setiap pemegang lesen untuk penerbitan di negara kita selepas tempoh dia sudah tamat, dia harus membuat satu renewal atau pembaharuan. Tetapi sebab kes dalam Mahkamah Agung telah membuat satu keputusan iaitu menggunakan the principle of reasonable expectation atau satu harapan yang munasabah, iaitu ertinya dalam mahkamah, decision of the case of J. P. Berthelsen against Director-General of Immigration, sebab apabila tempoh lesen itu sudah mati, dia akan membaharuinya atau apply for a renewal atau memohon untuk diperbaharui lesen itu, Mahkamah membuat satu keputusan. Dia ada satu harapan yang munasabah iaitu lesennya dapat dibaharui. Itulah ertinya. Kita tidak dapat membuat

satu keputusan yang muktamad iaitu kuasa yang diberi kepada Menteri tidak dapat ditafsirkan sebagai muktamad, sebab penerbit magazine itu atau akhbar itu ada harapan untuk membaharunya. Sebab itu ada satu peruntukan iaitu konsep pembaharuan dihapuskan dan selepas ini kalau pindaan ini diterima oleh Parlimen, selepas licence mati, tiap-tiap pemegang licence itu hendaklah, dengan izin, make an entirely fresh application dan sebab itulah dengan peruntukan itu tidak ada lagi satu harapan munasabah, dengan izin, a reasonable expectation of renewal.

Tuan Yang di-Pertua, lagi dua peruntukan yang diberikan oleh Bil ini ialah mengenai keputusan yang muktamad iaitu satu keputusan yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan ialah satu keputusan yang muktamad, tidak dapat lagi dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Akan tetapi dalam kefahaman saya terhadap undang-undang yang sedia ada, jika undang-undang menyebutkan satu decision of the Executive atau Pentadbir muktamad tetapi ada dua qualifications kepada principle itu. Pertama, Pentadbir itu atau Menteri itu mesti membuat keputusan itu dengan kuasa yang ada dalam undang-undang itu. Pada hemat saya ini tidak ada masalah kepada Menteri. Tetapi yang kedua, keputusan itu mesti dibuat dengan good faith, tidak mesti ada bukti iaitu dibuat dengan malaise atau bad faith *mala fide*. Kalau sesuatu keputusan dibuat oleh sesiapa pun Pentadbir atau Menteri dengan bad faith, mahkamah ada lagi kuasa untuk memberikan satu relief atas permohonan sesiapa yang haknya dijejaskan. Itulah undang-undang yang saya faham.

Ketiga, untuk memastikan kuasa kepada Menteri ialah, dengan izin, the avoidance of the principle of natural justice. Itu ialah satu kuasa peruntukan yang luar biasa. Sebab principle of natural justice ialah satu

prinsip yang kita sudah alami, bukan sahaja di negara kita, tetapi juga di negara yang lain-lain sebab sesuatu yang dikasihilah oleh rakyat jelata—principle of natural justice.

The principle of natural justice, khasnya disayangi oleh ahli-ahli MCA sebab dalam kegentingan parti kita pada masa yang baru lalu, kita menggunakan principle of natural justice ini untuk mengutamakan hak-hak asasi kita dalam parti. Iaitu sebelum satu-satu keputusan dibuat oleh orang yang berkuasa terhadap seseorang ahli-ahlinya, dia mestilah terlebih dahulu memberikan peluang kepada ahli-ahli itu untuk didengari (hear the other side), atau dalam bahasa Latin audi alteram partem. Satu prinsip yang sudah beratus-ratus dan beribu-ribu tahun dalam sejarah daripada zaman Roman sampai sekarang audi alteram partem iaitu hear the other side first, iaitulah prinsip yang kita sangat nilaikan. Tetapi untuk selaras dengan keadaan yang ada sekarang, saya bersetuju sebab kita hendak menstabilkan negara, utamakan ekonomi dan lain-lain, saya bersetuju hak itu diketepikan tetapi saya harap pada masa yang akan datang bila ekonomi sudah pulih dan kestabilan negara sudah teguh, saya haraplah Menteri yang berkenaan menarik balik peruntukan ini dan kita utamakan lagi di dalam negara kita the right to be heard atau "audi alteram partem" rule.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada satu peruntukan baru di dalam Akta ini iaitu yang terkandung dalam Fasal 4, the publication of false news (berita yang palsu atau tidak benar). Saya bersetuju pada masa ini, ini wajar diperuntukkan.

Saya hendak tunjukkan satu contoh. Seorang pemimpin di negara kita menjadi mangsa kepada false news, dengan izin. Saya merujuk kepada

Menteri Buruh negara kita. Pada suatu masa Menteri Buruh ada mengkritik penyelewengan (deviation) from the practise atau pengamalan Dasar Ekonomi Baru. Deviation yang beliau kritik, tetapi ada musuh, ada orang yang berniat jahat untuk kepentingan politik, mentafsirkan kenyataan Dato' Menteri itu sebagai membangkang Dasar Ekonomi Baru. Tidak langsung beliau bangkang Dasar Ekonomi Baru.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya pernah dengar beliau berucap: "Saya sokong kepada Dasar Ekonomi Baru, tetapi saya bangkang misimplementation dasar itu". Tetapi dalam suratkhbar dan majallah-majallah yang tertentu, dituduh memutarbelitkan, sampai beliau dipetikkan sebagai bercakap dia bangkang Dasar Ekonomi Baru.

Pada kegentingan yang baru lalu mengenai guru-guru yang dipindah kepada Sekolah SRJK (C). Ada suratkhbar yang menyebut Menteri yang berkenaan ada menyeru Kerajaan supaya menyingkirkan Menteri Pendidikan daripada Kabinet. Ya, ada kenyataan yang begitu. Dia bongkar hendak singkirkan Menteri Pendidikan daripada Kabinet, tetapi saya ada di sana bila dia membuat ucapan itu, saya tidak dengar beliau menyebut itu—tidak, tetapi itu diputarbelitkan oleh ahli-ahli politik untuk kepentingan diri sendiri.

Dan lagi dalam suratkhbar, yang tidak saya perlu namakan, pada kegentingan yang saya sebutkan tadi ada satu headline yang menyuarakan: "MCA hendak mengutamakan bahasa Cina sebagai Bahasa Kebangsaan". Itulah headline dalam suratkhbar itu. Saya tidak pernah dengar sesiapa pemimpin jua dalam parti saya menyebutkan dia hendak mengutamakan bahasa Tionghua atau bahasa Cina sebagai Bahasa Kebangsaan—tidak. Sebab itulah

wajar kita ada satu peruntukan untuk mendendakan, menyalahkan sesiapa juga yang mengeluarkan false news, sebab false news ini boleh menimbulkan kegentingan dalam negara kita dan sebab itu. . . . .

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Larut bangun.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bakri. Kalaupun itu semua false impression diberi oleh suratkhbar-suratkhbar lain, adakah parti berkenaan mengambil tindakan malu ataupun rugi ataupun slander supaya perkara ini dipercayai yang sebenarnya tidak dikatakan oleh ketua-ketua mereka, bahkan dengan izin, a false statement by the newspapers.

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada learned friend saya. Itu benar. Itu terpulang kepada pihak Menteri yang berkenaan sama ada dia hendak mengeluarkan satu civil suit mengenai fitnah itu. Itulah satu kebebasan kepada parti atau kepada seseorang individu. Tetapi kita sudah taham kes fitnah atau defamation suit—yang learned friend saya pun faham—kes fitnah memakan masa beberapa tahun dalam mahkamah, kalau kita hendak melancarkan satu kes fitnah. Berapa tahun?

Saya ada mengalami sebagai seorang peguam, satu kes fitnah dibicarakan selepas 10 tahun. Di Mahkamah Tinggi Johor Bahru 10 tahun. Itulah selepas 10 tahun, demam sudah turun, kita sudah lupa—tak apalah, kita pun maafkan, tetapi inilah satu peruntukan yang wajar, sebab dengan itu Menteri boleh dengan

secepat-cepatnya mengeluarkan prosecution terhadap sesiapa yang mengeluarkan false news.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan peruntukan Fasal 4 itu yang menyebutkan tidak boleh ada dakwaan kecuali kebenaran bertulis daripada Public Prosecutor. Itu satu safety-valve yang baik.

Saya masih ingat dalam penjelasan Perdana Menteri datam pindaan kepada OSA, kitapun ada satu peruntukan yang sama, yang wajar, yang arif dimasukkan dalam pindaan ini. Bukan tiap-tiap kes yang dikeluarkan news yang palsu atau yang tidak benar kita mesti lancarkan pendakwaan—bukan semua kes. Kita hendak lancarkan atau menginstitutkan kes-kes di mana kes itu sehus. Seperti dalam ISA, kalau saya tidak salah dalam history ISA sampai kini hanya 6 kes prosecuted by the Public Prosecutor—hanya 6 kes sahaja. Kalau tiap-tiap kes kita hendak prosecute, mendakwa, saya ingatlah dalam mahkamah-mahkamah kita ada beribu-ribu kes. Sebab itulah saya ingat wajar iaitu kes prosecution melalui keizinan bertulis daripada Public Prosecutor.

Akhirnya, saya hendak menyeru, saya hendak buat satu rayuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri iaitu mengenai dengan satu suratkhobar yang bukan saya sahaja yang sayangi tetapi ramai sayang suratkhobar ini iaitu mengenai publikasi *THE STAR*, saya hendak buat satu rayuan. Yang sebenarnya, saya tiap-tiap hari sebelum . . . .

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya hendak habiskan. Minta Maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Jui Meng:** *The Star* sebelum permitnya ditarik balik oleh Kementerian yang berkenaan, tiap-tiap hari pada masa pagi, bila saya ambil sarapan, saya hendak baca dua suratkhobar. Pertamanya, *The New Straits Times*, keduanya, *The Star*. Pada masa ini saya nampak atas meja saya satu suratkhobar sahaja *The New Straits Times*—satu suratkhobar yang baik, tetapi saya merindiri *The Star*, Sebenarnya, saya rindu *The Star*.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Larut cuba lagi!

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya hendak habiskan.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, ucapannya tadi memang, dengan izin, very encouraging. Tetapi, dengan izin, towards the end, dia hendakkan *The Star* itu balik. Adakah Ahli Dewan berkenaan ada share, dan sharenya lebih penting dahpada ketenteraman negara?

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya merasa sangat bertuah pada hari ini, sebab kawan saya bukan Menteri berkenaan. Saya rayu terus kepada Menteri berkenaan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya menghormati. Itulah satu suratkhobar yang. . . .

**Tuan Chian Heng Kai:** Untuk penjelasan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bakri. *The Star* dan tidak mahu merayu bagi *Sin Chew Jit Poh* dan *WATAN*?. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia sudah jelaskan, dia suka *THE STAR*.

**Tuan Chian Heng Kai:** Dia suka *The Star* sahaja, *Sin Chew Jit Poh* dan *WATAN* tidak suka?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dua suratkhbar sahaja dia baca (*Ketawa*). *Teruskan Yang Berhormat.*

**Tuan Chua Jui Meng:** Tadi. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Jui Meng:** Ya, saya tahu. Tuan Yang di-Pertua sudah banyak memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen, khasnya dari Pembangkang untuk merayu terhadap lain-lain suratkhbar, tetapi dia tidak hendak ambil peluang itu. Saya merayutah kepada Yang Amat Berhormat iaitu *The Star*, pada hemat saya satu suratkhbar yang amat bertanggungjawab, satu suratkhbar yang sederhana dalam pendekatannya dan dalam editorialnya saya nampak dalam masa kegentingan terhadap isu sekolah China yang baru lalu, editorialnya pun sederhana. Dia tidak melampaui batas dalam hujah-hujahnya dalam editorialnya, dan saya haraplah dan akhirnya Yang Amat Berhormat dapatlah 'fulfill, dengan izin, hasrat beribu-ribu orang, bukan daripada MCA sahaja, tetapi daripada semua kaum dalam negara kita yang sayang kepada *THE STAR* itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.25 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua wakil-wakil yang telah berucap iaitu seramai 13 orang semuanya dan saya mengucapkan tahniah kepada wakil-wakil dari Tasek Chenderoh, Arau

dan juga Bakri yang telah dapat menolong saya untuk memberi penerangan di atas beberapa hujjah yang telah dibangkitkan oleh wakil-wakil yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ada 5 wakil yang telahpun membangkitkan perkara Fasal 9, Seksyen 13A. Dengan sebab itu lebih baiklah saya menerangkan sedikit-sebanyak masalah Seksyen 13A ini, Seksyen 13A ditambah supaya keputusan Menteri tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak di mahkamah. Tanpa tambahan Seksyen 13A segala keputusan Menteri akan dipertikaikan oleh sesiapa sahaja, khususnya penerbit dan pencetak yang berkenaan. Seksyen tersebut adalah mustahak bagi membolehkan Menteri bertindak dengan cepat, tegas dan berkesan apabila sesuatu keadaan atau isu yang akan menjejaskan kepentingan-kepentingan negara. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengetahui kepentingan negara mestilah diutamakan oleh semua pihak dan mana-mana pihak hendaklah tidak patut bertindak sehingga menjejaskan kepentingan negara.

Pada akhir-akhir ini saya dapati pihak tertentu mencari jalan untuk menumpaskan tindakan Kerajaan yang diambil di atas kepentingan negara melalui interpretasi atas keputusan undang-undang yang tidak mengambil kira keutamaan kepentingan negara, seolah-olah kemenangan di mahkamah adalah lebih penting daripada kepentingan negara (*Tepuk*).

Sebenarnya, pindaan Akta Mesia Cetak dan Penerbitan 1987 menggariskan betapa seriusnya Kerajaan memandangkan kepada keadaan-keadaan yang memaksa Akta tersebut dikemaskan dan diperkuatkan. Beberapa akhbar telah menunjukkan kecenderungan untuk

menggemparkan rakyat dengan berita-berita yang tidak tepat, palsu dan lebih buruk lagi lapuran-lapuran yang menghasut kaum-kaum tertentu dan juga pertikaian-pertikaian daripada berita-berita dan hasutan-hasutan tersebut. Berita-berita perkauman disemaikan berselerak di sana sini. Pada akhbar telah hilang, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, objectivity dan 'sense of responsibility'. Mereka tidak peka kepada peri mustahaknya perpaduan rakyat hendaklah dikekalkan setiap masa. Mereka telah menyalahgunakan sikap liberal Kerajaan. Dalam keadaan demikian, Kerajaan perlu bertindak dengan cekap dan berkesan demi kepentingan negara.

Lagi satu perkara yang telah dibangkitkan iaitu sebelum saya lupa ialah wakil dari Kangar yang telah menyoal masalah Seksyen 8A, Fasal 4. Ingin saya menyarankan seperti mana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam ucapan beliau semasa membentangkan Rang Undang-undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1987 tadi, seksyen tersebut adalah sangat penting. Mengikut seksyen ini adalah menjadi satu kesalahan mana-mana perbuatan menerbitkan berita-berita palsu dengan niat jahat. Niat jahat di sini adalah bermaksud menyebarkan berita-bertia yang tidak berasas atau yang terlibat itu gagal membuktikan bahawa ia telah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan kesahihan berita-berita tersebut. Seksyen ini adalah sangat penting kerana pada akhir-akhir ini banyak berita-berita palsu yang tidak berasas yang disebarkan tanpa perasaan tanggungjawab sehingga memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Adalah menjadi tujuan seksyen ini untuk menentukan akhbar-akhbar lebih bertanggungjawab. Sebenarnya, Kerajaan tidak nampak apa gunanya

membiarkan berita-berita palsu disebar kononnya dengan alasan kebebasan bersuara.

Wakil dari Kangar juga telah mempersoalkan tentang kuasa seksyen baru 13A tadi, dan sebagai salah seorang bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, tentulah beliau sendiri tahu (*Tepuk*) bahawa tindakan yang diambil oleh seseorang Menteri Dalam Negeri bukanlah diambil dengan sewenang-wenang, tetapi telah menjalankan siasatan dan kajian dengan pertolongan semua pegawai-pegawai yang ada, dengan ini kita tahu bahawa penelitian yang terperinci dibuat sebelum tindakan kita jalankan.

Saya tidak hairan Pemangku Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengutuk dan mengecam pindaan kerana DAP memanglah tidak mahukan keamanan (*Tepuk*). Tidak suka melihat rakyat majmuk negara ini hidup aman damai. ....

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vjjandran):** Yang Berhormat minta penjelasan!

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya berpendapat adalah tidak adil bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa DAP tidak mahu keharmonian dan keslabilan di negara kita. Saya bangun ingin membetulkan perkara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih. Yang sebenarnya ayat saya belum habis, jadi kalau kita sekat di tengah-tengah maka pengertian itu tidak berapa tepatlah. .... tidak suka melihat rakyat majmuk negara ini hidup aman damai, DAP lebih senorok dan ghairah melihat dengan mewujudkan suasana tegang dan meruncing sentiasa. DAP lebih ghairah menggunakan isu-isu sensitif

yang boleh menaikkan darah perkauman, lebih suka melihat tiap-tiap kaum negara ini mengadakan demonstrasi sepertimana kita lihat di tol-tol yang baru dibina.

Kalau kita lihat apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Seremban juga Pengkalan Chepa, Akta yang seperti ini wujud juga di tempat-tempat lain. Di Hong Kong sendiri mempunyai undang-undang seperti ini dan kita tahu bahawa di Hong Kong tidak ada Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, tetapi mempunyai undang-undang yang ketat sepertimana yang kita adakan ini.

Kita mesti sedar bahawa negara ini adalah negara yang berbilang kaum, kadang-kadang kita bercakap dalam Dewan Parlimen ini kita menganggap bahawa dunia luar daripada Parlimen ini ialah sebuah dunia yang aman sepertimana dalam Dewan ini. Semua rakyat yang ada di luar Dewan ini adalah serupa dengan rakyat yang ada dalam Dewan ini iaitu baik, boleh senyum, boleh terima segala kritikan dan kata-kata pedih, kadang-kadang apa yang kita perikatakan dalam Dewan ini kalau kita perikatakan di luar, mungkin kita balik rumah telinga kita hilang, mata kita buta.

Kalau kita sedar akan keadaan negara kita ini adalah negara yang mempunyai berbilang kaum, berbilang budaya, berbilang agama, maka kita tahu betapa pentingnya Akta ini mesti diadakan kerana perkara-perkara yang sensitif mesti kita bendung untuk menentukan bahawa keadaan negara ini benar-benar aman, dan saya kadang-kadang merasa hairan mengapa ada pihak yang mengatakan bahawa dengan adanya Akta ini, maka pelabur asing takut hendak datang dan ini telah banyak diperkatakan oleh sahabat-sahabat kita tadi.

Kita tahu bahawa tanpa Akta ini hampir-hampir kita mencetuskan satu pergaduhan kaum yang dahsyat

sebulan yang lepas, tetapi dengan adanya tindakan tegas daripada Kerajaan, bendungan Kerajaan yang tegas, kita tahu bahawa keadaan hari ini aman semua orang berasa lega, semua supermarket tidak habis dengan barang-barang yang patut dibeli. Tetapi pada masa sebelum 1hb November kita tahu kebanyakan supermarket pun kekurangan bahan-bahan harian. Begitulah tegang dan cemasnya kedudukan. Dan inilah yang dikatakan boleh membawa pelaburan asing ke negara kita? Jadi janganlah hanya bercakap untuk memuaskan perasaan hati, tetapi fikirkanlah baik-baik kebaikan keseluruhan rakyat di negara ini. Kerajaan tidak berniat jahat, undang-undang bukan untuk menindas akhbar tetapi untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara. Kerajaan tidak akan menyalahgunakan kuasa, ini adalah sangkaan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mahkamah boleh menentukan sama ada sesuatu yang kita lakukan itu baik ataupun tidak baik.

Mengenai kebenaran berita, banyak yang sengaja membuat laporan yang tidak benar, kerana ingin mencapai tujuan-tujuan tertentu dan saya fikir dengan Akta ini tidak sekali-kali akan membunuh dunia kewartawanan di negara ini kerana kalau sekiranya berita itu tidak benar, palsu maka tindakan akan diambil, tetapi kalau sekiranya berita-berita itu benar, undang-undang ini tidak akan mengambil tindakan apa-apa, yang perlu takut ialah mereka yang cipta cerita yang tidak betul sahaja.

DAP juga telah mengatakan bahawa dengan adanya Akta ini merupakan "loceng maut telah berbunyi". DAP yang sebenarnya telah berkata ayat ini berkali-kali bahawa "loceng maut sudah berbunyi" dalam negara ini tetapi DAP masih lagi boleh mengecam Kerajaan dan sekarang pun masih mengecam Kerajaan, walaupun

mereka mengatakan "loceng maut telah pun berbunyi". Jadi apa yang saya hairan ialah hari ini. ....

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat!

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa sampai sekarang pihak Pembangkang masih boleh berucap berkaitan dengan Rang Undang-undang ini.

Saya hendak tanya tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mungkin ini akan apa yang saya sifatkan sebagai "the last fling", bukan sahaja untuk parti Pembangkang, tetapi mungkin pihak akhbar di situ—the last fling untuk melaporkan apa yang patut, yang harus yang dapat dilaporkan (*Tepuk*).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, masa kita membentangkan OSA dahulu pun pihak DAP telah menggembar-gemburkan keadaan yang bukan-bukan, menakutkan rakyat (*Tepuk*) tetapi berapa orang pemberita-pemberita yang ditangkap kerana OSA sampai hari ini? Kerajaan yang ada hari ini. Kerajaan yang adil (*Tepuk*) saksama, kita akan jalankan undang-undang mengikut kehendak Dewan yang mulia ini, janganlah khuatir tentang hal ini.

Saya tertarik hati dengan Yang Berhormat dari Seremban—10 tahun dahulu nama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mungkin nama yang paling dibenci oleh DAP kerana beliau Presiden UMNO—tetapi hari ini nama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ini di mulut tiap-tiap ahli DAP, sampai Majalah Rocket keluaran

baru hari ini DAP mempamerkan muka Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang begitu besar.

Saya tidak tahu adakah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ini dianggap sebagai pemimpin agong DAP? 10 tahun dahulu semua apa yang Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kata semua tidak betul. Dan saya percaya apabila Perdana Menteri kita yang ada hari ini bersara besok pun, harap DAP akan letakan gambar Perdana Menteri yang baru ini pun dalam Majalah Rocket. ....

**Tuan Sim Kwang Yang:** Minta jalan! Tuan Yang di-Pertua, selepas Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tidak begitu aktif dalam arena politik, beliau memainkan peranan yang penting dalam negara kita ini sebagai seorang "Senior Statesman", dengan izin. Maka beliau pun jadi seorang pemimpin bukan bagi UMNO sahaja, tetapi kesemua rakyat Malaysia yang berbilang kaum, termasuk orang DAP, kita pun amat menghormati kepada beliau oleh kerana sekarang beliau memainkan peranan lain.

Jikalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, esok tidak jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lagi dan memainkan peranan yang sama degan bercakap terus-terang sebagai seorang Senior Statesman, dengan izin, memang "Rocket" kalau kita fikir Yang Amat Berhormat itu betul, memang gambarnya akan diletakkan dalam front page "Rocket" kerana beliau betul, bukan beliau Presiden UMNO. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, ini yang susah hendak baca DAP ini. Dahulu dia maki pemimpin-pemimpin kita, hari ini dia sanjung pemimpin kita, kerana apa semata-mata untuk kepentingan perjuangan partinya (*Tepuk*). Bukan untuk kepentingan rakyat dan negara, tidak terlintas itu, hanya untuk kepentingan parti sahaja.

Ini fasal wakil dari Pengkalan Chepa, beliau tiada di sini. Saya tidak tahulah wakil dari Pengkalan Chepa ini, apa kesilapan dan kecacatan Kerajaan yang harus, patut ditegur oleh mereka. PAS tidak pernah terima teguran daripada orang lain walaupun jelas sikap mereka benar-benar menyalahi aqidah keislaman kita seperti mengkafirkan orang Islam, memisahkan jemaah semasa sembayang Jumaat dan sebagainya. Nasihat orang lain tidak pernah dia terima, tetapi hari ini bercakap berkenaan dengan hendak nasihat orang lain. Jadi saya pun kadang-kadang tidak tahulah, menentang ISA dia kata kalau bawa ke mahkamah bunuh pun tidak mengapa. Tetapi bila ada Hakim jatuhkan hukuman mati kepada seseorang ada orang bantah, DAP bantah, PAS pun sama-sama bantah walhal telah pun kita adikan di mahkamah. Jadi kadang-kadang susah juga hendak fikir tentang hal ini, lepas itu dia kata mengapalah kita buat pindaan ini semasa kes ALIRAN belum selesai, kalau hendak tunggu kes di mahkamah habis, hari ini ada 300,000 kes yang belum diselesaikan. Kita boleh rehat semua, Ahli-ahli Wakil Rakyat semua, tidak payah buat undang-undang, tunggu kes 300,000 di mahkamah. Jadi tidak buat apalah kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak yang hercakup kebanyakannya bertindih-tindih tetapi perkara yang penting yang telah dibawa saya lihat ialah perkara Fasal 9 dan juga Pasal 4 yang mana telah pun saya terangkan sebentar tadi. Dengan itu pihak saya selaku. ....

**Tuan Lee Lam Thye:** Minta jalan. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menamatkan ucapannya dalam menggulung perbahasan ini, izinkan saya mendapat penjelasan atas satu perkara yang kami anggap adalah amat penting dan itu ialah mengenai

apa yang dianggap sebagai berita-berita yang menggemparkan orang ramai,

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri bagaimana pihak Kerajaan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyiiatkan perkataan ini menggemparkan orang ramai, misalnya saya hendak bertanya ini sama ada sekiranya tertimbul apa-apa berita misalnya berkaitan dengan perkara skandal misalnya adakah ini dianggap sebagai menggemparkan orang ramai dan tidak dapat dilaporkan oleh suratkhbar.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya perkara skandal itu adalah perkara yang benar dan nyata maka ia tidak dimasukkan ke dalam tindakan ini tetapi kalau skandal itu direka-reka oleh pihak-pihak yang tertentu. Misalnya, DAP bercakap di kawasan-kawasan kampung-kampung baru bahawa Dasar Ekonomi Baru membunuh rakyat Cina di negara ini—misalnya. Ini cerita tidak betul. Jadi macam seperti itulah ataupun dalam kes BMF, ada pihak yang mengatakan beberapa orang Menteri terlibat dalam skandal BMF. Cerita itu tidak betul. Tetapi kalau skandal BMF itu sahaja yang dibangkitkan yang boleh dibuktikan betul bahawa wujud skandal dalam BMF, tidak mengapalah tetapi dikaitkan beberapa orang Menteri. Ini kita anggap yang menggemparkan rakyat.

Saya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri di mana Boss saya pun ada di sini (*Ketawa*) akan memberi jaminan bahawa berita-berita yang menggemparkan orang ramai akan diteliti dengan sehalus-halusnya oleh Kementerian Dalam Negeri sebelum kita mengambil keputusan, kerana itulah amalan yang telah kita buat selama 30 tahun kita memerintah (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini lagi sekali saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Wakil-wakil yang telah berucap yang telah menyokong, yang telah berdiri di tengah-tengah dan juga yang telah membangkang tentang Usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju kata bersetuju. . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 46 untuk memohon diadakan belahbahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Siapa yang hendak belahbahagian, bangun. (15 Ahli bangun). Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

### BELAHBAHAGIAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jumlah Ahli-ahli Yang Bersetuju, 63 (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, 15. Lebih Ahli yang bersetuju.

#### YANG BERSETUJU:

1. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad
2. Dato' Dr Ling Liong Sik
3. Datuk Leo Moggie anak Irok
4. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze
5. Dato' Chan Siang Sun
6. Tuan Kasitah bin Gaddam
7. Dato' Haji Sabbaruddin Chik
8. Dato' K. Pathmanaban
9. Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha

10. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed
11. Dato' Oo Gin Sun
12. Dato' Megat Junrd bin Megat Ayob
13. Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha
14. Tuan Ng Cheng Kuai
15. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed
16. Tuan Wan Choon Wing
17. Tuan Osu bin Haji Sukatn
18. Tuan Law Hieng Ding
19. Tuan Alias bin Md. Ali
20. Raja Ariffin bin Raja Sulaiman
21. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
22. Dr Leo Michael Toyad
23. Tuan Abdul Ghani bin Othman
24. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad
25. Tuan Peter Chin Fah Kui
26. Tuan Abdul Raman bin Suliman
27. Tuan Adam bin Abdul Kadir
28. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
29. Tuan Othman bin Abdul
30. Dr Goh Chen Teik
31. Dato' Abdullah Ahmad
32. Tuan Haji Bastri bin Bajuri
33. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah
34. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan
35. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad
36. Tuan Ahmad bin Omar
37. Tuan S. S. Subramaniam
38. Tuan Chua Jui Meng
39. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang
40. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar
41. Tuan Hashim bin Safin
42. Tuan Mohammad bin Haji Isa
43. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof
44. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah
45. Tuan Ismail bin Said
46. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan
47. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim

48. Tuan Mutang Tagal
49. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
50. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan
51. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin
52. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie
53. Puan Ling Chooi Sieng
54. Dr Abdul Hadi bin Derani
55. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
56. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff
57. Tuan Mohd. Noh bin Rajab
58. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid
59. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob
60. Tuan Law Lai Heng
61. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad
62. Tuan Shahidan bin Kassitn
63. Tuan Zubir bin Embong

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

1. Dr Chen Man Hin
2. Tuan Lee Lam Thye
3. Tuan Gooi Hock Seng
4. Tuan Sim Kwang Yang
5. Tuan Fung Ket Wing
6. Tuan Peter Paul Dason
7. Tuan Chian Heng Kai
8. Tuan Ting Chek Ming
9. Tuan Teoh Teik Huat
10. Tuan Gerard Math Lee Min
11. Tuan Ngoi Thiam Woh
12. Tuan Liew Ah Kim
13. Tuan Tan Kok Wai
14. Tuan Hsing Yin Shean
15. Tuan Samson Chin Chee Tsu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3—*

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perkataan-perkataan, "Perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing". Dalam bahasa Inggeris, "the relationship with any foreign country or government", dalam seksyen 7(1) dibatalkan. Penggunaan peruntukan ini boleh disalahtafsirkan dan Kerajaan mungkin dituduh memihak kepada satu-satu negara dalam pertikaian di antara dua negara. Dengan itu adalah dicadangkan ianya digugurkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dipinda dengan dibatalkan perkataan-perkataan yang sama, iaitu "Perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing" yang terdapat dalam Fasal 3 bagi pindaan seksyen 7(1).

Sekarang masalah ini terbuka untuk dibahas—tak ada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dipinda seperti yang saya bacakan tadi.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui,

*Fasal 1 hingga 3* sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4—*

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini dalam peringkat Jawatankuasa. Menurut Peraturan-peraturan Majlis Dewan ini Bil. 57(2), saya telah beri notis mencadangkan

satu usul untuk meminda Fasal 4, Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1984 yang berbunyi:

"Bahawa Fasal 4 Bil tersebut dibatalkan sama sekali".

Tuan Pengerusi, Fasal 4 merupakan hakisan tambahan kepada kebebasan melahirkan pendapat akhbar dan maklumat, dengan izin, "the right of freedom to express and information". Fasal ini adalah tidak demokratik, tidak berperlembagaan dan merupakan menafikan teruk hak asasi rakyat. Pihak Kerajaan telah mempunyai banyak Akta-akta untuk mengawal dan mengatasi kesalahan yang mungkin dilakukan oleh akhbar-akhbar dan Fasal 4 yang dicadangkan tidak diperlukan sama sekali. Akan tetapi, dengan adanya Fasal 4 ini pindaan-pindaan yang dicadangkan akan cuma menjadi suratkhbar di negara kita, suratkhbar terkawal atau dengan izin, "controlled press" yang mana mereka akan melaporkan apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ekecutif hendak membaca dan bukan laporan yang menjadi bayangan pendapat-pendapat awam. ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, ini dasar.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Ya, dasar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sekarang ini bukan dasar. Ini kita kena perinci perkataan dalam Jawatankuasa.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Mengenai Fasal 4. ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, tolong. ....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, hadkan fasal pindaan itu.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Mengenai Fasal 4. ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dasar tak boleh. Ini perincian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Betul Yang Berhormat. Jangan ucap atas dasar am.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Pengerusi, sekiranya pindaan-pindaan ini diluluskan, semua suratkhbar di negara kita akan mencontohi NST yang memiliki Fleet Group dan satu, dengan izin, mouthpiece UMNO sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya rasa itu dasar, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, dalam Jawatankuasa ini kita perincian ayat sahaja, lain tak ada.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Baiklah. Tuan Pengerusi, pertamanya saya merujuk kepada peruntukan dalam Fasal 4 untuk menambah seksyen baru, iaitu 8A yang mana niat jahat bagi apa-apa berita yang tidak benar telah menjadikan satu isu di dalam peruntukan kesalahan di bawah Akta ini. Soal pokok ialah apakah kriteha atau standard yang akan digunakan untuk menentukan sama ada berita tertentu dalam hal ini adalah benar atau tidak benar.

Seksyen 8A ini tidak mengambil kira amalan di antara kalangan wartawan-wartawan untuk mengawal diri mereka di dalam menentukan kebenaran apa-apa berita sahaja serta melindungi sumber berita mereka. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini untuk mengenakan wartawan untuk

membuangkan etika profesionalisme atau dengan izin, "to force them to abandon their professional ethics". Maka yang semua sedia maklum, "ethics cannot be legislated into law", dengan izin, hanya dengan hasrat wartawan-wartawan untuk menghormati kesucian profesionalisme mereka dengan mengikuti dan mengamalkan etika-etika mereka yang tidak bertulis atau "unwritten ethics" barulah dapat satu suratkhabar yang bertanggungjawab, Dengan seksyen 8A(2). ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, point of order di sana.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 55(2). Sekarang telah pun dibaca kali yang kedua. Saya ingat Tuan Pengerusi tolong tengok 55(2), kita telah buat Bacaan Kali Yang Kedua, kita tak

boleh sentuh dasar, ini perincian ayat-ayat—baca ayat itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ini spesifik. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat masa sudah. ....

**Tuan Teoh Teik Huat:** Ini soal spesifik. ....

**Seorang Ahli:** Don't try to be clever.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.*